

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



LANGKAN AKHBAR AMANAH SEGERA!
PERCUMA T-SHIRT

untuk urusan Langganan
☎ 011 3233 4322

Tiga penjuvu keranda untuk Pas Kelantan, kata penganalisis



→ ms2

Ajaib, TPM tidak dimaklum pelaksanaan IMAMS?



→ ms8

Perubahan politik di Johor sudah kelihatan



→ ms9



Rafzi berkata, hanya 31% pengundi Melayu di kerusi parlimen Kulim Bandar Baru dan Merbok memilih Umno dan hanya hanya 30% pengundi di Johor Bahru memilih Umno dalam pertandingan 3 penjuvu.

SOKONGAN MELAYU UMNO/PAS MERUDUM

SOKONGAN pengundi Melayu kepada Umno dan Pas jatuh merudum berbanding setahun lalu jika berlaku pertandingan tiga penjuvu antara Barisan Nasional, Pakatan Harapan dan Pas.

Kajian yang dibuat oleh INVOKE itu mendapati, sokongan kepada Umno kini tinggal 41% manakala Pas hanya 14% sahaja berbanding 25% Januari lalu dalam pertandingan tiga penjuvu. INVOKE menyimpulkan bahawa

keputusannya menunjukkan PH memenangi "sekitar 115" daripada 222 kerusi parlimen, yang membolehkannya membentuk kerajaan.

➔ **Laporan penuh muka 2**

PROMOSI TERBARU!!

DAPATKAN SEGERA

01132334322
untuk urusan pembelian


HANYA RM 49




HANYA RM 39




HANYA RM 29



HANYA RM 22



HANYA RM 19



Sokongan Melayu kepada Umno, Pas merudum

KAJI selidik terbaru Invoke Malaysia mendapati sokongan Melayu terhadap Umno dan Pas merosot teruk dengan Umno menerima 41% sokongan manakala Pas hanya mampu meraih 14% sokongan Melayu berbanding 25% pada kaji selidik yang dilakukan sebelum ini iaitu Januari lalu.

Ketika membentangkan hasil kajian itu, pengasas Invoke yang juga ahli parlimen Pandan Rafizi Ramli berkata, dapatan daripada kaji selidik itu menunjukkan hanya 41% dari pengundi Melayu di seluruh negara menyatakan akan mengundi Umno jika pilihan raya umum berlangsung dan berlaku pertandingan tiga penjur.

"Sekitar 50% dari pengundi Melayu yang akan mengundi Umno bersetuju bahawa GST membebankan dan menyokong jika ia dihapuskan.

"Ini bermakna tahap sokongan pengundi Melayu kepada Umno akan terus merosot kerana pengundi Umno pun merasa tekanan kos sara hidup," ujarnya.

Menurut Rafizi ketika dihubungi Malaysia-kini, sokongan kepada PH di kalangan orang Melayu adalah 13% namun sokongan di kalangan orang Cina melebihi 80% sebagaimana yang diperolehi pada PRU 13 lalu.

Beliau menjelaskan bahawa baki 32 peratus responden memilih untuk tidak mendedahkan mana-mana gabungan atau parti yang mereka sokong.

"Tahap sokongan pengundi Melayu kepada Pas dijangka terus merosot dalam bulan-bulan akan datang.

"Daripada 14% pengundi Melayu yang menyatakan akan menyokong Pas, hanya 21% tidak akan keluar mengundi sekiranya Pas tidak bertanding.

"Sebahagian besar pengundi Pas memilih untuk menyokong PH jika hanya PH dan BN bertanding, iaitu sebanyak 51% mengundi PH berbanding 28% yang akan mengundi BN," katanya.

INVOKE menjalankan dua jenis kaji selidik kecenderungan setiap bulan iaitu:

Kaji selidik kecenderungan pengundi untuk mengenal pasti sentimen pengundi di seluruh negara melibatkan 5,000 orang pengundi berdaftar yang dipilih secara rawak oleh sistem komputer.

Satu lagi adalah kaji selidik kecenderungan pengundi di kerusi-kerusi marginal yang akan menyaksikan saingan sengit di antara BN dan PH, melibatkan 1,500 orang pengundi berdaftar di setiap kerusi marginal.

Kaji selidik nasional dijalankan pada 5 hingga 13 Disember 2017, sementara kaji selidik di peringkat parlimen dijalankan di antara 6 November hingga 15 Disember 2017.

Kajian ini dijalankan di minggu pertama setiap bulan dan keputusannya digunakan oleh Invoke untuk menambahbaik profil 14 juta pengundi yang digunakan untuk mengenal pasti pengundi atas pagar yang

dihubungi oleh sukarelawan Invoke.

SOKONGAN PENGUNDI CINA DAN INDIA

Rafizi berkata, tahap sokongan pengundi Cina kepada PH telah kembali ke paras 2013 iaitu melepasi 80% dalam bulan Disember 2017 manakala tahap sokongan pengundi India juga telah kembali kepada paras 2013 dengan 60% berpihak kepada BN dan 40% kepada PH.

Beliau berkata, tahap sokongan pengundi Melayu kepada Umno lebih parah di negeri-negeri marginal utama iaitu Kedah dan Johor.

"Hanya 31% pengundi Melayu di kerusi parlimen Kulim Bandar Baru dan Merbok memilih Umno dalam pertandingan 3 penjur. Ini membayangkan tahap sokongan Melayu di Kedah kepada Umno adalah lebih rendah dari tahap nasional.

"Begitu juga di Johor hanya 30% pengundi di Johor Bahru memilih Umno dalam pertandingan 3 penjur.

"Angka tersebut konsisten dengan kajian Institut Kajian Asia Tenggara (ISEAS) Universiti Nasional Singapura (NUS) yang mendapati tahap sokongan pengundi Melayu seluruh Johor kepada Umno hanyalah 35%, bermakna tahap sokongan di kawasan bandar seperti Johor Bahru adalah lebih rendah," ujarnya.

Tiga penjur keranda untuk Pas Kelantan, kata penganalisis

Oleh ZIKRI ABDULLAH

PAS akan mengalami kekalahan sekiranya berlaku pertandingan tiga penjur antara Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH) dan Pas di Kelantan.

"Tiga penjur, boleh siap keranda untuk Pas," kata penganalisis politik, Mohd Sayuti Omar dalam temubual bersama ketua pemuda AMANAH Kelantan baru-baru ini.

Pada temubual yang disiarkan secara langsung di laman Facebook Pemuda AMANAH Kelantan itu beliau berkata semua syarat telah mencukupi untuk Pas kalah dalam PRU14.

"Hanya satu jalan untuk Pas menyelamatkan diri iaitu samada bergabung dengan BN atau dengan PH.

"Pas kini jelas hilang kekuatan apabila berlaku perpecahan dan muncul parti baru iaitu AMANAH yang jelas kini berkembang pesat," katanya.

Katanya, Pas boleh jatuh sekiranya 5 peratus sahaja pengundi nya dulu keluar dari parti itu.

"Sedangkan dalam pemerhatian saya, pergerakan keluar Pas menyertai AMANAH tidak kurang dari 10 peratus, malah di kampung-kampung tertentu melebihi 50 peratus," katanya.

Tindakan Pas menghina dan memusuhi ahlinya yang menyertai AMANAH katanya menyebabkan kerosakan yang semakin teruk kepada parti itu sendiri.

"Gelaran-gelaran kotor dan tindakan keras yang tiada toleransi menyebabkan orang ramai begitu terasa Pas sekarang telah berubah berbanding dengan zaman Tok Guru Nik Aziz.

"Perangai Pas dalam isu pembelian gelap Wisma Tok Guru menyebabkan begitu ramai orang terasa biadapnya parti itu sekarang," katanya.

Ke mana perginya lebih RM25 bilion projek ECRL?

RAKYAT sepatutnya paling gembira jika projek Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL) dibuat secara tender terbuka dan bebas bagi membolehkan mereka mendapat nilai terbaik untuk wang mereka, kata ahli parlimen DAP, Tony Pua.

Ini kenapa projek infrastruktur yang begini besar telah diberikan secara runding terus tanpa tender terbuka.

"Timbullah persoalan, siapakah yang mendapat manfaat dari kontrak ini?" kata Tony Pua dalam satu kenyataan.

Katanya, ramai tahu bahawa sebuah syarikat perunding kejuruteraan, HSS Intergrate (HSSI) telah membuat anggaran pada Disember 2015 bahawa nilai projek ini adalah RM29 bilion (RM53.2 juta satu km).

Sedangkan, katanya, syarikat yang dimiliki oleh negara China, China Communications Construction Company (CCCC) telah dianugerahkan kontrak sebanyak RM55 bilion (RM91.7 juta per km).

"Persoalan yang belum berjawab sehingga kini adalah ketika kos ECRL kurang dari RM30 bilion, kenapa CCCC diberikan kontrak melalui runding terus sebanyak RM55 bilion.

"Ke mana perginya lebih RM25 bilion itu. Adakah ia digunakan untuk membayar hutang 1MDB sebagaimana yang dispekulasikan untuk menutup skandal kewangan terbesar di dunia?" soal beliau.

Tony membuat kenyataan ini bagi menjawab penjelasan yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Rahman Dahlan kononnya Tun Daim Zainudin dan Tun Dr Mahathir Mohamad silap dalam isu ECRL.

Bekas Menteri Kewangan, Tun Daim mempersoalkan sama ada projek mega oleh syarikat China di bawah pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak boleh dianggap sebagai pelaburan.

Beliau berkata, projek mega dari China bernilai RM60 juta (bukan lagi RM55 bilion sebagaimana diumumkan Najib sebelum ini) sebenarnya pinjaman bukannya pelaburan.

ECRL mempunyai laluan sepanjang 688km bermula dari Gombak sehingga ke Kota Bharu.

Mengikut data rasmi daripada pihak kerajaan, projek ini akan menelan belanja sebanyak RM55 bilion dan 85% daripada kos ini akan dibiayai China melalui Exim Bank manakala baki 15% akan dibiayai oleh program sukuk.

Bagaimanapun, Oktober lalu The Malaysian Insight melaporkan kos bagi projek ini akan naik RM60 bilion berbanding anggaran sedia ada yang berjumlah RM55 bilion.

Abdul Rahman Dahlan sebelum ini menyangkal dakwaan kononnya projek ECRL bukan pelaburan, sebaliknya pinjaman.

Katanya, kerajaan tidak menggunakan kaedah pelaburan langsung asing (FDI) kerana menerusi pinjaman mudah, ECRL akan dimiliki dan dikendalikan sepenuhnya anak syarikat Kementerian Kewangan yang akan membayar semula pinjaman mudah itu apabila rangkaian ini mula beroperasi.

Selain ECRL, negara China terlibat dalam banyak projek mega lain termasuk Forest City di Johor, perlabuhan air dalam di Melaka iaitu Melaka Gateway, Malaysia China Industries Project (MCIP) yang membentuk Tembok Besar China Kuantan, Tun Razak Exchange dan Bandar Malaysia di Kuala Lumpur serta beberapa projek lagi termasuk Universiti Xiamen.



Walaupun semakan kehakiman ditolak mahkamah

AMANAHAH terus cabar pelantikan Ketua Hakim

Oleh **ARIF ATAN**

Foto **WAN ZAHARI WAN SALLEH**

KUALA LUMPUR: AMANAHAH akan mengambil tindakan susulan walaupun mahkamah pada 19 Dis lalu menolak permohonan kebenaran semakan kehakiman pelantikan Tun Md Raus Sharif sebagai Ketua Hakim Negara dan hakim tambahan Mahkamah Persekutuan.

Menurut Timbalan Presiden AMANAHAH Salahuddin Ayub, langkah tersebut perlu bagi memastikan institusi kehakiman tidak tercemar memandangkan pemfai-lan semakan pelantikan itu selaras di sisi

perlembagaan.

"Kita boleh katakan, ini satu keputusan yang mengejutkan kerana ditolak begitu saja dalam kamar.

"AMANAHAH akan membincangkan satu tindakan politik yang lebih meyakinkan. Insya-Allah kita tidak akan berdiam diri," tegasnya kepada pemberita di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Peguam Mohamed Hanipa Maidin, mewakili Penolong Setiausaha AMANAHAH, Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus yang memohon kebenaran semakan kehakiman tersebut manakala Peguam Kanan Persekutuan Suzana Atan bertindak bagi pihak Md Raus selaku responden tunggal.

Bagaimanapun, Hakim Mahkamah Tinggi Datin Azidah Nawawi menolak permohonan itu dengan kos RM5,000 semasa kes itu disebut di hadapannya.

Abang Ahmad Kerdee memfailkan permohonan itu pada 1 November lalu bagi menuntut pengisytiharan bahawa pelantikan Md Raus sebagai hakim tambahan Mahkamah Persekutuan pada 4 Ogos 2017 di bawah Perkara 122(1A) Perlembagaan Persekutuan adalah tidak sah, tidak berperlembagaan, terbatal dan tidak mempunyai apa-apa kesan.

Beliau turut menuntut supaya dibenar untuk mendapatkan eWrit Quo Warranto bagi responden menunjukkan sebab dan

pengesahan tentang apa dan bagaimana responden memperoleh jawatan tersebut.

Pemohon juga menuntut perintah certiorari untuk membatalkan pelantikan responden bagi kedua-dua jawatan itu serta perintah injunksi bagi menghalang responden dan/atau ejen Md Raus melaksanakan tanggungjawab, fungsi dan tugasnya.

Md Raus mengangkat sumpah sebagai Ketua Hakim Negara bagi tempoh tiga tahun berkuatkuasa 4 Ogos lalu.

Beliau menerima surat cara pelantikan daripada Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V dalam satu upacara di Bilik Singgahsana Kecil, Istana Negara.



PERSIAPAN PEMILIHAN... Presiden AMANAHAH Mohamad Sabu menyerahkan surat pelantikan kepada peguam Dr. Zulqarnain Lukman yang dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Parti Amanah Negara bagi pemilihan yang akan diadakan pada tahun 2018. Hadir sama dalam majlis ringkas itu Timbalan Presiden AMANAHAH Salahuddin Ayub, Naib Presiden Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus, Setiausaha Agung Mohd Anuar Tahir dan Timbalan Setiausaha Agung Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus. Setelah dilancarkan secara rasmi pada 16 Sept 2015, inilah kali pertama AMANAHAH mengadakan pemilihan di peringkat nasional.

FLASH MOB TURUN-TURUN... Pemuda Pakatan Harapan (PH) mengadakan flashmob di hadapan pasaraya Sogo, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 16 Dis lalu sebagai kempen menarik sokongan umum terhadap himpunan "Turun Harga Minyak, Turun Najib" atau singkatannya "Turun-Turun!" yang dijadual diadakan di Kuala Lumpur menjelang sambutan tahun baru 31 Dis ini. Hadir pada flashmob itu ialah Ketua Pemuda PH Nik Nadzmi Ahmad, Ketua Pemuda AMANAHAH Mohd Sany Hamzan, Naib Ketua Pemuda AMANAHAH Shazni Munir Mohd Ithnin, para pemimpin pemuda PH dan aktivis pelajar. Foto WAN ZAHARI SALLEH



Tanpa serik kementerian cari mekanisme baharu ganti IMAMS

KUALA LUMPUR: Tidak serik dengan kritikan umum sehingga membawa kepada pembatalan Sistem Pemantauan Manasik Bersepadu (IMAMS) bagi permohonan visa umrah sehari selepas dilaksanakan, kerajaan BN mengumumkan pencarian mekanisme baharu 'yang lebih baik dan berkesan' dalam menangani isu penipuan pakej umrah di negara ini.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk

Mas Ermieyati Samsudin dilapor Bernama sebagai berkata, kaedah baharu itu akan diperhalusi dan memberi jaminan hanya mereka yang beragama Islam akan terlibat mengendalikannya.

Kementerian terbabit mendapat kritikan umum baru-baru ini apabila melaksanakan sistem yang mengenakan caj tambahan dan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) kepada jemaah umrah.

Syarikat yang diberi tanggung jawab melaksanakan IMAMS juga menggaji bukan muslim sebagai peneraju syarikat namun Mas Ermieyati mendakwa tidak tahu menahu dengan pelantikan itu.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Ketua Puteri Umno berkata, mekanisme baru yang bakal menggantikan IMAMS itu akan meliputi semua aspek termasuk cadangan pengecualian Cukai Barangan dan

Perkhidmatan (GST).

"Mekanisme baharu itu pastinya akan lebih cekap dan tidak membebankan pengguna. Kementerian memberi jaminan mekanisme baharu itu adalah 100 peratus Islam. Kita ambil kepentingan isu sensitiviti," katanya pada sidang media di sini, 16 Sept lalu.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Nazri Aziz ketika mengumumkan pembatalan IMAMS mendakwa

'disalah faham' para pegawainya berhubung caj IMAMS yang ditetapkan RM90.10 bagi seorang jemaah umrah.

Nazri sebaliknya mendakwa caj yang dicadangkan oleh beliau adalah RM40.

Bagaimanapun, handsard parlimen pada Ogos lalu yang merakamkan ucapan Nazri di Dewan Rakyat jelas menyatakan bahawa caj dikenakan IMAMS adalah RM90.10 bagi seorang jemaah umrah.

Minda Pengarang

Alternatif lain jika HARAPAN gagal didaftar

Pakatan Harapan tidak akan berputus asa, bahkan sudah menyediakan alternatif lain jika gabungan mega pembangkang itu gagal didaftarkan secara rasmi dan partinya sendiri, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dibatalkan pendaftaran.

Ini ditegaskan sendiri oleh Tun Dr. Mahathir baru-baru ini. Ada tiga pilihan sudah disediakan.

Memang sangat wajar Pakatan Harapan, atau HARAPAN, khususnya Bersatu sendiri, menyediakan rancangan alternatif jika semuanya gagal didaftarkan.

Menurut Dr. Mahathir, rancangan itu penting untuk berdepan dua perkara itu yang didakwanya usaha kerajaan untuk menggagalkan usaha Pakatan Harapan mengalahkan mereka pada PRU14.

Memang pelbagai pihak menyedari, kata beliau, untuk BN terus berkuasa, pembangkang dihalang daripada menawarkan alternatif kepada BN pada PRU14.

Untuk melakukannya, katanya, kerajaan hanya perlu menolak atau menangguhkan pendaftaran Pakatan Harapan atau membatalkan pendaftaran Bersatu.

Pembangkang boleh kembali kepada pelan B dan pelan C, kata Pengerusi HARAPAN itu di blognya.

Pendaftaran HARAPAN dilihat penting terutama agar empat parti komponennya - Keadilan, DAP, Bersatu dan Parti Amanah Negara (AMANAH) - dapat bertanding menggunakan satu lambang pada PRU14 nanti.

Apakah pelan B dan C itu masih tidak dijemakan, tetapi ini menunjukkan Pakatan Harapan tidak lemah semangat, bahkan meluaskan ikhtiarinya.

Sementara itu, Pakatan Harapan terus menyusun rancangannya untuk menghadapi PRU14.

Dengan melancarkan apa yang dipanggil Pek DIY (*Do It Yourself*) satu medium menerusi media sosial secara percuma kepada rakyat dalam menghadapi kempen PRU14.

Dengan pengguna internet seramai 22 juta iaitu 71% daripada 31 juta rakyat negara ini, adalah peluang terbaik bagi HARAPAN menyampaikan maklumat kepada rakyat melalui media sosial ini.

HARAPAN telah membuat persiapan seterusnya dengan membangunkan pek DIY kempen pilihan raya HARAPAN untuk dijadikan medium menyebarkan maklumat kempen.

Pek DIY ini mempunyai pek yang lengkap dengan bahan kempen pilihan raya yang boleh dimuat turun oleh sesiapa sahaja dan kemudiannya dicetak dan disebar.

Difahamkan terdapat risalah, poster dan sticker yang boleh dimuat naik menerusi laman sesawang www.pakatan-harapan.com.my atau [google drive bit.ly/DIYKempehHARAPAN](https://drive.google.com) bagi mendapatkan pek DIY kempen pilihan raya HARAPAN ini.

Rakyat juga berpeluang untuk menghantar karya-karya kreatif mereka dalam bentuk poster dan video kepada urusetia untuk dikongsi di platform ini.

Selain itu profil calon-calon pilihan raya HARAPAN juga akan disediakan untuk rakyat mengenali lebih dekat bakal calon-calon HARAPAN yang akan bertanding kelak.

Turut hadir Pengerusi HARAPAN Tun Dr Mahathir Mohamad, Presiden HARAPAN Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan pimpinan tertinggi HARAPAN.

Tayangan video pek DIY itu juga ditontonkan kepada hadirin kemudian Dr Mahathir dan Dr Wan Azizah melihat isi kandungan portal Pek DIY sebagai merasmikan Pek DIY pada majlis diadakan petang ini.

Kesimpulannya, Pakatan Harapan akan terus usaha untuk menghadapi PRU akan datang di mana parti komponen kelihatannya sudahpun turun padang untuk membuat persiapan. Sambutan rakyat setakat ini, menunjukkan mereka mahukan perubahan.

Fiqh sentiasa hidup, progresif dan berkembang

Membaca kitab fiqh, sama ada fiqh mazhab tertentu atau fiqh mazhab empat, hendaklah bukan sekadar untuk mengetahui dan menghafal hukum fiqh dalam sesuatu perkara; halal, haram, sunat, makruh, harus, sah dan batal. Tetapi hendaklah juga bertujuan untuk memahami bagaimana para ulamak memilih, memahami, mengeluarkan, menapis dan mengambil hukum daripada sesuatu dalil atau sumber hukum dengan betul.

Juga untuk belajar bagaimana para ulamak berbeza pandangan, adab mereka berbeza pandangan, adab mereka mengkritik pandangan lain juga adab mereka mengemukakan pandangan mereka yang berbeza dengan ulamak lain.

Juga melatih kita menggunakan kebijaksanaan akal dalam memahami nas dengan metod yang diasaskan oleh para ulamak serta bagaimana untuk mengaplikasikan metod itu dalam isu-isu terkini yang tidak wujud pada zaman ulamak itu berijtihad.

Juga untuk mengikis ketaksuban terhadap individu dan kelompok tertentu sehingga menafi atau mempersoal individu atau kelompok lain yang



Pencerahan Mingguan
**TANWEER
USBU'II**

USTAZ ZOLKHARNAIN ABDIN
Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH

tidak sealiran dengan aliran yang kita pilih.

Bacalah kitab fiqh untuk memahami bukan sekadar menghafal.

Pengkuliah fiqh perlu melatih orang yang hadir ke kuliahnya mengaktifkan otak untuk memahami, bukan sekadar menyumput telinga mereka dengan bahan untuk ditaksubi.

Pengkuliah fiqh perlu menjadi seorang yang berfukuf pemikiran luas dan terbuka, bukan pentaksub kepada sesuatu aliran pemikiran kemudian memaksakan pula aliran itu ke atas pendengar kuliahnya.

Kita bukan hidup di Makkah, Madinah, Baghdad atau Basrah, tetapi kita hidup di negara yang rencam dengan agama, ras, pemikiran dan kefahaman. Ini juga bukan zaman Abasiyyah atau

Umawiyah dan Uthmaniyyah.

Fiqh adalah ilmu yang hidup bukan mati, progresif bukan pasif, berkembang bukan jumud dan dinamik bukan statik. Fiqh adalah kebijaksanaan dan kefahaman, bukan sekadar hafalan. Sesuatu yang halal atau haram pada suatu ketika dan tempat boleh menjadi sebaliknya bukan dengan penentuan akal secara sembrono tetapi berpandukan bagaimana sesuatu nas tentang perkara itu difahami. Itulah fiqh.

Biarlah anak-anak dalam tingkatan 3 belajar dengan menghafal hukum, kerana kita yang sudah jadi orang tua perlu belajar unthk memahami hukum. Jika sekadar untuk menghafal hukum, tak payah jadi orang tua.

Pengkuliah fiqh perlu melatih orang yang hadir ke kuliahnya mengaktifkan otak untuk memahami, bukan sekadar menyumput telinga mereka dengan bahan untuk ditaksubi.



Lebih baik sekiranya Zahid mewakili kerajaan Persekutuan memanggil sidang khas di Parlimen bagi membincangkan isu Palestin di samping mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Amerika Syarikat.

Saya yakin, seluruh ahli Parlimen akan menyokong dan membawa suara 22 juta rakyat Malaysia.

**DATO' DR MUJAHID
YUSOF RAWAH**
Naib Presiden AMANAH

Pengundi Cina dan undi rosak

Pertikaian undi rosak diungkit semula, lebih hangat kali ini lantaran terdarnya khabar bahawa Pakatan Harapan (PH) bakal mencalonkan Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, seandainya berjaya menawan Putrajaya. Khabar ini mengundang reaksi dua ekstrem. Setakat pengamatan saya, masyarakat Melayu umumnya tidak menampakkan "penolakan yang ketara", berbanding masyarakat Cina yang menyimpan lebih kesangsian terhadap bekas perdana menteri ini.

Izinkan saya memberi gambaran spektrum politik yang ada dalam masyarakat Cina, sebelum mengisahkan asal-usul "gerakan undi rosak" ini. Dari segi politik, semestinya ada penyokong tegar DAP, golongan pro-demokrasi, pengundi atas pagar, penyokong tradisi MCA dan mereka yang "tidak mengambil peduli tentang politik".

Kita ketetapan dahulu golongan yang bersikap dingin terhadap politik dalam perbincangan ini. PRU13 menyaksikan "penyokong tradisi MCA" tergerak hatinya untuk memangkah Pakatan Rakyat (PR), menjelaskan bagaimana sokongan kemuncak pengundi Cina terhadap pakatan pembangkang boleh mencecah paras 85%. MCA mempunyai lebih 1 juta anggota pada tahun 2013, dan bilangan pengundi Cina berdaftar mencatat kira-kira 4 juta. Statistik ini menunjukkan bahawa



Siang-Malam
Lim Hong Siang

terdapat ahli MCA yang mengundi PR secara senyap-senyap dalam PRU13.

Penyokong tegar DAP akan menyokong apa-apa sahaja langkah pemimpinnya dan menyahut apa-apa sahaja yang diperkatakan pemimpinnya, malah amat agresif untuk menyerang sesiapa sahaja yang mempertikaikan pemimpinnya di alam maya. Situasi ini memberi gambaran seolah-olah DAP dan pembangkang masih meraih sokongan sepenuhnya dari masyarakat Cina.

Cuma, hakikatnya majoriti pengundi Cina berada dalam kelompok "pro-demokrasi", dan "atas pagar". Kelompok "pro-demokrasi" memberi sokongan penuh kepada PR dalam PRU13, kerana meyakini kekalahan UMNO-Barisan Nasional bakal menyumbang ke arah pendemokrasian politik negara. Hasil mobilisasi aktivis sosial, golongan "pro-demokrasi" berjaya mewujudkan satu suasana di mana pengundi atas pagar terpan-

gil untuk menyokong PR.

Senarionya berubah selepas PRU13. Kegagalan meraih undi Melayu yang memadai dikenalpasti antara faktor kekalahan PR. Justeru itu, pemimpin pembangkang memberi lebih tumpuan kepada masyarakat Melayu, lantas mencungkil ketidakpuasan sekelompok Cina. Mereka menuntut agar hak dan kepentingan masyarakat Cina dan non-muslim dibela. Nada mereka mengolah tuntutan mereka boleh jadi berbau perkauman untuk sesetengah orang. Golongan ini mengangap DAP semakin hilang kelantangannya dalam isu kaum dan agama kerana mahu menjaga hati pengundi Melayu-Muslim.

Ini gelombang "undi rosak" pertama. Hujahnya, keperluan masyarakat Cina diremehkan kedua-dua BN dan pakatan pembangkang. Selagi tiada pihak yang memandang berat tuntutan masyarakat Cina, maka undi Cina harus dirosakkan. Dengan kata lain, jikalau sesiapa mahu meraih undi Cina, maka mereka perlu memperlihatkan keikhlasan dan kesungguhan untuk memenuhi keperluan politik kaum Cina.

Wacana "buang undi rosak" ini berkembang dan segelintir netizen Cina terpengaruh dengannya. Bagaimanapun, gerakan "undi rosak" ini hanya menjadi satu gelombang yang lebih besar, selepas terdarnya khabar bahawa Mahathir bakal dinobatkan sebagai calon

perdana menteri PH, baru-baru ini. Gelombang kedua ini datang dari kelompok "pro-demokrasi" yang cukup skeptikal dengan Mahathir.

Kelompok "pro-demokrasi" ini berlapis-lapis dalam isu penerimaan Mahathir ke dalam PH. Ada yang terpaksa menerimanya sungguhpun tidak sudi, ada pula yang menolaknya terus. Di kalangan mereka yang menerima kerjasama ini, ada pula kelompok yang menerima jikalau Mahathir hanya sebagai pengikut, dan bukannya pemimpin tertinggi yang mendominasi gandingan pembangkang.

Maka kumpulan "pro-demokrasi" ini meretak. Sudahlah mereka yang menolak terus kehadiran Mahathir dalam pembangkang, perkembangan terbaru mengundang ketidakpuasan mereka yang menolak pencalonan Mahathir sebagai perdana menteri. Mereka mengangap PH asyik berganjak tanpa ada garis dasarnya (bottom line). Menobatkan Mahathir sebagai calon perdana menteri telah mengundang risiko yang terlalu tinggi, dan tiada petanda di mana pemimpin pembangkang sedia ada mampu mengimbangi kuasa Mahathir.

Lebih-lebih lagi, khabar Mahathir sebagai calon PM ke-7 bocor lebih awal sebelum PH sempat menyajikan manifesto atau dasar bersamanya. Jikalau Mahathir-lah jurucakap utama kepada PH, maka rakyat khuatir dasar dan langkah

yang bakal terlaksana seandainya PH memerintah.

Petik sahaja contoh, antara dasar perusahaan automobil dengan sistem pengangkutan awam, mana yang diutamakan? Apakah pilihan raya tempatan (kertas undi ketiga) akan diberi lampu hijau di bawah PH yang diterajui Mahathir? Apakah sistem pilihan raya akan dirombak agar peratus undi tidak jauh bezanya dengan peratus kerusi? Adakah Biro Tatanegara akan dimansuhkan? Bagaimana pula dengan akta yang mengongkong kebebasan, seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Hasutan dan sebagainya?

Kekhuatiran mereka ada asasnya. Kelompok ini hanya boleh dipujuk dan diyakini seandainya PH menyajikan manifesto yang progresif, dan menobatkan seorang ikon yang mampu mencerminkan semangat dan nilai politiknya. Tidak diketahui sejauh manakah pengaruh kelompok ini berkembang, cuma persepsi PH sebagai Barisan Nasional 2.0 semakin terpacu di hati pengundi.

Seandainya pengundi atas pagar terpengaruh dengan wacana ini, ditambah pula fenomena anggota MCA kembali ke pangkuan BN, maka "Tsunami Cina" yang mengombak dalam PRU13 barangkali akan surut dalam PRU14. Jangan sesekali perlekehkan "undi rosak" yang boleh merosakkan peluang PH ke Putrajaya.

Patut sudah lama OIC iktiraf Baitulmaqdis

Sidang Kemuncak Luar Biasa Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di Turki sebulat suara mengiktiraf Timur Baitulmaqdis sebagai ibu negara Palestin.

Langkah ini sepatutnya diambil lama dulu. Tetapi kerana kepimpinan umat Islam, khususnya dunia Arab, terlalu lemah, bersengketa tidak habis-habisnya, maka pemimpin seperti Donald Trump mengambil kesempatan akan kelemahan ini.

Sidang itu turut menggesa masyarakat dunia untuk melakukan tindakan sama; sekaligus menolak tindakan Amerika Syarikat yang mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Persidangan itu turut mengisytiharkan tindakan Presiden AS, Donald Trump tidak sah dan terbatal dari segi undang-undang.

Tindakan Trump juga disifatkan sebagai satu cubaan melemahkan semua usaha damai serta menggalakkan 'ekstremisme dan keganasan'. Pertubuhan yang dianggotai 57 negara anggota, termasuk Arab Saudi dan Iran, turut menegaskan, semua negara anggota komited



CETUSAN MINDA
ABDUL SHUKUR HARUN

kepada satu-satunya penyelesaian komprehensif bagi memastikan keamanan di wilayah terbabit. Deklarasi Istanbul itu juga menegaskan susulan tindakan AS mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel, peranan negara kuasa besar berkenaan sebagai penaja perdamaian di Asia Barat tidak lagi sah. Sidang kemuncak itu dianjurkan Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan selaku Pengerusi OIC sebagai tindak balas terhadap tindakan Trump mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel. Erdogan melabel Israel sebagai negara penakluk dan pengganas. "Semua negara yang menghargai undang-undang antarabangsa dan keadilan perlu mengiktiraf Baitulmaqdis yang diduduki Israel

sebagai ibu negara Palestin," katanya seperti yang dipetik menerusi laporan portal antarabangsa. Sementara itu, Presiden Palestin, Mahmoud Abbas dalam ucapannya pada persidangan sama memberitahu pemimpin negara Islam bahawa Washington tidak lagi boleh menjadi broker damai yang jujur. "Peranan AS dalam proses politik tidak lagi boleh diterima kerana mereka memihak kepada Israel." "Ini adalah pendirian kami dan kami berharap anda (negara anggota OIC) menyokong kami (Palestin) dalam perkara ini," kata Abbas. Abbas menegaskan bahawa keamanan atau kestabilan di Asia Barat tidak mungkin wujud selagi Baitulmaqdis tidak diiktiraf sebagai ibu negara Palestin. Sementara itu di Riyadh, Raja Arab Saudi, Raja Salman, berkata Palestin berhak menjadikan Timur Baitulmaqdis yang diduduki Israel sebagai ibu negara mereka, menyokong gesaan dalam sidang kemuncak OIC di Istanbul yang tidak dihidungnya. "Pentadbiran diraja menggesa satu penyelesaian politik bagi meny-

lesaikan krisis serantau, terutama berkaitan isu Palestin dan pengembalian hak sah rakyat Palestin termasuk hak mewujudkan negara bebas dengan Timur Baitulmaqdis sebagai ibu kotanya," katanya. Dengan kekucarkaciran keimpinan umat Islam masa kini, khususnya dunia Arab, maka inilah yang terjadi.

Mungkin ada yang lupa sejarah, bagaimana usaha Rasulullah s.a.w. untuk membebaskan Masjidil al-Aqsa dan mengembalikannya semula ke pangkuan Islam. Hasrat Rasulullah s.a.w. itu dapat dilaksanakan oleh Saidina Umar al-Khattab r.a dan Salahuddin al-Ayyubi, tetapi malangnya keemudian umat Islam kehilangan penguasaan penuh terhadap masjid ke tiga termulia ini.

Ada beberapa bentuk lain serangan Zionis ke atas Al-Aqsa antaranya percubaan membakar dan meletupkan Al-Aqsa, menguasai beberapa bahagian dari Al-Aqsa, galian di bawah Al-Aqsa, larangan melakukan pembaikan dan pemulihan di dalam Al-Aqsa, pencerobohan demi pencerobohan,

pengepungan Al-Aqsa, memerangi kewujudan orang Islam di Al-Aqsa dan melarang majlis ilmu, ribat dan syaddu Al-Rihal ke Al-Aqsa, menghalang orang Islam dari memasuki Al-Aqsa bagi mendirikan solat dan penghormatan azan.

Berpuluh-puluh ketetapan resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dilanggar secara sengaja oleh negara haram Israel dan dalam masa yang sama menuntut pihak umat Islam mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh mereka. Kemuncaknya ialah perisytiharan Al-Quds sebagai ibu negara Israel oleh presiden Amerika.

Umat Islam seluruh dunia cuba dialihkan perhatian daripada berusaha bersungguh-sungguh menunaikan amanat Rasulullah s.a.w. untuk mengambil kembali Masjid Al-Aqsa dengan digambarkan bahawa isu perebutan Masjid Al-Aqsa adalah seolah-olah ia hanyalah konflik antara Arab Palestin dengan negara haram Israel walhal ia sepatutnya menjadi perjuangan utama setiap individu Muslim seluruh dunia.

'Penyelesaian dua negara' menguntungkan Israel

MELALUI pelan perjanjian Belfour 1917 yang diusahakan oleh Menteri Luar Britain, maka British mula membawa masuk orang-orang Yahudi daripada Eropah ke Palestin.

Orang-orang Yahudi yang terlibat dalam peperangan dunia pertama, berpengalaman dalam taktikal dan strategi perang dibawa masuk ke Israel. Mereka menubuhkan pasukan pengganah (teroris) yang dipanggil Haganah.

Mereka mula merampas kampung-kampung dan mengusir penduduk Arab terutama penduduk yang mengusahakan ladang-ladang limau.

Dari satu kampung, ke mukim, ke bandar dan akhirnya kumpulan Haganah ini berjaya menguasai tanah yang luas dan akhirnya pada tahun 1947 mereka berjaya mengisytiharkan penubuhan negara Israel.

Negara Barat khasnya Britain dan beberapa negara lain berusaha supaya penubuhan itu diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1948. Negara Israel yang dibentuk hasil daripada rampasan bumi Palestin telah diiktiraf oleh PBB.

Negara-negara Arab melancarkan serangan demi serangan untuk memusnahkan negara Israel tetapi ianya gagal kerana Israel mempunyai senjata yang moden, berteknologi tinggi dan canggih yang dibekalkan oleh kuasa-kuasa Eropah dan Amerika Syarikat yang merupakan kuasa utama selepas perang dunia ke-2.

Ketika perang pada tahun 1967, kekuatan Israel begitu terserlah apabila menundukkan tiga negara serentak dalam tempoh enam hari sahaja. Mereka menundukkan Mesir, Jordan dan Syria. Tentera Israel menguasai Gaza bermula dari Tebing Barat sehingga Semenanjung Sinai.

**MINDA
PRESIDEN**

Mohamad Sabu

jung Sinai.

Pada tahun 1973, sekali lagi negara Arab secara serentak telah melancarkan serangan bagi mengembalikan bumi yang dikuasai Israel kepada rakyat Palestin.

Di peringkat awal Mesir mencapai kemenangan. Setelah beberapa hari berperang, Anwar Sadat telah mengisytiharkan kemenangan. Tentera Mesir telah sampai ke Gaza, tiba-tiba tentera Israel berjaya menyeberangi Terusan Suez dan mengepung tentera Mesir, menyebabkan tentera Mesir menyerah kalah.

PERJANJIAN CAMP DAVID

Akhirnya melalui usaha-usaha yang dibuat oleh Amerika dan beberapa negara Eropah yang lain, berlakulah perjanjian Camp David di mana Mesir dan negara Arab yang lain mengakui kewujudan negara Israel, dan Israel memulangkan kawasan yang dikuasai oleh mereka, iaitu Semenanjung Senai kepada Mesir dan wilayah-wilayah lain kepada Jordan.

Usaha yang dijalankan oleh Barat diketuai Amerika Syarikat bersama sekutunya termasuk negara Arab telah mewujudkan negara Palestin yang tidak merdeka sepenuhnya dan hanya menguasai autonomi di tebing barat dan Gaza. Inilah yang mewujudkan 'two states solution' (penyelesaian dua negara). Banyak sekali negara mengakui bahawa Israel perlu hidup berjiran. Israel

“Kemenangan kepada Israel semakin hari semakin ketara, kekalahan kepada negara Arab dan dunia Islam semakin jelas, melainkan kalau muncul pemerintahan yang berlainan di sekitar Israel itu.

perlu ada negara dan Palestin juga perlu ada negara.

Penyelesaian ini sebenarnya telah menguntungkan Israel, kerana kewujudan Israel mula diterima oleh orang-orang Islam. Banyak negara umat Islam mula mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel. Turki contohnya bukan setakat mengadakan hubungan diplomatik, malah mengadakan latihan bersama dan berdagang dengan Israel lebih US\$5 bilion setahun. Penerbangan Tel Aviv dengan Istanbul satu hari enam penerbangan. Mesir pula membuka pintu laluan pelancongan untuk rakyatnya melancong ke Israel, begitu juga Jordan. Secara ringkasnya negara Arab telah mengiktiraf kewujudan Israel.

Kemudian berlaku perubahan kuasa politik di kawasan autonomi Palestin di mana di Gaza, golongan Islamik berjaya menguasai pilihan raya dan muncul Hamas, cabang kepada Ikhwan Muslimin. Hamas tidak mengiktiraf kewujudan Israel, mereka mahu terus berjuang sehingga seluruh negara Palestin di bebaskan. Walaupun begitu, kebanyakan negara Arab telah mengakui wujudnya dua negara.

Negara-negara yang masih tidak mengiktiraf Israel ialah Lubnan, Syria, Iraq dan Iran dan beberapa negara yang lain. Jika kita ke negara-negara tersebut, dalam siaran warta berita mereka masih menggunakan perkataan Palestin yang di tawan (occupied Palestin). Inilah keadaan di

negara-negara tersebut.

PENYELESAIAN DUA NEGARA

Apabila Donald Trump mahu memindahkan pejabat kedutaannya ke Jerusalem iaitu menjadikan Jerusalem sebagai ibu kota Israel, sebenarnya Israel telah mencapai kemenangan besar. Bantahan umat Islam sekarang ialah Israel jangan mengubah ibu kotanya di Tel Aviv ke Jerusalem atau Jerusalem Timur. Ini bermakna hampir semua negara Arab telah menerima penyelesaian dua negara itu.

Sebab itu Netanyahu tersenyum lebar apabila melihat sidang OIC yang diadakan di Istanbul, di mana mereka hanya membincangkan supaya jangan memindahkan ibu negeranya ke Jerusalem, sekaligus membawa makna bahawa negara-negara OIC kebanyakannya telah menerima negara Israel.

Kita berkeyakinan bahawa pemindahan ibu kota Israel ke Jerusalem itu akan berjaya jika sikap negara-negara Arab seperti dahulu dan sekarang ini di mana beberapa negara Arab telah mengiktiraf Israel ini, bahkan telah bersetuju supaya ibukota kerajaan haram Israel itu dipindahkan ke Jerusalem asalkan sebuah negara Palestin merdeka dapat wujud di samping negara Israel.

Kemenangan kepada Israel semakin hari semakin ketara, keka-

lahan kepada negara Arab dan dunia Islam semakin jelas, melainkan kalau muncul pemerintahan yang berlainan di sekitar Israel itu. Negara-negara yang tidak mengiktiraf Israel menghadapi masalah ekonomi dan kacau bilau yang amat dahsyat seperti Lubnan, Syria dan Iraq. Iran pula bukan negara Arab dan kuat melawan pengiktirafan negara Israel tetapi menghadapi sekatan ekonomi dari Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah.

Oleh itu, golongan yang tidak mengiktiraf Israel ini berada dalam keadaan lemah sebaliknya negara Arab Teluk yang boleh bertoleransi dengan Israel semakin ketara kedudukan mereka.

Namun, pusingan pertarungan akan terus berjalan dan kita akan melihat pergolakan di Timur Tengah ini akan berterusan dan hagemoni Amerika Syarikat akan mula patah sedikit demi sedikit.

Perjuangan untuk mengembalikan tanah umat Palestin yang diusir oleh teroris Haganah itu masih jauh, namun bunga-bunga kejayaan telah mula terang sekarang ini dan kejayaan sepenuhnya mungkin akan berlaku kalau ada kesungguhan untuk umat Islam, umat yang memahami soal kemanusiaan, soal Palestin, soal tiga agama samawi iaitu Yahudi, Kristian dan Islam, dan Baitulmaqdis tempat yang telah dinodai oleh zionis Israel sekarang ini kembali kepada keamanan yang pernah dinikmati dahulu.

Kejayannya bergantung kepada umat, terutama yang berada di sekeliling negara Palestin yang telah dikuasai oleh Zionis Israel sekarang ini.

Mohamad Sabu ialah Presiden Parti Amanah Negara.

Pemuda AMANAH gembira Aishah juarai GV4

KUALA LUMPUR: Pemuda AMANAH Nasional merakamkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan Aishah atau Wan Aishah Wan Ariffin kerana menjuarai Konsert Gegar Vaganza 4 (GV4), 17 Dis lalu.

Naib Ketuanya Shazni Munir Mohd Ithnin berkata, kejayaan Aishah mengalahkan lima lagi peserta akhir konsert GV4 ini nyata mengubat kerinduan jutaan pemi-

nat yang mendewasa dengan lagu-lagu popularnya.

“Pemuda AMANAH percaya bahawa kejayaan Aishah bakal menjadi penanda aras baharu dalam melahirkan artis muda yang berkualiti, seterusnya mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa.

“Semoga Aishah terus maju demi memartabatkan karya seni di peringkat

lebih tinggi. Kami akan terus menyokong dan mendoakan agar segala impian dan cita-cita beliau tercapai,” ujarnya dalam satu kenyataan.

Aishah ialah ahli jawatankuasa AMANAH Nasional dan Ketua Wanita AMANAH (Awan) Kawasan Batu.

Pelantun lagu popular ‘Janji Manismu’ itu merangkul tempat pertama dengan membawa pulang wang tunai RM100,000

dan satu lot tanah banglo sumbangan Bina Megan Empire dan pakej percutian ke Eropah Timur sumbangan portal selamat-bercuti.com.

Aishah turut menerima baucar membeli-belah bernilai RM6,000 sumbangan Go Shop dan piala Gegar Vaganza.

Aishah, 52, menewaskan lima peserta lain iaitu Liza Hanim, Hazami, Lan, Firman dan Tia Jinbara.

Batalkan IMAMS bukan tangguhkan

Ahli parlimen Shah Alam, Khalid Samad mendesak agar IMAMS dibatalkan terus bukan ditangguhkan sebagaimana yang diumumkan kerajaan.

"Saya minta supaya IMAMS dibatalkan bukan ditangguh."

"Itupun belum tentu. Kalau BN menang dalam PRU 14 nanti, walaupun batal mungkin akan dilaksanakan juga."

"Tetapi, jika Pakatan Harapan menang, sudah pasti ia tidak akan dilaksanakan," katanya.

Khalid adalah pihak yang pertama membangkitkan isu IMAMS ini melalui sidang media khas yang diadakan pada 14 Disember lalu.

Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Mas Ermeyati Samsudin mengumumkan IMAMS akan mula dilaksanakan sehari selepas itu, iaitu pada 15 Disember.

Namun sehari selepas itu, iaitu 16 Disember 2017, IMAMS telah dibatalkan ekoran bantahan rakyat negara ini.

IMAMS atau nama penuhnya Sistem Pemantauan Manasik Bersepadu adalah satu sistem yang dibuat bagi menguruskan permohonan visa umrah. IMAMS ini adalah projek di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Pelaksanaan sistem ini melibatkan caj pada kadar RM45 dan insurans takaful umrah pada kadar RM40 bagi setiap jemaah termasuk caj Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebanyak RM5.10.

Yang peliknya, kata Khalid Samad, IMAMS dikatakan bertujuan untuk mengelakkan peserta umrah ditipu sebagaimana yang selalu berlaku.

Jumlah bayaran yang diperoleh syarikat itu jika mengambil kira 290,000 jemaah mengerjakan umrah



dalam setahun adalah RM26.129 juta.

Daripada jumlah itu RM1.479 juta adalah GST; RM11.6 juta (insurans) dan yang masuk kepada syarikat itu RM13.050 juta.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula menerima aduan membabitkan kes penipuan umrah dan haji dengan nilai kerugian RM11.1 juta di seluruh negara, sepanjang tempoh enam tahun atau tidak sampai RM2 juta purata setahun.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, Superintendan Mohamed Zulmazi Che Daud, berkata statistik sejak 2012 hingga Ogos tahun ini membabitkan 287 kes.

"Kutip melalui IMAMS RM26 juta dari orang ramai dengan alasan untuk membanteras kerugian akibat pe-

nipuan umrah tidak sampai RM2 juta setahun. Lojik ke?" tanya Khalid.

"Ia diketuai bekas Adun Batang Kali. Saya difahamkan ia merupakan syarikat RM1 (*paid up capital*) yang tiada kemampuan kewangan dan ditambah dengan peranan IMAMS pula untuk membantu pelaksanaan umrah ini juga agak kabur, katanya.

Khalid berkata, terdapat 83 syarikat pengendali umrah yang membantah sistem ini termasuk syarikat yang mempunyai nama-nama yang besar dalam pengurusan jemaah umrah ini kerana mereka juga tidak tahu apa peranan sebenar IMAMS.

"Kita merasakan ini bukan peranan kerajaan tetapi hanya nak cari jalan kutip duit tapi bukan nak beri apa-apa perkhidmatan kepada jemaah umrah," ujarnya.

Khalid menjelaskan, sekiranya benar kerajaan dan kementerian terbabit ingin memantau pelaksanaan syarikat terhadap jemaah umrah, ia tidak sewajarnya dikenakan sebarang bayaran sedangkan syarikat pelancongan/umrah dibawah tanggungjawab KPK.

"Penipuan digunakan sebagai alasan sedangkan 'pemantauan' itu sebahagian daripada kewajipan dan tanggungjawab kerajaan dan kementerian tanpa perlu dikenakan caj atau bayaran.

"Seolah-olah polis nak ronda kawasan perumahan minta duit pendahuluan pada kita. Itu memang kerja polis kawal jenayah tidak perlulah kenakan sebarang bayaran.

"Begitu juga dengan soal memberi 'perkhidmatan' yang ditawarkan oleh syarikat yang nak buat pakej umrah

kerajaan kenalah memantau melalui kementerian dan agensi-agensi kerajaan sedia ada.

"Jika di internet kerajaan boleh memantau iklan-iklan palsu kenapa tidak boleh pantau syarikat pengendali umrah palsu- kerajaan boleh beri arahan, dan diambil tindakan sekiranya didapati melanggar peraturan dan undang-undang sedia ada sebelum ini seperti Akta Industri Pelancongan 1992 dan Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan 1992.

"Kenapa perlu membebaskan rakyat? Bagi saya alasan diberikan kementerian itu tidak munasabah ia hanya menambahkan kos kepada jemaah umrah.

"Ini kerana syarikat pengendali akan mengenakan caj tambahan ke atas pelanggan mereka," ujarnya.

Baru-baru ini dalam satu kenyataan oleh Pengerusi Persatuan Agensi Pelancongan Umrah dan Haji (Papuh) Datuk Seri Razali Mohd Sham, beliau dipetik berkata, pengendali umrah dan haji menyokong matlamat LKU bagi membanteras penipuan yang kerap berlaku.

Namun, LKU mensyaratkan penggunaan IMAMS yang hanya menyebabkan kos pelaksanaan umrah bertambah kepada jemaah.

Sebaliknya, syarikat yang mengendalikan IMAMS iaitu Integrated Manasik Monitoring System Sdn Bhd katanya, mengenakan bayaran tambahan sebanyak RM90.10 kepada setiap jemaah yang hendak mengerjakan umrah melalui syarikat pengendali umrah.

Sistem IMAMS memperuntukkan untuk setiap pendaftaran individu pakej umrah akan dikenakan bayaran bagi Sistem dan Pengurusan RM45.00; Insurans RM40.00 dan GST 6% RM5.10.

Ajaib, TPM tidak dimaklum pelaksanaan

Oleh ALI HASHIM

ADALAH sesuatu yang ajaib, pelik dan ganjil apabila Timbalan Perdana Menteri mendakwa kabinet tidak dimaklumkan mengenai rancangan untuk melaksanakan Sistem Pemantauan Manasik Bersepadu atau IMAMS yang begitu hangat diperkatakan ketika ini.

Lebih menghairankan apabila Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi tidak mengetahui mengenai perancangan IMAMS yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Menurut Pengerusi Biro Pembangunan Manusia,

Angkatan Wanita AMANAH Negara (AWAN), Aida Yusof Rawa, adalah mustahil sekiranya Zahid tidak mengetahui perkara tersebut.

"Mana mungkin urusan antara kerajaan dengan kerajaan tidak dimasukkan dalam kabinet, sedangkan beliau adalah Timbalan Perdana Menteri.

"Sebenarnya mereka cuba untuk menyelamatkan diri masing-masing setelah menyedari ia mendapat kecaman pelbagai pihak.

"Terdapat unsur-unsur yang tidak telus sehinggakan masing-masing cuba berselindung atas bantahan yang semakin meluas terhadap pelaksanaan IMAMS tersebut," jelasnya lagi.

Beliau juga berkata, pelaksa-



naan IMAMS tidak seharusnya dibuat tanpa terlebih dahulu diberi penjelasan yang sejelas-jelasnya kepada umum.

"Timbulnya bantahan adalah kerana rakyat tidak dimaklumkan mengenai pelaksanaan

tersebut.

"Lebih membimbangkan apabila caj yang dikenakan adalah ke atas penggunaan sistem tersebut termasuklah cukai GST yang akan dikenakan.

"Sekiranya ia hendak dilak-

sanakan sekalipun kerajaan boleh menggunakan Lembaga Urusan Tabung Haji daripada menggunakan pihak lain bagi urusan umrah," tegasnya lagi.

Zahid sebelum ini telah mendakwa kabinet tidak dimaklumkan mengenai pelaksanaan sistem tersebut kecuali mengenai sistem pengendalian pakej umrah yang perlu didaftarkan.

Ini termasuklah peraturan tertentu serta kaedah pemantauan yang akan dilaksanakan bagi syarikat pengendalian umrah.

Namun begitu ujarnya, tindakan kerajaan tersebut adalah menyukarkan aktiviti ibadah yang hendak dilaksanakan oleh umat Islam.

Adalah difahamkan melalui

sistem IMAMS, cukai GST akan dikutip dan bayaran untuk sistem pengurusan serta insurans bagi setiap umat Islam yang hendak melaksanakan umrah turut dikenakan.

Yang lebih meragukan apabila syarikat swasta yang dikaitkan untuk mengendalikan aktiviti tersebut merupakan sebuah syarikat yang mana seorang pengarahnya beragama Islam, manakala yang lainnya bukan beragama Islam.

Tindakan kerajaan ini juga disifatkan sebagai cuba mengaut keuntungan melalui cukai GST yang akan dikenakan terhadap 290,000 umat Islam yang dijangka akan melakukan ibadah umrah tahun ini.

Perubahan politik di Johor sudah kelihatan

Tinjauan Oleh
A. SHUKUR HARUN

Negeri Johor ialah jiran paling terdekat dengan Singapura, republik yang dollarnya terus meningkat. Dalam masa yang sama, rakyat di negeri Johor sangat terasa kesan harga barangan yang naik.

Pengguna yang pergi ke pasar di Johor memang sangat terasa keadaan ini, terutama di Johor Bahru dan kawasan berdekatan, di mana penduduk Johor dan kawasan sekitarnya merasa sangat tertekan.

Pertama harga barangan yang mahal. Kedua daya beli pengguna dari Singapura yang datang ke Johor dengan nilai wang mereka yang tinggi, menjadi cabaran kepada penduduk tempatan ketika membeli barangan. Inilah tekanan yang mereka rasakan setiap hari.

Dalam masa yang sama Johor juga dilanda oleh isu korupsi, salah urus, pembaziran dan lain-lain.

Disebabkan desakan hidup, puluhan

ribu rakyat Johor menyeberang tambak Johor dengan motosikal kerana bekerja di sana disebabkan dollar Singapura yang tinggi.

Kesan ekonomi yang parah di Johor, menyebabkan ada isyarat jelas dibayangkan oleh Presiden Parti Bersatu Tan Sri Muhyiddin Yassin bahawa perubahan politik yang besar akan berlaku di Johor.

Sementara itu perkembangan yang menarik ialah kehadiran AMANAH di negeri Johor, pimpinan Aminol Huda Hasan, di mana sudah amat dirasakan oleh rakyat dipelbagai daerah di negeri tersebut.

Umpamanya di kawasan Parlimen Tanjung Piai sejak kunjungan Tun Dr. Mahathir berceramah beberapa bulan lalu



di halaman rumah keluarga Salahudin Ayub, ribuan orang kampung telah hadir, malah ada yang datang dari daerah lain hingga ke Batu Pahat, Muar, Kota Tinggi, Kulai dan lain-lain.

Ketika saya berkunjung ke rumah Salahudin di Tanjung Piai minggu lalu, beliau kelihatan sangat optimis akan berlaku

perubahan politik di negeri Johor.

Orang kampung, khususnya generasi muda, sudah berani berterus terang untuk menyokong Pakatan Harapan.

Kedudukan AMANAH sendiri, walaupun baru dua tahun setengah, kata Salahudin, orang Johor melihat bahawa AMANAH mempunyai masa depan yang cerah.

"Cuma yang penting Amanah perlu

memperlihatkan kewibawaannya (integriti). Ini yang selalu kami tekankan. AMANAH bukan saja perlu mempunyai pemimpin yang berkualiti, tetapi pendukung yang rajin bekerja, berilmu, merancang kerja dengan berstrategi," kata Salahudin.

Di negeri Johor, pemimpin dan aktivis AMANAH kelihatan bekerja siang malam, peduli rakyat di mana-mana.

Di kawasan Parlimen Pontian, bersebelahan Tanjung Piai sendiri iaitu termasuk Kukup sudah ada pejabat AMANAH dan beroperasi dengan rancaknya.

Hingga kini, kata Salahudin, semua kawasan Parlimen dan Dun di Johor sudah mempunyai pejabat dan beroperasi dengan rancaknya. Juga sedang rancang menambah ahli dan menubuhkan cawangan.

Seorang penduduk Tanjung Piai, Encik Kasim Aziz, memberitahu bahawa ramai orang kampung sudah berubah. Ada sesetengahnya masuk Bersatu, sementara yang lain masuk AMANAH.

Katanya, orang Cina, khususnya penyokong DAP, turut menyokong Pakatan

Harapan.

Di kawasan Parlimen Pontian, bersebelahan dengan kawasan Parlimen Tanjung Piai, AMANAH juga sangat giat dengan mengadakan pelbagai program di bawah slogan Peduli Rakyat.

Seorang penduduk tempatan di Benut, Pontian, Daeng Mohd Amin, berkata, ramai penduduk Benut menyokong AMANAH, ada juga bekas ahli Umno yang menyokong Bersatu.

Begitu juga di Air Baloi, Pontian, seorang penduduk di situ, Haji Yusuf Amin, juga menyatakan bahawa AMANAH sedang berkembang. Demikian juga Bersatu.

Kedua-dua parti itu telah mengadakan pelbagai program bulan Ramadhan, Hari Raya dan program lain hingga kini.

Katanya, memang ada sokongan yang nyata di Pontian dan di Tanjung Piai.

Antara sebabnya, kata Haji Yusuf, ialah tekanan hidup disebabkan harga barangan yang melambung naik, sedangkan pendapatan orang kampung, kebanyakannya, berkebul, tidak seberapa.

"Ini yang sangat menggelisahkan orang kampung," katanya.

Kesimpulannya di sini, diyakini perubahan politik akan berlaku di negeri Johor yang selama tujuh puluh tahun menjadi pengkalan Umno.

Perubahan di Johor, *Insyallah*, akan dituruti oleh negeri lain.

IMAMS: Mana pergi prinsip tanggungjawab bersama dalam Kabinet?

SISTEM Pemantauan Manasik Bersepadu (IMAMS) telah pun dibatalkan setelah sehari diumumkan telah berjalan. Sistem tersebut telah dikendalikan oleh sebuah syarikat swasta yang ketua pegawai operasinya adalah seorang bukan Islam.

IMAMS ini adalah satu sistem yang dibuat bagi menguruskan permohonan visa umrah. IMAMS ini adalah projek di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Pelaksanaan sistem ini melibatkan caj pada kadar RM45 dan insurans takaful umrah pada kadar RM40 bagi setiap jemaah termasuk caj Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebanyak RM5.10.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Mas Ermeyati Samsudin berkata pelaksanaan IMAMS yang merupakan akses rasmi tunggal permohonan visa umrah untuk diproses Kedutaan Arab Saudi di Malaysia, bertujuan menutup ruang penipuan pakej umrah di negara ini. Mana-mana syarikat yang tidak mematuhi arahan ini akan dibatalkan lesen pengendalian pelancongan.

Kementerian juga menjelaskan bahawa IMAMS adalah satu sistem komprehensif, bersepadu dan bersesuaian dengan sistem kerajaan Arab Saudi yang membolehkannya dihubungkan secara terus dengan Kementerian Luar negara itu bagi permohonan visa umrah.

Setelah ianya mendapat kritikan terus netizen khususnya terhadap cukai GST, pengenaan insurans takaful dan pengendalian IMAMS oleh bukan Islam ianya telah dibatalkan.

Sebenarnya antara yang terkehada-



pan dalam isu ini adalah Khalid Samad, Ahli Parlimen Shah Alam selaku Pengarah Komunikasi, Parti Amanah Negara. Beliau telah memanggil satu sidang media khas pada 14 Disember 2017 iaitu sehari sebelum IMAMS dilaksanakan. Pada 16 Disember 2017, IMAMS telah dibatalkan.

Beliau menyatakan bahawa IMAMS bertujuan untuk mengaut keuntungan semata-mata. Menurutnya lagi, dengan anggaran jemaah umrah berjumlah 290,000 orang setahun maka hasil yang bakal dikutip adalah RM1.479 juta GST; RM11.6 juta (insurans) dan yang masuk kepada syarikat itu RM13.05 juta.

Berbalik kepada tajuk asal artikel ini adalah untuk melihat tentang konsep "Collective Responsibility" dalam kabinet. Ini kerana projek sebesar ini pastinya telah mendapat kelulusan kabinet. Namun, apa yang kita peroleh adalah reaksi berbeza antara para menteri dan Perdana Menteri.

Setelah IMAMS ini menjadi kecoh, baharulah Perdana Menteri, Datuk Sri Najib Tun Razak bersuara dan mengatakan bahawa beliau tidak bersetuju dengan IMAMS.

Sehari kemudian, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Zahid Hamidi pula dilaporkan berkata beliau "terhidu" sesuatu yang tidak enak apabila ia dilihat mengambil peluang ke atas seseorang yang ingin mengerjakan umrah. Beliau

juga dilaporkan berkata bahawa kabinet tidak diberitahu bahawa pengendali IMAMS adalah sebuah syarikat swasta.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermeyati Samsudin pula dilaporkan berkata pembatalan dibuat kerana orang bukan Islam yang menguruskan sistem yang diwujudkan itu.

Manakala, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Nazri Aziz menyatakan pembatalan sistem itu dibuat kerana ia jauh berbeza daripada maklumat yang beliau terima dan beliau bantangan kepada Parlimen.

Lalu kini kita semua kaget dengan kenyataan berbeza antara para menteri dan ahli kabinet yang lain. Siapakah yang patut bertanggungjawab dalam hal ini. Perkara 43 (3) Perlembagaan Persekutuan menyatakan, "Jemaah Menteri hendaklah bertanggungjawab secara bersama kepada Parlimen."

Dengan pertentangan kenyataan telah tidak menunjukkan kesepakatan ahli kabinet itu sendiri. Apakah ada menteri yang tidak jujur dan memberikan maklumat palsu kepada kabinet? Apakah juga ada pegawai yang memberikan maklumat palsu kepada menteri dan menteri tanpa menyemak fakta itu telah membentangkannya kepada kabinet?

Apa yang pasti tentunya syarikat swasta yang mengendalikan IMAMS ini sudah pun menandatangani perjanjian dengan pihak Kementerian. Apakah isi kandungan perjanjian itu tidaklah diketahui.

Sepatutnya kerajaan mendedahkan isi kandungan perjanjian tersebut untuk tatapan semua. Ketelusan adalah mustahak untuk memastikan bahawa rakyat

tidak mengalami kerugian.

Bagaimanakah Menteri Pelancongan boleh mengatakan bahawa sistem itu tidak dibuat mengikut fakta yang dibentangkan di Parlimen? Siapakah yang memperdayakan Menteri dalam hal ini? Adakah pegawai kementerian telah bertindak tidak mengikut kertas Jemaah Menteri?

Jika beberapa hari lepas suatu laporan polis telah dibuat oleh RCI Forex yang melaporkan kononnya Tun Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim telah memperdayakan kabinet, maka kali ini kita ingin lihat mereka yang bertanggungjawab memperdayakan kabinet Datuk

Sri Najib Tun Razak untuk dibicarakan di Mahkamah.

Bayangkan jika Khalid Samad dan para netizen tidak mempertikaikan IMAMS ini maka orang ramai akan terus menjadi mangsa kerakusan pihak yang tidak bertanggungjawab.

Isu IMAMS ini pasti akan menggusarkan pengundi Melayu dan jika perkara ini berterusan maka ianya bakal mendatangkan akibat buruk kepada Barisan Nasional. Sekalipun ianya dibatalkan tetapi tiada jaminan bahawa ianya tidak akan dilaksanakan pada masa yang akan datang.



Rakyat Malaysia dipelawa untuk menjadi wartawan di sebuah laman berita. Syarat-syaratnya adalah:

- 1) Mempunyai diploma atau ijazah dalam bidang komunikasi atau kewartawanan @ berpengalaman sebagai pemberita.
- 2) Berminat dengan berita hal ehwal semasa dan berunsurkan politik.

Sila hantarkan resume anda kepada:
luqman.malaysiadateline@gmail.com
Sebelum 30 Disember 2017

Tiada pilihan ketiga pada PRU nanti

Oleh **ARIF ATAN**

KUALA LUMPUR: Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batu Burok Dr Syed Azman Syed Ahmad mengulangi pendiriannya bahawa pilihan raya umum ke-14 (PRU-14) adalah medan Pakatan Harapan (PH) menentang BN.

Beliau yang ditemui selepas menghadiri perhimpunan membantah Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump di ibu negara 15 Dis lalu berkata, hanya dua blok itu sahaja untuk dipilih rakyat pada pilihan raya akan datang.

"Jelas dari awal lagi untuk PRU-14, rakyat hanya mempunyai dua pilihan iaitu bersama kleptokrasi Umno-BN atau kita memberi sokongan dan dokongan kepada Pakatan Harapan.

"Tiada pilihan ketiga. Masih mahu bersama Umno-BN atau memilih bersama mereka yang akan membuat perubahan iaitu PH," ujarnya.

Komponen PH dianggotai AMANAH, PPBM, DAP dan Keadilan manakala BN diang-

gotai Umno, MCA, MIC, Gerakan, PPP dan parti-parti negeri Sabah dan Sarawak.

Pas pula menubuhkan blok ketiga dengan dua parti kecil lain yang dinamakan Gagasan Sejahtera.

Menurut Dr Syed Azman, pengalaman politik pilihan raya di negara ini menyaksikan tiada tempat untuk mana-mana pihak selesa untuk bersendirian jika benar bertekad

mahu menumbangkan Umno-BN.

"Kita mesti bersama bila bercakap tentang usaha untuk menentang Umno-BN. Walaupun ada perbezaan fahaman politik, sepatutnya ketepikan dulu untuk mengalahkan Umno-BN," katanya.

Ditanya tentang kemungkinan beliau mengisytiharkan diri untuk keluar dari Pas menjelang PRU-14 ini, beliau sekadar menjawab sokongan padunya kepada PH tidak pernah berubah.

"Saya akan terus memberi dokongan serta berkempen memberi sokongan kepada PH," ujarnya lagi sambil tersenyum.



Dr Syed Azman Syed Ahmad

Mahfuz seru jangan dendami bekas ahli Umno

CHANGLUN: Ahli Parlimen Pas Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar menyeru ahli Pas agar tidak ber-dendam sebaliknya fokus untuk menjatuhkan kerajaan Umno-BN.

Menurutnya, ahli Pas perlu berfikir secara rasional dengan menyokong Pakatan Harapan (PH) serta menyambut baik mereka yang meninggalkan Umno.

"Saya sudah lama ajak orang (rakyat) tinggalkan (jangan sokong) Umno, tiba-tiba hari ini ada orang Umno tinggalkan Umno," ujarnya diikuti ketawa hadirin yang majoritinya ahli dan penyokong PPBM di Kampung Chenghai, dekat sini, baru-baru ini.

Bekas Naib Presiden Pas itu berkata, sikap menolak mereka yang meninggalkan Umno hanya kerana dendam tidak harus berlaku di kalangan ahli Pas.



Orang ramai yang hadir pada majlis Ghebang Santai di Kampung Chenghai, Changlun.

"Tiba-tiba kita (Pas) tidak mahu bersama rakan-rakan kita pada hari ini kerana dendam kesumat. Ini bagi saya tidak betul.

"Bukan kepentingan dendam

dengan musuh lama tetapi kita fikir untuk menyelamatkan negara dan rakyat daripada terus dirosakkan oleh pemimpin-pemimpin yang ada pada hari ini," tegasnya

dalam ceramah anjuran PPBM Kedah itu.

Beliau turut mengulangi pendirian bahawa ahli Pas boleh kekal berada dalam parti tersebut jika tidak mempunyai keberanian meninggalkan Pas.

"Saya minta ahli Pas fikir secara rasional. Saya ulang, ahli-ahli Pas boleh tengok dalam Youtube ceramah saya mutakhir ini.

"Saya cakap terus-terang tidak berselindung lagi apa yang berlaku dalam Pas pada hari ini berkaitan dengan RUU 355. Tuan-tuan tidak berani keluar Pas, tidak mengapa. Duduklah dalam Pas," ujarnya.

Mahfuz berpendapat kerajaan Umno-BN perlu diganti dengan PH memandangkan isu kos sara hidup yang melambung pada masa ini dirasai seluruh rakyat tanpa mengira parti politik.

"Takkan kita nak biarkan keadaan ini berlarutan dengan Umno-BN terus memerintah?"

"Isu kos sara hidup dan kes- usahan rakyat dirasai oleh semua tidak terkecuali ahli Umno dan Pas," katanya dalam program Ghebang Santai di Kampung Chenghai itu.

Tambahnya, keadaan tersebut berlaku kerana urus tadbir negara yang diterajui Umno-BN pada masa ini gagal melihat kepada penyelesaian terhadap masalah sebenar yang dialami rakyat.

Turut hadir timbalan presiden PPBM Datuk Seri Mukhriz Mahathir yang juga pengerusi PPBM Kedah; ahli dewan undangan negeri (Adun) Anak Bukit, Datuk Ir Amiruddin Hamzah serta para pemimpin parti-parti komponen Pakatan Harapan Kubang Pasu.

Nur Jazlan patut kaji kelayakan gelaran 'datuk'

KUALA LUMPUR: Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed sepatutnya menjelaskan bagaimana seorang individu berusia 20-an boleh menerima gelaran 'Datuk Seri' daripada mempolitikkan tindakan bekas perdana menteri Tun Mahathir Mohamad dan isteri menyerahkan kembali darjah kebesaran kepada istana Selangor.

"Apakah besar sekali budi bakti yang telah dicurahkan serta pengorbanan yang telah dibuat oleh si Datuk Seri muda ini yang melayakkan beliau mendapat gelaran itu?" soal Ahli Parli- men Segambut, Lim Lip Eng.

Nur Jazlan sebelum ini menyifatkan tindakan Tun Mahathir memulangkan dua darjah kebesaran yang telah dikurniakan istana Selangor sebagai "menghina anugerah" tersebut dan "bukan adat orang Melayu".

"Entah kenapa Nur Jazlan menyebut adat Melayu secara khusus. Adakah beliau sengaja memperkecilkan adat

orang bukan Melayu yang lain dalam negara ini?" soal Lip Eng.

Beliau menyifatkan tindakan Tun Mahathir itu sebagai bukan urusan Nur Jazlan dan timbalan menteri itu tidak berhak bercakap bagi pihak istana Selangor.

Nur Jazlan katanya, hanya layak mengulas status siasatan polis terhadap Tun Mahathir berikutan kenyataan "lanun Bugis" kerana kementerian beliau bertanggungjawab ke atas pasukan polis.

Tun Mahathir sebelum ini berkata, keputusan beliau memulangkan pingat kebesaran istana Selangor kerana menganggap tidak lagi layak menyimpannya.

Bekas perdana menteri itu berkata, oleh kerana Sultan Sharafuddin Idris Shah menganggap beliau akan "membakar negara dengan api kemarahannya," maka dengan sendiri beliau tidak lagi layak menyandang gelaran kebesaran negeri itu.

"Saya fikir Sultan Selangor merasakan saya tak layak untuk terima anugerah berkenaan. Kalau saya nak terima mestilah sebab saya layak tapi sekarang saya dikatakan akan membakar seluruh negara, jadi saya fikir saya sudah tidak layak lagi," kata beliau selepas mempengerusikan sidang media Pakatan Harapan di ibu pejabat Keadilan, 12 Dis lalu.

Dr Mahathir dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyerahkan semula semua anugerah kebesaran yang diterima daripada Sultan Selangor pada 7 Dis lalu.

Pingat tersebut diserahkan selepas Dr Mahathir sekali lagi dikritik Sultan Sharafuddin Idris Shah dalam wawancara yang diterbitkan The Star dan Utusan Malaysia.

Sementara itu pihak istana Selangor menyatakan Sultan Sharafuddin berkenan menerima pemulangan darjah kebesaran itu tanpa sebarang halangan.

Kaunselor Dublin tarik anugerah Suu Kyi

KUALA LUMPUR: Kaunselor Dublin 13 Dis lalu mengundi untuk menarik balik anugerah yang diberikan kepada pemimpin Myanmar, Aung San Suu Kyi bagi membantah cara wanita itu menangani keganasan terhadap etnik Islam Rohingya di negara berkenaan.

Memetik agensi berita asing AFP, media Ireland melaporkan, sebahagian besar kaunselor menyokong langkah pembatalan anugerah 'Freedom of the City of Dublin' itu dengan 59 undi menyokong dan dua undi menentang manakala seorang lagi tidak hadir.

Keputusan itu dibuat selepas lebih 620,000 etnik Rohingya melarikan diri ke sempadan Bangladesh mengelak daripada keganasan tentera Myanmar.

Seperti junta tentera Myanmar, Suu Kyi menganggap etnik Rohingya bukan rakyat negara itu. Enggan menggunakan istilah Rohingya, Suu Kyi sebaliknya menggelarkan etnik itu sebagai 'beng-gali' dan kaum pendatang daripada Bangladesh.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

EZKEMBARA
NO. KPK/LN : 6814

PELBAGAI DESTINASI MENARIK!

SEOUL

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

TURKI

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ JUMRAH

PAKEJ ZAAFARAN

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

PAKEJ RUMMAN

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

PAKEJ TAMAR

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

OIC perlu ajar kebiadapan Trump terhadap Palestin

PADA saat tulisan ini dirakamkan, Duta Amerika Syarikat (AS) ke Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB), Nikki Haley telah mengeluarkan amaran keras kepada semua anggota Perhimpunan Agung Bangsa Bersatu (UNGA) yang akan mengundi atas resolusi untuk menggesa Presiden Donald Trump menarik balik keputusan mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu kota negara Zionis-Israel itu.

Buat ingatan umum, sesi khas tergepar luar biasa ini adalah atas permintaan Liga Arab dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) supaya isu Baitulmaqdis dibincangkan.

Nikki Haley secara angkuh memberi amaran untuk menekan 193 negara anggota UN bahawa Trump akan memantau setiap undian dan mahukan Haley melaporkan negara-negara yang menyokong resolusi dan menentang keputusan Presiden Amerika itu.

Trump dilaporkan oleh media Barat (*www.theguardian.com*) akan menarik balik berbilion dolar sebagai bantuan kepada negara-negara yang menentangnya. Media Barat juga sinis menanyakan mana berbilion dolar yang didakwa Trump itu? Semua adalah untuk "US corporations and organisations"... tegas mereka.

Justeru penulisan ini mengajak umat Islam khususnya dan komuniti antarabangsa amnya untuk tidak lagi bertindak semacam cara lama.

Tidak lagi memadai buat 57 negara anggota OIC untuk mengadakan Sidang Kemuncak Luar Biasa di Turki baru-baru ini bagi menyatakan bantahan terhadap keputusan Trump.


Sama sekali tidak memadai untuk PM Najib Razak sekadar menyatakan bahawa Malaysia membantah pengiktirafan Trump terhadap Baitulmaqdis sebagai ibu kota Zionis-Israel di Sidang OIC itu sahaja.

Terkini, timbalannya pula menyatakan bahawa, "Sudah tiba masanya masyarakat antarabangsa memberi tekanan terhadap AS dan Israel yang mereka tidak boleh lagi menindas penduduk Palestin". Perhimpunan Solidariti di Masjid Putra hari Jumaat nanti adalah platform terbaik untuk menyatakan bantahan.

Persoalan besar yang perlu digarap secara berani adalah, apakah tindakan yang dimaksudkan dapat memberi tekanan kepada Presiden Amerika itu?

Tidak ada salahnya untuk berhimpun dan bertempok sekuat mana pun! Buatlah dan buat berulang kali sekali pun! Mungkin perlu diberi perhatian akan hikmat kata-kata mutiara ini, "Kalau anda mahu sesuatu yang anda tidak pernah dapat, anda perlu lakukan sesuatu yang anda belum pernah buat".

Ya, "kemuncak kebebalaan adalah mengulangi kerja yang sama dan mengharapkan natijah yang berbeza!" Maaf, kasar sikit kata-kata hikmah pengurusan strategi ini.



Muka letih OIC

Nah, sukar menolak catatan analisis bahawa muka-muka letih dan lama yang mengepalai negara umat Islam yang bersidang di OIC gagal menyuntik apa jua kesegaran dan semangat, sebagai badan terbesar dunia selepas Bangsa-Bangsa Bersatu. Ya, OIC adalah perhimpunan kedua terbesar di dunia selepas UN!

Berlalu satu abad pada bulan November 2017 lalu, yang merakamkan sejarah hitam Pengisytiharan Balfour atau 'Balfour Declaration' pada November 1917, akan penubuhan sebuah 'Jewish State' atau 'Negara Yahudi' di negara Arab Palestin.

Setelah 47 tahun kewujudannya, amat memalukan OIC secara konsisten gagal memperjuangkan kepentingan umat Islam di pentas antarabangsa. Isu penaklukan Palestin oleh regim Zionis-Israel dan kini Jerusalem yang dijadikan ibu kota mereka, kekal sebagai testimoni yang amat mengaibkan maruah umat Islam.

Ya, Sidang Kemuncak OIC sebulat suara boleh mengiktiraf Timur Baitulmaqdis (East Jerusalem) sebagai ibu negara dan menggesa masyarakat antarabangsa mengambil tindakan sama. Resolusi juga menuntut AS menarik diri daripada memainkan peranan dalam proses damai di Asia Barat. Ada 23 resolusi seluruhnya.

Namun, Amerika dan Trump hanya boleh memahami satu bahasa yakni bahasa "The 'almighty' Dollar"! Dan resolusi Sidang Ke-

muncak OIC tidak langsung menyinggung persoalan dan tindakan ke arah mengenakan tekanan ekonomi, kalau pun belum lagi sebagai 'diplomatic boycott' terhadap Trump dan Amerika!

Lalu inilah waktunya untuk mempertingkatkan tekanan ke atas Trump yang sedang 'desperate' dan tercungap-cungap untuk memulihkan ekonomi negaranya yang berhutang trilion dolar dan sekaligus bercita-cita menjana pekerjaan untuk rakyatnya!

Boikot ekonomi

Trump sangat memerlukan peningkatan dagangan dan pelaburan dari dunia luar dan negara kaya dari anggota OIC mampu mencetuskan impak dagangan dan 'balance of payment' yang buruk buat Trump.

Nah, mampukah negara OIC memulakan langkah-langkah yang tegas, drastik dan tidak konvensional seperti itu?

Apakah mampu dilakukan ketua-ketua negara umat Islam yang bersidang di Istanbul itu? Perhatikan wajah-wajah selain dari tuan rumah itu, apakah ada?

Sebagai contoh khusus. Bolehkah Raja Saudi, Raja Salman itu diharapkan untuk bertindak mengenakan boikot ekonomi terhadap Trump dan Amerika? Belia lebih sibuk untuk mengebom umat Islam di Yaman.

Raja Salman lebih serius merancang untuk memboikot Qatar dan Iran dan merancang menambahkan kecanggihan bala-tentera



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

perangnya yakni 'guided munitions' dengan membuat perolehan sebanyak US\$7 bilion dari Amerika.

Tidak perlu kita memandang jauh-jauh dengan mengkritik negara umat Islam yang lain.

Nah, PM Malaysia yang kuat juga bertempik di Sidang Kemuncak OIC juga mesti mengambil tanggung jawab, secara peribadi, terhadap 'pengkhianatan' terhadap angkara terkini Palestin dan Baitulmaqdis ini.

Untuk ingatan semua, Trump telah menyebutkan dan berjanji memindahkan kedutaan Amerika Syarikat dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis.

Pada bulan Mei 2017 lalu, Naib Presiden AS, Mike Pence sekali lagi mengulangi hasrat Trump. Tindakan ini telah mula dikecam oleh Eropah Barat dan dunia Barat.

Lalu, mengetahui akan segala latar belakang politik yang kian meruncing itu, persoalan besar yang mesti dijawab PM Malaysia, adalah, "Mengapakah Najib sanggup menghadapi Trump September lalu?"

Mengetahui akan semua maklumat latar ini, mengapakah Najib sanggup membuat perolehan 25 pesawat 737-MAX 10, lapan 787 Dreamliners dan akan menambah 25 lagi 737-MAX 10 dalam masa terdekat. Seluruhnya bernilai melebihi AS\$10 bilion (RM41.9 bilion) mengikut Najib. Semua atas niat membantu Trump untuk menguatkan ekonomi Amerika dakwanya.

Tidak cukup dengan itu Najib tambah berbilion lagi pelaburan dari KWSP dan Khazanah yang telah sedia ada di Amerika.

Justeru, di Perhimpunan Solidariti di Masjid Putra nanti, sanggupkah PM Najib memulakan tindakan ekonomi terhadap Trump dan Amerika dengan menimbang kembali semua pelaburan tersebut secara khusus.

Juga serentak menyeru semua anggota OIC terutama negara-negara kaya untuk mengengakan kuasa ekonomi yang ada di sisi umat Islam bahkan rakan-rakan yang lain dari Barat dan Timur, untuk mengajar Presiden Amerika Syarikat yang tersohor bodoh-sombongnya itu?

Ada berani ke PM? Jangan cakap tak ada serupa bikin... bukankah kita perlu 'istiqamah'?

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**

Aishah aset, bukan liabiliti untuk AMANAH

SHAH ALAM: AMANAH mengambil pendekatan berhemah dan berhikmah dalam isu penyertaan ahli-jawatankuasa nasionalnya, Wan Aishah Wan Ariffin atau Aishah dalam program hiburan Gegar Vaganza (GV) dan menyifatkan penyanyi tersebut sebagai aset kepada parti.

Sehubungan itu, Pengarah Komunikasi AMANAH Khalid Samad menolak dakwaan kononnya parti itu bersifat liberal dalam menangani isu hiburan malah menegaskan Islam adalah agama yang sederhana serta membawa rahmat kepada semua.

"Kita di AMANAH membawa satu pendekatan yang tidak keras (dalam konteks dakwah), bila kita cakap macam itu orang cakap kita liberal.

"Bukan liberal tapi pendekatan berhemah dan berhikmah. Kita nak orang yang nak (berminat memahami) Islam terima dan cuba hayati Islam.

"Kita ada sedikit kelonggaran yang mana kita cuba menentukan bahawa ia tidak terlalu keras sehingga membebankan umat Islam itu sendiri, "jelasnya.

Menurut beliau, sikap kesederhanaan

ini dizahirkan dalam isu penglibatan Aishah pada program GV.

Malah kata Khalid, Aishah telah memperlihatkan keindahan Islam itu sepanjang berada di Gegar Vaganza.

"Dan Aishah bila dia minta izin kita (parti), kita kata biar tunjuk keterampilan yang wajar dan jangan keterlaluan dia atas pentas serta tunjuk satu imej yang boleh dihormati. (Kita lihat) dia pun minimumkan cara dia (di pentas)," kata Khalid.

Aishah menewaskan empat peserta GV lain iaitu Liza Hanim, Hazami, Tia Jinbara, Lan dan Firman Siagian.

Penglibatan Aishah dalam politik bermula pada 2012 selepas menyertai Pas.

Beliau bertanding di Parlimen Jempol pada PRU 2013 menentang bekas menteri besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad namun tewas.

Pada 2015, Aishah menyertai AMANAH susulan perpecahan dalaman Pas yang menyaksikan sebahagian pemimpin parti itu disingkirkan dalam pemilihan parti ekoran ditohmah sebagai 'anti-ulama'.

Dalam perkembangan berkaitan,



Aishah

Khalid tidak menolak kemungkinan kemenangan Aishah dalam program GV membantu meningkatkan imej parti itu terutama menjelang pilihan raya umum (PRU).

Malah kata Khalid lagi, partinya berbesar hati jika Aishah mahu bersama-

sama dalam kempen AMANAH dan Pakatan Harapan (PH) pada PRU akan datang.

Khalid juga menyifatkan Aishah sebagai aset dan bukan liabiliti kepada AMANAH dan reputasinya lebih baik berbanding Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Kita harap aura Aishah dapat tarik pengundi muda dan atas pagar dan insya-Allah sejauh mana Aishah sendiri sanggup menyumbang bersama dalam kempen, kita akan bantu dia sekali, semua orang saya rasa ada niat melakukan kebaikan.

"Jangan kita letak halangan sedangkan niat dia nak buat kebaikan, jadi kita bantu dan kalau dia sanggup untuk bantu dan memanfaatkan imej dia sebagai juara GV untuk kempen Pakatan Harapan dan AMANAH.

"Bagi saya dia (Aishah) bukan seorang yang jahat, yang menjadi sebagai satu liabiliti hanya kerana dia menyanyi. Kalau nak dibandingkan dengan Najib yang jauh lagi teruk dari segi imej yang jauh lebih rosak," kata Khalid dalam sidang media di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Shah Alam, baru-baru ini.

Jais mahu halang saya tanding PRU, kata Khalid

SHAH ALAM: Pengarah Komunikasi AMANAH Khalid Samad yakin tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam bertujuan menghalangnya daripada bertanding pada pilihan raya umum (PRU) ke-14.

Ahli Parlimen Shah Alam itu mengulas tindakan Jais mengemukakan rayuan bagi mencabar keputusan Mahkamah Tinggi Syariah mengurangkan denda terhadapnya daripada RM2,900 kepada RM1,900 atas kesalahan mengajar Islam tanpa tauliah di sebuah surau enam tahun lalu.

Perkara 48 (1)(e) Perlembagaan Perse-

kutuan menyatakan seorang anggota parlimen yang disabitkan bersalah di mahkamah dan dikenakan hukuman penjara lebih setahun atau denda melebihi RM2,000 akan hilang kelayakan sebagai wakil rakyat selama lima tahun.

"(Ini) seolah-olah satu cara untuk menghalang saya daripada terus menjadi anggota parlimen dan jika itulah niat sebenar Jais, ia amat mengecewakan.

"Ia menunjukkan Jais dijadikan batu loncatan oleh mana-mana pihak yang tidak suka saya sebagai anggota parlimen," katanya pada sidang media di pejabatnya dekat sini, 18 Dis lalu.

Pada 24 Nov lalu, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam mengekalkan keputusan bersalah Khalid tetapi mengurangkan denda kepada RM1,900.

Hakim Syarie Salehan Yatim mengambil maklum yang jumlah asal denda berjumlah RM2,900 boleh menyebabkan Khalid kehilangan kerusinya dan penduduk Shah Alam hilang wakil rakyat yang dipilih mereka.

Beliau didakwa di bawah Seksyen 119 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) kerana berucap di sebuah surau di Taman Seri Sementa, Kapar, antara 10 malam hingga 11.50 malam pada 16 Ogos 2011.

Khalid sebelum ini menggesa Kerajaan

Selangor dan Jais membuat kenyataan jelas berhubung takrifan 'mengajar' di masjid dan surau.

"Nak cakap tentang Islam pun tak boleh, apa yang saya buat sebelum ini bukannya mengajar tetapi berkongsi pengalaman di Gaza, Palestin. Ada beza antara mengajar dan bercakap.

"Saya harap kerajaan Selangor ambil berat perkara ini kerana kita tidak mahu Islam dipenjara. Kita sepatutnya menggalakkan orang bercakap tentang Islam selagi mana ia bukan ajaran sesat," katanya lagi sambil berkata telah membuat permohonan tauliah sebanyak lima kali tetapi ditolak tanpa alasan munasabah.

Enggan mohon maaf, CEO IKSIM disaman fitnah

SHAH ALAM: Kerana enggan memohon maaf atas kenyataan fitnah yang diucapkan di sebuah masjid dekat sini, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) Prof Datuk Mahamad Naser Disa menghadapi saman fitnah dikemukakan Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Samad.

Menurut Khalid, sebelum writ saman difailkan pihaknya telah menghantar notis tuntutan (letter of demand) kepada Naser supaya menarik balik kenyataan fitnahnya dan memohon maaf secara terbuka, namun peneraju agensi kerajaan itu enggan berbuat demikian.

"Bagi saya tuduhan ini amat jelas

kerana agak mustahil sebagai seorang ahli parlimen daripada pembangkang boleh menghalang perbahasan mana-mana rang undang-undang dalam Parlimen kerana Parlimen bukan kita yang menguasainya," ujar Khalid dalam sidang media, baru-baru ini.

Naser pada 28 Sept lalu ketika berucap di Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong, dekat sini mendakwa kononnya Khalid yang juga Pengarah Komunikasi AMANAH menghalang pembentangan Rang Undang-undang (RUU) Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau RUU 355 di Dewan Rakyat.

Kenyataan fitnah itu diucapkan Naser

pada majlis 'Wacana Isu Semasa dan Perundangan Peringkat Negeri Selangor: Doktrin: Cabaran dan Perlembagaan' anjuran Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Naser ketika berucap dipetik sebagai berkata, "... Akta 355 perlu dipinda. Salah satu punca kenapa Akta 355 tidak boleh dipinda kerana orang Shah Alam hantar ahli Parlimen yang menentang Akta 355. Saya serah pada tuan-tuan nak sokong ataupun tak sokong Akta 355. Kalau tuan-tuan tak setuju dengan Akta 355 bolehlah hantar ahli Parlimen yang sama."

Peguam yang mewakili Khalid, Faiz Fadzil berkata, ucapan Naser itu jelas mengandungi elemen fitnah.

"Kami dapati ucapan beliau itu telah dimuat naik di laman media sosial yang diakses oleh pengguna internet.

"Kita menuntut ganti rugi yang akan ditentukan mahkamah dan injunksi menghalang penerbitan ucapan yang sama dan permohonan maaf secara terbuka," ujarnya.

Menurut Faiz, ini bukanlah kali pertama Khalid menjadi mangsa fitnah berhubung isu RUU 355 kerana pihaknya juga sudah mengemukakan saman terhadap akhbar Berita Harian berhubung isu yang sama.

Mahkamah menetapkan 16 Januari depan bagi pengurusan kes.

Ekstradisi Jho Low ke Malaysia

Oleh HUSIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Ketua polis negara digesa mendapatkan kerjasama kerajaan China untuk mengekstradisi ahli perniagaan kontroversi warga Malaysia, Jho Low bagi dibawa balik dan didakwa di negara ini ekoran penglibatannya dalam skandal 1MDB.

Jurucakap Anak Muda Cari Jho Low (AMCJL) Faiz Fadzil berkata, akhbar The Australian mendedahkan bahawa penjenayah paling dikehendaki di dunia itu kini sedang bersembunyi di Shanghai, China dan menghabiskan masanya sama ada menginap di hotel mewah Peninsula atau belayar dengan bot mewahnya 'Equanimity' di sana.

Menurut Faiz, tiada keraguan bahawa Jho Low telah melakukan pelbagai kesalahan jenayah di negara ini dalam skandal 1MDB manakala Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat juga sedang melakukan siasatan terhadap perlakuan jenayah Jho Low.

“ Jho Low tidak seharusnya dibiarkan terus bebas dan mengatasi undang-undang. Perlakuan jenayah Jho Low perlu dipandang berat semua pihak dalam negara ini kerana wang 1MDB berjumlah lebih RM20 bilion yang diseleweng Jho Low perlu ditanggung pembayar cukai di negara ini,”

Beliau menambah, Jho Low disebut sebagai arkitek utama penyelewengan dana 1MDB dalam saman Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) yang telah menggariskan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang Malaysia termasuk penipuan menurut seksyen 415 dan 418 Kanun Keseksaan dan pemberian rasuah menurut seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009.

Malah tegas Faiz, wang berjumlah RM2.6 bilion yang dimasukkan ke akaun peribadi MO1 (Malaysian Official 1) di Ambank daripada Tanore Account adalah dimiliki Jho Low. Faiz melahirkan kehairanan dengan sikap

Ketua Polis Negara yang masih mendiamkan diri walaupun bukti-bukti berhubung kelakuan jenayah Jho Low telah banyak didedahkan.

“Tingkah laku sang penguasa di Putrajaya yang kini banyak berhutang dengan kerajaan China seperti projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) bernilai lebih RM55 bilion dan keistimewaan kepada negara kuasa besar dunia tersebut menguasai tanah-tanah di negara ini, tetapi pada masa yang sama membiarkan Jho Low bebas hidup di negara China mewujudkan persepsi negatif di kalangan masyarakat umum seolah-olah Jho Low sedang dilindungi kerajaan,” ujar

beliau.

Sehubungan itu, Faiz menggesa Ketua Polis Negara bertindak dengan penuh integriti dalam menegakkan keluhuran undang-undang dengan mendapatkan kerjasama kerajaan China bagi menangkap dan mengekstradisi Jho Low untuk dibawa pulang ke Malaysia.

Malaysia dan China, tambah beliau mempunyai perjanjian Bantuan Perundangan Bersama (MLA) dan tangkapan Jho Low begitu penting bagi membolehkan siasatan jenayah dimulakan di negara ini.

Langkah ini, katanya penting supaya skandal 1MDB dapat diselesaikan dan masalah ekonomi terutama kejatuhan nilai Ringgit dapat diatasi.

“Jho Low tidak seharusnya dibiarkan terus bebas dan mengatasi undang-undang. Perlakuan jenayah Jho Low perlu dipandang berat semua pihak dalam negara ini kerana wang 1MDB berjumlah lebih RM20 bilion yang diseleweng Jho Low perlu ditanggung pembayar cukai di negara ini,” katanya.

Kerana anak Rafizi sanggup tanggung risiko



Rafizi menyifatkan anaknya sebagai sumber kekuatan untuk terus menentang regim kleptokrat.

KUALA LUMPUR: Walaupun mengakui kadang kala dilanda perasaan marah, bosan dan kecewa kerana merasakan usahanya sebagai wakil rakyat tidak berbaloi ekoran risiko yang terpaksa ditanggung, anak menjadi sumber kekuatan kepada Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli untuk mengharungi cabaran sebagai 'whistle blower'.

Meluahkan perasaannya dalam catatan di facebook, Rafizi berkata, beliau akan menjadi seorang yang 'kufur nikmat' jika tidak menabur bakti kepada orang ramai yang tidak bernasib baik seperti beliau.

“Saya di mahkamah sepanjang minggu lepas, minggu ini dan minggu depan untuk beberapa kes bersabit skandal NFC dan isu kelewatan pembayaran pencen tentera.

“Saya manusia biasa yang kadang-kadang ada perasaan marah, bosan, kecewa dan macam-macam.

“Saya bukanlah manusia kalau sekali pun saya tidak pernah berasa usaha saya menjalankan tugas sebagai wakil rakyat sebaiknya adalah tidak berbaloi; kerana risiko yang saya tanggung,” ujar Naib Presiden Keadilan itu.

Menurut Rafizi, beliau hanya perlu melihat beberapa gambar anaknya untuk mengingatkan bahawa Allah telah memberi rahmat yang cukup besar kepada beliau.

“Kalau saya tidak menggunakan sedikit kelapangan yang saya ada untuk menabur bakti kepada orang ramai yang tidaklah bernasib baik seperti saya, seolah-olah saya kufur nikmat.

“Allah memberi rahmat kepada kita dalam bentuk yang jarang kita sedari.

“Apa yang kita rasa susah adalah satu ujian untuk melatih kita menjadi lebih kental, rahmat-Nya agar kita menjadi orang yang lebih baik,” ujar pengasas Invoke itu.

Hidup yang senang, kata Rafizi adalah ujian agar seseorang berkongsi kesenangan itu dengan orang lain, kerana manusia akan mati.

Seseorang itu, katanya hanya boleh berdoa agar Allah membuka hati orang lain supaya berbakti kepada anak yang tinggal seperti mana seseorang itu pernah cuba berbakti kepada masyarakat.

“Keredhaan dengan ketentuan Allah itu adalah rahsia kebahagiaan hidup,” katanya.

Bekas Ketua Wira Perkasa sertai Keadilan

PETALING JAYA: Bekas Ketua Wira Perkasa, Irwan Fahmi Ideris 14 Dis lalu bersama lebih 30 bekas pemimpin dan ahli NGO itu mengumumkan menyertai Keadilan dan berikrar akan bersama Pakatan Harapan (PH) menghadapi BN dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Selain Irwan Fahmi turut menyertai Keadilan ialah bekas Naib Ketua Wira Perkasa Syamzari Putera Mohd Noh dan dua bekas Exco Wira Perkasa Muhammad Hafiz Zulki-fly dan Zulkarnain Haron.

Penyerahan borang keahlian telah diserahkan kepada Timbalan Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Afif Bahardin di ibu pejabat parti itu.

Menurut Irwan, keputusan beliau dan ahli Perkasa memilih Keadilan kerana percaya dengan hala perjuangan parti itu.

Walau bagaimanapun, Irwan Fahmi masih mengekalkan keahliannya dalam Perkasa.

Bahkan beliau yang pernah menjadi ahli Umno di Bahagian Ipoh Barat men-

gaku Umno gagal mempertahankan hak orang Melayu dan bumiputera serta tidak mampu menyelesaikan kemelut ekonomi negara.

“Kita perlu lakukan perubahan dan dapatkan sokongan setiap anggota masyarakat sama ada NGO atau rakyat biasa,” ujarnya.

Irwan menambah, hasratnya mahu perdana menteri berundur sudah terpendam sejak Ogos 2013 ditambah dengan kemelut ekonomi dan hak Melayu yang

tidak pernah dapat diselesaikan.

“Umno akan jadi Melayu pada hujung tahun sahaja (menjelang perhimpunan agung Umno). Tiap-tiap hujung tahun dia (Umno) akan jadi parti lebih rasid.

“Yang perintah (negara) ialah Umno dari 1957, daripada logo kapal layar sampai dacing, nasib Melayu masih lagi begini, salah DAP kah?” soalnya.

Ditanya sama ada ahli Perkasa akan memberi 'sokongan senyap' kepada PH, beliau menyifatkannya sebagai hak individu.

Jika serius sokong rakyat Palestin

Batal rancangan labur RM60 bilion di AS

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri perlu mengambil peluang menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi kepada rakyat Palestin dengan membatalkan rancangan melabur hampir RM60 bilion di Amerika Syarikat (AS) bagi lima tahun akan datang seperti diumumkan dalam lawatan Datuk Seri Najib Razak ke Rumah Putih, 12 September lalu.

Ini termasuk RM42 bilion untuk membeli kapal terbang Boeing, RM16.8 bilion pelaburan KWSP, dan peningkatan pelaburan Khazanah dari US\$400 juta yang ada sekarang.

Pengarah Komunikasi Keadilan Fahmi Fadzil dalam satu kenyataan memperso-

alkan komitmen pentadbiran Najib untuk mengukuhkan ekonomi AS ketika negara kuasa besar dunia itu langsung tidak membantu mengukuhkan masa depan rakyat Palestin.

Malaysia melalui platform Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), ujarnya telah menyatakan bantahan keras terhadap tindakan Amerika Syarikat mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Namun tambah beliau, AS kelihatan masih belum berganjak dari pendirian sebelah pihak yang merencanakan proses perdamaian Palestin-Israel, dan bakal menggugat kestabilan politik rantau Asia Barat malah seluruh dunia.

"RM60 bilion bukanlah satu jumlah kecil, lebih-lebih lagi apabila ianya merupakan wang rakyat Malaysia.

"Mengapa Malaysia membantah pendirian AS tentang Baitulmaqdis tetapi tetap mahu melabur RM60 bilion wang rakyat Malaysia ke dalam ekonomi AS? Bukankah ini satu pendirian hipokrit?" tegas beliau.

Menurutnya, dalam isu ekonomi dan geopolitik, Malaysia mampu memilih untuk tidak melabur ke dalam ekonomi AS sebagai tanda bantahan, malah negara sebaliknya boleh memilih untuk melabur di negara lain yang berlainan pendirian dengan AS dalam isu Baitulmaqdis.

"Contohnya jika Malaysia masih memer-

lukan kapal terbang untuk MAS, kita boleh membeli kapal terbang Airbus (Perancis) atau Bombardier (Kanada) dan bukannya Boeing (AS). Perancis dan Kanada keduanya enggan mengakui Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel," jelas Fahmi.

Sehubungan itu, beliau menggesa Umno-BN agar konsisten dalam pendirian mereka dan tidak sekadar berhimpun di hadapan kedutaan AS sebagai tanda bantahan namun bertandang ke White House membawa pelaburan.

"Kenapa kita beria-ia sangat nak bantu kukuhkan ekonomi AS, bila AS langsung tak bantu kukuhkan masa depan rakyat Palestin?" soal beliau lagi.

Usah pura-pura sokong agenda reformasi Anwar

KUALA LUMPUR: Penolong Setiausaha Publisiti DAP Johor Sheikh Omar Ali menasihati Pengarah Penyelidikan Pas (PPP) Dr Mohd Zuhdi Marzuki supaya tidak mencampuri urusan Pakatan Harapan (PH) dalam menentukan siapa bakal calon Perdana Menteri jika PH berkuasa kelak.

Beliau berkata, beliau ingin menasihati Mohd Zuhdi supaya 'diam' daripada sibuk terhadap urusan PH.

"Kenyataan dikeluarkan ternyata menunjukkan beliau gagal mengikuti keseluruhan justifikasi yang dikemukakan pimpinan PH berkaitan soal calon PM dalam kondisi Datuk Seri Anwar Ibrahim yang masih berada dalam tahanan.

"Zuhdi tidak perlu berlagak baik, mencadangkan kepada PH agar mengemukakan calon perdana menteri yang dapat meneruskan agenda reformasi yang dicetuskan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim," ujarnya dalam kenyataan.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mohd Zuhdi baru-baru ini kononnya usaha PH untuk menyerahkan semula mandat kepada Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri sekiranya PH menang pada pilihan raya

umum (PRU) akan datang bakal menyebabkan negara dan rakyat terus terjerumus dengan kerosakan politik, ekonomi dan sosial.

Sheik Omar menambah, Dr Mohd Zuhdi sepatutnya sedar bahawa Pas adalah parti yang telah menggagalkan cadangan untuk menamakan Anwar sebagai calon perdana menteri menjelang PRU lalu.

"Pas pada ketika itu telah menamakan Ahli Parlimen Umno Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah sebagai calon perdana menteri mereka.

"Oleh itu, kenyataan Zuhdi pada hemat saya tidak lebih sekadar suatu langkah untuk melemahkan usaha PH yang sedang berkerja untuk menolak kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang terpalit pelbagai skandal dan menumbangkan BN dalam PRU ke-14 ini," ujarnya.

Katanya lagi, ketiadaan suara tegas daripada Pas yang mengkritik salah guna kuasa Najib mutakhir ini dan kritikan Zuhdi dalam isu calon perdana menteri PH juga dilihat, hanyalah satu tindakan yang menyerlahkan peranan Pas dalam mengukuhkan kedudukan Najib dan BN.

Presiden Pas terpedaya propaganda Umno burukkan Pulau Pinang

KUALA LUMPUR: Dakwaan Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang kononnya rakyat Pulau Pinang hidup dalam kepayahan di bawah pemerintahan DAP menggambarkan kejahatan beliau terhadap negeri yang ditadbir Pakatan Harapan itu.

Penasihat Ketua Menteri Pulau Pinang Ustaz Wan Ji Wan Hussin berkata, ketika rakyat Pulau Pinang sedang menerima bantuan banjir daripada kerajaan negeri, kenyataan Presiden Pas dalam akhbar pro-Umno, Berita Harian, 16 Dis lalu adalah suatu pembohongan.

"Dari sudut perkembangan Islam pula, Pulau Pinang adalah antara negeri yang tidak pernah menghalang ceramah agama di masjid dan surau daripada mana-mana penceramah agama hatta presiden Pas sendiri.

"Cuma pihak kerajaan menetapkan agar sebarang ceramah tidak membawa sebarang elemen permusuhan, fitnah dan merosakkan imej Islam seperti perkauman," ujarnya di laman

Facebook.

Menurut beliau, Pulau Pinang tidak menyenaraikan nama-nama penceramah agama tertentu supaya dihalang berdakwah di Pulau Pinang seperti di beberapa negeri lain.

"Nama-nama besar seperti Dr Maza, Dr Rozaimi Ramli, Dr Danial Zainal Abidin, Ustaz Hussin Yee, malahan sebarang guru daripada Aliran Asyairah juga dibenarkan seperti Ustaz Shahul Hamid yang sejak sekian lama berdakwah di Pulau Pinang.

"Malahan di kebanyakan masjid dan surau di Pulau Pinang masih banyak ceramah ustaz-ustaz Pas, walaupun kadangkala ucapan mereka penuh dengan fitnah dan dakwaan palsu terhadap kerajaan Pulau Pinang," katanya.

Wan Ji menambah, sekiranya Abdul Hadi tidak terpengaruh dengan propaganda jahat Umno-BN, beliau pasti mengakui perkembangan Islam di Pulau Pinang jauh lebih baik berbanding negeri lain di Malaysia.

Tindakan lembab kementerian banteras susu tiruan dikesali

KUALA LUMPUR: Tindakan lembab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam menangani aduan orang ramai berhubung susu rumusan tiruan yang dijual di pasaran amat dikesali.

Setiausaha Wanita Pakatan Harapan (PH) Teo Nie Ching berkata, kurangnya tindakan proaktif kementerian terbabit dalam menangani isu itu akan mengakibatkan ribuan bayi terdedah dengan pelbagai risiko kesihatan.

Malah, katanya kementerian

berkenaan masih belum mengarahkan supaya penjualan susu rumusan tiruan terbabit ditarik balik walaupun aduan telah dibuat orang ramai sejak Ogos lepas.

"Buat masa ini, selepas melakukan pemantauan selama empat bulan, kementerian masih menunggu hasil uji kaji susu yang dirampas di kedai ubatan dan serbaneka di Johor Baharu pada Khamis lepas sebelum memutuskan tindakan seterusnya yang akan diambil.

"Walaupun difahami bahawa uji kaji berkenaan memerlukan masa

untuk dijalankan, namun mengapa KPDNKK menunggu sehingga 7 Disember untuk melakukan serbuan? Mengapa tidak buat uji kaji waktu aduan dibuat pada Ogos?" soalnya dalam satu kenyataan.

KPDNKK Johor dilaporkan pada 10 Disember lalu menyerbu lima kedai di sekitar Johor Baharu dan berjaya merampas sebanyak 210 kotak susu rumusan berjenama yang disyaki tiruan bernilai RM42,000.

Pengarah KPDNKK Johor, Khairul Anwar Bachok berkata, serbuan

itu adalah hasil daripada peman-tauan dan risikan sejak bulan lepas selepas menerima aduan seorang bayi mengalami muntah ekoran meminum susu berkenaan.

Dalam pada itu, Nie Ching yang juga Ahli Parlimen Kulai turut mempersoalkan mengapa Kementerian Kesihatan (MOH) tidak mengambil sebarang tindakan meskipun mempunyai kuasa di bawah Akta Makanan 1983 untuk berbuat demikian.

"Apa yang MOH lakukan sejak aduan seorang bayi muntah teruk

selepas meminum susu tiruan berkenaan pada Ogos?" soalnya.

Tambahnya, sehingga kini orang ramai masih tidak mengetahui kandungan susu tiruan terbabit dan kesan jangka masa panjang yang bakal dialami bayi yang meminum produk berkenaan.

"Cara KPDNKK dan MOH menangani isu susu rumusan tiruan ini menunjukkan mereka tidak sensitif terhadap keselamatan bayi yang mudah terdedah dengan pelbagai risiko," ujarnya yang juga Setiausaha Antarabangsa DAP.

Rakyat pelbagai kaum sokongan terhadap Pal



Tun Mahathir berucap men



Ustaz Ahmad Awang menegaskan 'Baitulmaqdis adalah ibu negara Palestin'.

Perarakan bermula daripada Menara Tabung Haji.



Maria Chin tegas menyatakan pendirian Bersih.



Wakil Yayasan Al-Quds sedang berucap.



Amarah bapa dan anak.

nyatakan estini



desak Trump membatalkan hasratnya.



Pelbagai slogan dipamerkan bagi mengutuk kebiadapan Trump.



Dr Wan Azizah berucap penuh semangat.



Pentas 'hard talk' menampilkan Tun Mahathir dan Husam.

Hanya bendera Palestin dan Malaysia berkibar di sepanjang himpunan berlangsung.



Tian Chua membangkitkan isu kemanusiaan.



Timbalan Presiden AMANAH bersalaman dengan peserta yang hadir. Turut kelihatan Ketua AMANAH Kawasan Batu, Cikgu Ishak Surin.

Oleh ARIF ATAN | Foto WAN ZAHARI SALLEH

PERHIMPUNAN membantah kedegilan dan keangkuhan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump yang mahu memindahkan kedutaan negara kuasa besar dunia itu dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis berlangsung selepas solat Jumaat, 15 Dis lalu.

Perarakan lebih 1,000 peserta selama 30 minit dari Bangunan Tabung Haji tiba di lokasi berhadapan Kedutaan AS pada jam 2.30 petang.

Bendera Malaysia dan Palestin dikibarkan para peserta perhimpunan anjuran Pakatan Harapan itu bagi menunjukkan solidariti rakyat Malaysia dengan rakyat Palestin.

Perarakan yang dikawal anggota ARiF itu menyaksikan kehadiran Pengerusi Pakatan Harapan yang juga Pengerusi PPBM Tun Mahathir Mohamad bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Presiden Pakatan Harapan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Naib Presiden Keadilan Tian Chua mendahului ucapan pemimpin parti komponen Pakatan Harapan ketika lebih 50 anggota polis berkawal di pembahagi jalan berhadapan bangunan kedutaan.

Presiden AMANAH Mohamad Sabu dalam ucapannya menggesa negara-negara Arab memutuskan hubungan dengan Israel.

"Donald Trump, hentikan kerja kejahatan kamu. Jadilah seorang manusia.

"Negara-negara Arab putus hubungan dengan Israel," tegasnya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Mobilisasi Pakatan Harapan.

Beliau kemudian mengakhiri ucapannya dengan teriakan 'Jahanam Zionis', 'Biadap Donald Trump' dan 'Hidup Rakyat Palestin'.

Turut berucap Penasihat Umum AMANAH, Ustaz Ahmad Awang dan Naib Presiden AMANAH, Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus yang juga peserta Kapal Kemanusiaan ke Gaza, Mavi Marmara.

Selain itu, Ahli Parlimen Kluang dan Pengarah Pendidikan Politik DAP, Liew Chin Tong serta Ketua Pemuda Pakatan Harapan merangkap Ketua AMK, Nik Nazmi Ahmad juga berucap.

Antara badan bukan kerajaan (NGO) yang turut menyertai himpunan mengesakan Trump itu adalah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Turut berucap wakil Mahasiswa AMANAH Nasional, Fakhru Razi Hamdan; Pengerusi Bersih 2.0, Maria Chin Abdullah serta aktivis, Hishamuddin Rais.

Himpunan berakhir pada jam 3.30 petang selepas Tun Mahathir berucap dan doa penutup oleh wakil Pemuda AMANAH Wilayah Persekutuan.

Undi ikut isu bukan taksub parti

Pola pengundian majoriti golongan muda adalah berdasarkan isu yang dekat dengan keperluan mereka bukan disebabkan taksub parti, kata Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Wan Anwar Wan Ibrahim.

Menurutnya, pengundi muda bawah 40 tahun bersifat anjal, agak sinikal kepada ahli politik, non partisan dan peduli isu semasa walaupun tidak melibatkan diri secara langsung dalam mana-mana parti.

"Mereka akan mengundi berdasarkan isu bukan sentimen parti. Sebab itu Pakatan Harapan mesti beri perhatian terhadap isu anak muda. Mereka mahu ruang untuk berekspresi dan terlibat sama dalam membina negara ini.

"Anak muda muak dengan status quo pimpinan yang menganggap mereka sebagai alat sahaja. Hal ini patut diperbetulkan," ujarnya dalam slot Diskusi 'Hala Tuju Pemuda Harapan' di Invoke Malaysia, 19 Disember lalu.

Pengarah Biro Undang-Undang Pemuda Pakatan Harapan itu berkata,



Wan Anwar ketika menjadi ahli panel yang dianjurkan oleh Invoke Malaysia.

Perlembagaan memberi ruang kepada anak muda untuk melibatkan diri dalam proses membuat keputusan dengan menjadi wakil rakyat bagi peringkat Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

Bagaimanapun, beliau berpendapat penyertaan anak muda bagi tujuan tersebut masih kurang memuaskan ketika perkembangan politik dan pentadbiran di luar negara menyaksikan penglibatan anak muda semakin

rancak.

"Di negara luar, sistem dua parti itu sudah menjadi biasa. Atas faktor pendidikan, anak muda kita mampu menerajui negara juga mempunyai kebolehan untuk mentadbir.

"Namun, apa yang saya perhatikan sejak kemerdekaan sehingga sekarang, kita seolah-olah terbelakang," luahnya.

Beliau menyifatkan ruang anak muda dalam proses membina negara

ini masih tertutup sama ada di peringkat parti dan negara sekali gus menghalang golongan itu untuk bersuara.

"Kita telah melalui anjakan di mana anak muda sudah berani meluahkan apa yang mereka tidak puas hati tentang keputusan kerajaan yang merugikan negara.

"Paling jelas, Reformasi 98 yang dijayakan gerakan anak muda. Mereka memperjuangkan hak untuk bersuara. Saya fikir bukan semua anak muda itu terlalu mendesak. Hanya sebahagiannya terlalu idealistik," katanya.

'Dinosaur politik'

Mengulas tentang sokongan anak muda kepada pembangkang, Wan Anwar berkata, situasi itu terbukti pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) yang menyaksikan 57 peratus golongan itu menyokong oposisi berbanding 42 peratus memilih BN.

"Bila dimbau ketika Pakatan Rakyat sebelum ini pada PRU-13, pembangkang memang dekat dengan anak muda kerana dilihat mempunyai polisi

kepada penyelesaian masalah yang mereka hadapi," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau menyeru supaya golongan muda diberi peluang untuk menerajui kepimpinan daripada peringkat kerajaan tempatan sehingga ke Parlimen.

"Anjakan perlu dihebatkan. Anak muda patut diramaikan lagi di dewan di peringkat negara dan rakyat.

"Bila ruang diberi, maka lahirlah golongan pemimpin muda seperti berlaku di luar negara. Ini satu budaya sihat untuk meremajakan politik di negara ini," kata Wan Anwar.

Sebaliknya, apa yang berlaku masih ramai 'dinosaur politik' berada di kerusi membuat keputusan sekali gus menutup peluang anak muda dengan latar kepakaran dan idea bernas untuk menyumbang kepada pembinaan negara.

"Sistem politik kita punah apabila di sana itu masih terdapat dinosaur-politik yang duduk membuat keputusan. Tidak sepatutnya mereka berada di kerusi Dewan Rakyat sekarang ini," tegasnya lagi.

Selami rasa tidak puas hati

Pengarah Biro Pendidikan Pemuda Harapan, Ashraf Mustaqim Badrul Munir berpendapat sikap sebahagian anak muda yang prejudis terhadap politik termasuk berkempen tidak keluar mengundi perlu segera ditangani.

Menurut Ahli Exco Pemuda Bersatu itu, mereka yang mungkin bosan dengan percaturan politik mutakhir ini pada masa sama tidak mendapat maklumat jelas terutama berkaitan penyelesaian alternatif yang ditawarkan Pakatan Harapan.

"Hakikatnya bila ada kekangan dalam keadaan anak muda mual dengan permainan politik yang menjengkelkan, mereka tiada inisiatif untuk

menggali, maka tidak kenal.

"Kita tidak boleh pandang enteng pada hal ini dan tidak harus pula dengan mudahnya menyalahkan anak muda yang memboikot (mengundi).

"Kita perlu turun menhyelami apa sebenarnya keinginan anak muda. Mungkin idea-idea perubahan kita masih tidak sampai kepada akar umbi," katanya dalam slot forum anjuran Invoke baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau menyeru golongan muda memikirkan kesan jangka panjang jika hasrat untuk memulaukan pilihan raya diteruskan.

"Jangan tidak menggali habis. Anak-anak muda beri ruang untuk menilai dan mengkaji. PRU-14 ini bukan ten-

tang pimpinan Pakatan Harapan saja.

"Sebaliknya, ini tentang kita semua. Kalau kita tidak sama-sama menyelami, maka sukar untuk melihat masa depan," jelasnya.

Ashraf juga mengingatkan keenggan anak muda menyertai proses demokrasi di negara ini akan merencatkan penglibatan segmen usia tersebut dalam hal berkaitan membuat undang-undang dan dasar negara pada masa akan datang.

"Nasib di tangan kita sendiri. Kurangnya penglibatan anak muda menyebabkan pemimpin veteran yang akan terus mengisi kekosongan," tambahnya lagi.

Rakyat Terengganu kena tanggung RM1 bilion

PEMUDA Harapan Terengganu menggesa bekas Menteri Besar negeri itu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang juga Presiden Pas memberi penjelasan berhubung isu saman oleh syarikat pembalakan, Riyapadu Sdn. Bhd. (Riyapadu) berjumlah RM1 bilion.

Ketuanya, Hasbie Muda berkata, pendedahan Exco Terengganu dalam sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) baru-baru ini menyaksikan sejumlah RM1 bilion wang rakyat bakal tergedai.

Menurutnya, saman akibat tindakan kerajaan diterajui Pas pada 1999 hingga 2004 menarik balik konsesi pembalakan di kawasan Empangan Kedua Hulu Terengganu itu wajar diberi perhatian.

"Elok rasanya jika bekas MB (Menteri Besar) Terengganu (1999 - 2004) membuat penjelasan. RM1 bilion bukan sedikit rakyat Terengganu kena tanggung," tegasnya dalam satu kenyataan.

Kerajaan BN sebelum tahun 1999 telah bersetuju dengan penebangan balak bagi membina empangan kedua

membabitkan keluasan 16,587 hektar di Mukin Tembat dan Petuang, Hulu Terengganu.

Pada 9 Disember 2010, Riyapadu memenangi kes saman berjumlah RM1 bilion terhadap kerajaan negeri Terengganu di Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu.

Saman itu dibuat ekoran dakwaan kecuai dan mungkir janji kerajaan negeri yang dipimpin Pas berkaitan konsesi pembalakan di kawasan Empangan Kedua Hulu Terengganu pada 2003.

Dalam penghakiman pada 27 Oktober 2010, Mahkamah Tinggi memerintahkan pihak defendan mengembalikan wang sebanyak RM25 juta yang telah dijelaskan oleh plaintif pada tahun 2003 kepada kerajaan negeri.

la melibatkan bayaran premium konsesi balak di kawasan seluas 16,592 hektar selain perintah mahkamah supaya kerajaan negeri membayar faedah sebanyak RM7.55 juta dengan kadar faedah empat peratus setahun.

Turut perlu dijelaskan bayaran lesen dan cukai balak berjumlah RM166,432.86 kepada plaintif.

'Biar rasa hutan itu nyawa kita'

PERSATUAN Aktivis Sahabat Alam (KUASA)

berharap masyarakat sivil dapat memahami fungsi alam sekitar dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan bagi mengelak khazanah semulajadi terus musnah.

Presidennya, Hafizudin

Nasarudin (*gambar*) berkata, rata-rata komuniti awam menganggap mereka sudah maju membangun sehingga tidak mepedulikan kelestarian alam sekitar.

Tambahan pula, komuniti awam kurang berinteraksi dengan komuniti hutan atau luar bandar selain tidak dihebah dengan situasi sebenar kemusnahan alam yang dihadapi.

Sehubungan itu, pihaknya berusaha mewujudkan kesedaran dalam kalangan komuniti awam dan masyarakat setempat seperti dilakukan di kawasan satu-satunya lokasi pendaratan penyus di Perak iaitu di Pantai Pasir Panjang di Segari dekat Lumut.

"Di Segari, kami latih nelayan kutip telur penyus untuk diserahkan kepada pusat penetasan. Biar mereka tahun dapat meningkatkan hubungan dengan alam.

"Sama juga halnya dengan komuniti hutan, mereka perlu



rasa hutan itu nyawa mereka," katanya dalam slot Latihan Aktivis Alam Sekitar (LASAK 3.0) di Kuala Kubu Bharu, Selangor baru-baru ini.

Beliau berpendapat Akta Perhutanan Negara 1984 dan Akta

Perlindungan Hidupan Liar 2010 gagal membanteras kemusnahan hutan serta ancaman terhadap haiwan yang diancam kepupusan.

"Ada peruntukan yang menghalalkan dasar pembukaan ladang, aktiviti kuari, lombong dan empangan dalam kawasan hutan simpan.

"Walhal, banyak tanah terbiar sedia ada pula tidak dimaksimumkan penggunaannya tapi hutan juga mahu ditarah bagi dibuat ladang," kata pemegang Ijazah Sarjana Kejuruteraan Sivil dalam bidang Pengurusan Air dan Alam Sekitar dari University of Bristol, United Kingdom itu.

Sehubungan itu, Hafizudin menggesa undang-undang dan polisi berkaitan hutan dirombak semula dengan melaksanakan darurat alam sekitar dalam tempoh setahun termasuk menyediakan zon penampunan antara kawasan pembalakan dengan penempatan Orang Asli.

Demokrasi alam sekitar lemah

WUJUD kelemahan ketara demokrasi alam sekitar di negara ini apabila kebanyakan pembangunan yang dibuat gagal mendahulukan suara dan penyertaan masyarakat setempat, tegas Prof Dr Fadzilah Majid Cooke.

Profesor Sosiologi Alam Sekitar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu berkata, pembangunan yang tidak telus menyebabkan keluasan hutan di negara ini berkurang secara drastik sejak 1950-an.

Menurutnya, mekanisme untuk mengurangkan kuasa pada pihak berkaitan sama ada di peringkat pusat dan negeri juga tiada sekali gus menjejaskan prinsip semak dan imbang sebagai ciri penting amalan demokrasi.

"Tahun 2010, kawasan hutan semulajadi kita hanya tinggal Endau-Rompin dan di sempadan Perak, Kelantan dan Pahang saja.

"Di Sabah pula cuma ada tiga kawasan hutan yang bersambung di



Lembangan Maliau Basin tetapi kita juga pernah mendengar kes banyak gajah dibunuh kerana dikatakan mencerooboh perkampungan dan ladang kelapa sawit," katanya dalam slot Latihan Aktivis Alam Sekitar (LASAK 3.0) di Kuala Kubu Bharu, Selangor baru-baru ini.

Beliau turut berkongsi pengalamannya dua tahun lalu menyaksikan pokok-pokok di sekitar Empangan Bakun yang kekuningan

dan mati selain cerita Orang Ulu yang kehilangan kampung selepas 15 rumah panjang mereka ditenggelamkan.

"Fahaman pembangunan kita yang mahu itu, ini serba terbesar memusnahkan alam apabila Empangan Bakun yang antara terbesar di Asia sebenarnya menenggelamkan kawasan sebesar Singapura.

"Tidak cukup itu, 12 lagi empangan sedang dirancang tetapi



salah satunya, Baram terbatal selepas ramai Orang Ulu bangkit protes membantah," jelasnya dalam program anjuran Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA) itu.

Pelawat Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang banyak mengkaji kesan sosial terhadap hak asasi Orang Asal berkata, komuniti terjejas terutama golongan muda sudah hilang memori berkaitan kampung dan tempat asal-usul mereka.

"Ironinya, golongan yang dapat banyak faedah di sebalik pembinaan empangan adalah orang bandar. Mereka tidak hilang rumah dan memori.

"Kos kemusnahan ditanggung 100 peratus oleh orang kampung yang dipaksa pindah akibat Empangan Bakun. Sudahlah begitu,

mereka tidak dapat bekalan elektrik percuma pun," luahnya.

Bercakap atas tajuk, 'Realiti Kelemahan Demokrasi Alam Sekitar dan Urus Tadbir Alam Sekitar Negara', Prof Fadzilah turut mendedahkan kepincangan konsultant penilai yang dilantik di universiti.

"Hati lain, tulis lain. EIA (Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar) dibuat selepas bina empangan. Ada senarai binatang di Semenanjung yang boleh masuk dalam laporan EIA disediakan kontraktor," dedahnya.

Sehubungan itu, beliau menggesa supaya EIA turut dilengkapkan elemen penguatkuasaan bukan sekadar bersifat formaliti seperti amalan pada masa ini.

"EIA mesti dibuka kepada umum bukan hanya diberi apabila diminta. Wujud keadaan seperti sengaja melambatkan-lambatkan informasi kepada penduduk terlibat. Walhal, kita berhak tahu apa kandungan EIA," tegasnya lagi.

Ekosistem sains kian pupus

Oleh **ARIF ATAN**

Sejak 2013, jumlah permohonan ke aliran sains di universiti awam bagi lepasan SPM dan STPM merosot teruk walaupun jumlah lepasan sekolah umumnya meningkat setiap tahun.

Tahun ini, hanya terdapat 109,000 permohonan daripada lepasan SPM dan STPM untuk menghusus ke bidang sains berbanding 134,000 permohonan pada empat tahun lalu.

Penurunan berlaku serentak ketika kerajaan mengambil pendekatan berjiwa hamba menginggerikan kesemua subjek berasaskan sains, matematik dan teknologi walaupun kaedah pengajaran bahasa Inggeris selama 11 tahun di sekolah terbukti masih pincang.

Sekitar 2009, pentadbiran universiti ketara bercakap soal kemahiran insaniah apabila diasak dengan isu kebolehpasaran. Tidak lama selepas itu, muncul pula pelbagai

bentuk program keusahawanan sama ada sebagai satu subjek teras universiti atau dimasukkan sebagai pra-syarat dalam kursus tertentu.

Jika graduan mendapat kerja pun, gaji tidak jauh beza dengan kadar pendapatan generasi 10 tahun lalu tetapi lepasan universiti termasuk lulusan sains tiada pilihan kerana tidak mahu terus bergelar penganggur terhormat.

Peluang kerja dalam bidang sains begitu terhad dan jalan paling mudah dan selamat ialah memohon jawatan Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) atau guru Fizik, Kimia, Biologi di MRSM. Terjamin hidup sehingga akhir hayat.

Tentang mahasiswa diajar menjual buka payung pasar malam di kampus, ironinya pentadbir universiti bergelar Profesor itu pun makan gaji dan sejak muda bahagia hidup dengan disumbat biasiswa.

Namun, ribuan profesor dalam Majlis Profesor Negara masih membisu apabila pihak kementerian

selamba mahu "memperlahankan penyelidikan yang berasaskan teori".

Soalnya, mengapa tidak "mengimbangi" antara penyelidikan berasaskan teori dengan penyelidikan bersama pihak swasta?

Tidak hairanlah mahasiswa sejak lima tahun lalu, contohnya di Universiti Malaya (UM), pada semester tertentu buka payung pasar malam dari pagi sampai petang menjual makanan bergoreng atau tudung di perkarangan Kompleks Perdanasiswa bagi mencukupkan syarat jam kredit subjek keusahawanan.

Mesej silap lagi bahayanya mudah: Budak tidak masuk universiti pun boleh kumpul duit dengan berniaga, bahkan boleh jadi jauh lebih kaya berbanding graduan universiti. Jadi, apa perlunya lepasan SPM dan STPM memohon masuk aliran sains?

Pada masa sama, Perdana Menteri Najib Razak selamba memotong peruntukan universiti sekali

gus menjejaskan kuantiti serta kualiti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Ironinya, dana Pusat Anak Permata Negara (PERMATA) yang dinaungi isteri Presiden Umno itu yang bukannya hafal pun Jadual Berkala atau taksonomi segala jenis tumbuhan dan binatang, boleh pula ditambah!

Rasuah luar biasa hanya jadi pegawai kerajaan sama ada di Persekutuan atau Negeri seperti kes mencolok mata di Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) juga mesej jelas tidak perlu sakitkan otak untuk bergelar 'budak sains' kalau duit boleh dapat dengan begitu mudah!

Kemuncaknya kleptokrasi *Malaysian Official 1* (MO1) memberi isyarat salah kepada lepasan sekolah tiada guna menceburkan diri ke aliran sains ditambah dengan risiko duit boleh diperoleh begitu mudah hanya apabila ada kuasa selepas pilihan raya.

Trend budaya popular sejak lima tahun lalu pula menyaksikan penonjolan beberapa usahawan kosmetik dan produk kesihatan yang mencampur pelbagai ekstrak tidak pasti sama ada mengikut nisbah dan nasihat dietetik.

Kekayaan wang ringgit boleh dinikmati ditambah dengan penonjolan artis bergiat dalam bisnes seperti jualan tudung berfesyen tanpa perlu menghafal konsep pelbagai cabang sains atau rumus pembuktian dalam banyak bab matematik.

Bermula daripada polisi kerajaan yang tidak tentu hala tetapi bermotifkan duit ditambah dengan gejala budaya popular melampau dalam masyarakat mutakhir ini, itu semua hanya menjauhkan anak bangsa Malaysia daripada ekosistem meminati dan mencintai sains.

Melawan kebatilan guna al-Quran

Muncul menjadi antara buku terlaris pada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2017, *Kisah-kisah Melawan Dalam al-Quran* mengajak pembaca untuk bangkit berjuang.

Buah tangan Aina Wafi Ab Kadir ini merupakan usaha penuntut ijazah dasar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berkenaan untuk membumikan iktibar yang terkandung dalam al-Quran.

Prof Dr Hamka dalam bukunya, *Keadilan Sosial Dalam Islam* pun sudah pun



Bacalah

menyebut, "Jiwa terang yang tidak takut kepada siapa pun di dalam mempertahankan kebenaran".

Itulah juga semangat yang mungkin dilihat disebalik 15


bab dalam buku terbitan Thukul Cetak ini dengan mengangkat perjuangan nabi antaranya Ibrahim, Syuaib, Musa dan Muhammad SAW.

Pengarang yang juga penuntut ilmu pengajian Islam ini mengambil langkah mengadun kisah-kisah teladan dengan merujuk pemikiran tokoh Islam dan

beberapa kumpulan tafsir terkemuka.

Dalam bab 'Hasutan Mengempur, Muslihat Bergembur' contohnya, pembaca dibawa kembali mengingati sikap Abdullah bin Ubai yang menganggap Rasulullah cuba mencantasnya sebagai pemerintah Madinah.

Dia tiba-tiba menarik diri daripada menyertai peperangan menentang



kuffar Quraisy sehingga satu pertiga daripada 1,000 tentera Muslimin terpengaruh dengannya.

Tidak sekadar mengekstrak kisah melawan para nabi, pengarang juga dilihat menggabungkan jalinan dengan pemikiran tokoh antaranya pemikir Syed Hussein Alatas dan pengasas gerakan Ikhwanul Muslimin, Imam Hasan al-Banna.

Harapan politik baru pada AMANAH

“Soalannya ialah mengapakah contoh-contoh kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz yang memfotostat cara dan gaya kepemimpinan Rasulullah saw itu tidak diikuti dan diteladani oleh pemimpin-pemimpin parti Pas dan parti AMANAH selepas meninggalnya beliau? (Nik Aziz sendiri menggunakan istilah 'fotostat' itu untuk maksud mengikut dan meniru dengan yang paling hampir dan sama).”

“KINI parti itu sudahpun berumur lebih dua tahun. Khabarnya keghairahan orang ramai terhadapnya kini mulai mendingin. Saya sendiri tidak merasai apa-apa pun yang mencuit perhatian saya untuk melihat sesuatu yang menarik atau istimewa berlaku atau dilakukan oleh parti baru yang diharapkan memperjuangkan Islam setelah parti Pas difahamkan telah meninggalkan perjuangan suci itu.”

Itu satu paragraph daripada tulisan di ruangan kolom ini minggu lalu. Saya menulis tentang parti AMANAH (Parti Amanah Negara) yang pada mulanya saya tidak mengharap ia ditubuhkan secepat itu setelah berlaku penyingkiran mereka yang berkenaan itu daripada parti Pas.

Saya bukan orang politik. Saya orang budaya. Cara saya berfikir dengan cara orang politik berfikir tentulah tak sama. Saya tak dapat merasakan dan memikirkan betapa perlunya sebuah parti baru ditubuhkan oleh mereka yang berkenaan pada masa itu. Makanya saya akur

dan saya terima saja keputusan mereka.

Tetapi kini, setelah lebih dua tahun, dan menjelang pilihanraya umum yang tak lama lagi, telah ditubuhkan pula satu lagi parti baru, Bersatu, oleh orang yang sebelum ini telah ditolak oleh majoriti rakyat Malaysia yang bukan penyokong Umno, iaitu Dr Mahathir Mohamad. Dan khabarnya sambutan terhadapnya dari masyarakat Melayu agak menggalakkan.

Saya tidaklah bertujuan hendak bicara politik di sini. Saya hanya ingin memberi sedikit pandangan terhadap parti politik, berdasarkan fahaman, pemerhatian dan pemikiran saya yang lebih percaya bahawa apa yang diperlukan oleh masyarakat Malaysia hari ini ialah mengurangkan sedikit aktiviti atau amalan berpolitik (politiking) yang berlebih-lebih, dengan menambah-banyakkan aktiviti dan apresiasi seni-budaya, bagi melahirkan keseimbangan dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat di negara ini.

Inilah yang saya rasakan kekosongan dalam masyarakat kita hari ini. Dan inilah yang saya fikirkan sesuatu yang perlu dan

wajar dilakukan oleh politik baru di negara ini. Parti politik hendaklah mengurangkan permainan dan fikiran berpolitik (kerana yang itu sudah melimpah-limpah berlebihan di negara ini).

Dan pandangan saya ini pun bukanlah sesuatu yang baru dan pelik untuk parti politik, kerana kalau diperhatikan dan dikaji pendekatan kepemimpinan almarhum Tok Guru Nik Aziz, memang begitulah yang dilakukannya. Ada keseimbangan antara berpolitik, beragama dan berseni-budaya. Saya mempunyai pengalaman langsung dengan Tok Guru dan saya tahu benar perkara ini.

Pada hari-hari yang hampir dengan musim pilihanraya umum pun beliau masih sempat berfikir mengenai seni-budaya. Tok Guru Nik Aziz sendiri yang meminta saya menulis dan mementaskan teater "Pengisytiharan Abul 'As (Menantu Nabi)", dan beliau sendiri yang memberikan jalan cerita teater tersebut, dan meminta saya mengarah artis-artis seperti Abby Abadi, Aishah dan Bob Lukman melakonkan teater itu.



TEKAD
BUDAYA
DINSMAN

"Pengisytiharan Abul 'As" dipentaskan di Kota Bharu pada 15 Mac 2013, di waktu orang sedang sibuk memikirkan dan membuat persiapan untuk Pilihanraya Umum ke-13. Dan banyak lagi peristiwa seni-budaya selain daripada pementasan itu, yang melibatkan Tok Guru bersama saya serta kawan-kawan aktivis seni-budaya, di Kelantan dan juga di Kuala Lumpur dan Shah Alam.

Sebenarnya Tok Guru Nik Aziz (dan juga Ustaz Fadzil Nor) telah menunjukkan satu contoh berpolitik yang mengambilkira aktiviti-aktiviti berdakwah, bermasyarakat dan berseni-budaya yang seimbang, yang saya menganggapnya sebagai "politik Islam", yakni politik yang tidak berlebih-lebih.

Soalannya ialah mengapakah contoh-contoh kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz yang memfotostat cara dan gaya kepemimpinan Rasulullah saw itu tidak diikuti dan diteladani oleh pemimpin-pemimpin parti Pas dan parti AMANAH selepas meninggalnya beliau? (Nik Aziz sendiri menggunakan istilah 'fotostat' itu untuk maksud mengikut dan meniru dengan yang paling hampir dan sama).

BERSAMBUNG KE MUKA 21

Perjuangan gerakan Islam, reformasi dan menentang kleptokrasi

Oleh ABU FIRDAUS

PENYOKONG - penyokong Parti Amanah Negara terdiri daripada pelbagai peringkat usia dengan waktu mereka sedar politik serta menceburkan diri dalam perjuangan adalah juga berbeza-beza. Dengan bilangan yang ramai, tentulah para penyokong ini mempunyai pendirian yang pelbagai dan perwatakan yang beragam. Di kalangan mereka juga pasti berlaku rasa tidak setuju pada pendirian atau personaliti tertentu. Itu adalah lumrah. Tetapi berjuang dalam parti iaitu secara berjemaah ini, tentulah ada adab, etika, akhlak dan disiplin.

Tidak semua pandangan dan perawakan mampu ditampung oleh parti. Maka tentulah perlu sifat toleransi terhadap keberagaman pandangan, asalkan ada kerukunan berjemaah dan mematuhi keputusan pimpinan.

Perjuangan Parti AMANAH adalah jelas, iaitu memperjuangkan Islam, dalam konteks Islam ada-

lah rahmat untuk semua makhluk. Bagi generasi lama pendokong AMANAH terutama yang sedar politik Islam, mereka menyertai perjuangan ketika usia mudanya, iaitu sekitar tahun 1970-an.

Ada antara mereka yang mula berjuang ketika mereka pelajar, sama ada melalui gerakan dakwah seperti persatuan pelajar yang bergabung dengan Persekutuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), atau di luar negara seperti Islamic Representative Council (IRC) dan Suara Islam.

Setelah kembali, ada yang cuba menubuhkan Parti Negara Islam Malaysia (PNIM) dan ada pula yang menyertai Pas selain daripada gerakan dakwah lain seperti Tabligh dan Al-Arqam. Lewat tahun 1970-an adalah tempoh kebangkitan kesedaran Islam dengan Revolusi Islam di Iran beserta kebangkitan Mujahidin di Afghanistan menjadi mercu tanda perjuangan.

Generasi berikutnya yang men-

ceburkan diri dalam gerakan perjuangan berlaku semasa tercetusnya Reformasi pimpinan Anwar Ibrahim. Ada antara mereka yang menyertai Parti Keadilan Nasional, Pas dan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Mereka terus aktif mendokong Barisan Alternatif. Ada antara mereka yang bertukar parti. Ada yang dari Keadilan berpindah pula kepada Pas. Tetapi kesemuanya dalam Pakatan Rakyat.

Dan kini, menjelang PRU14, berlaku lagi gelombang generasi yang menyertai perjuangan. Daripada kalangan bekas Pas, mereka menubuhkan Gerakan Harapan Baru (GHB) yang kemudian membentuk AMANAH. Selain dua generasi terdahulu, dari zaman kebangkitan Islam dan Reformasi, kini ada generasi baharu yang berazam mengubah negara. Daripada anak-anak muda ini, ada antaranya menyertai AMANAH, sementara tidak kurang pula yang menggabungkan diri dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Tetapi kesemuanya mendokong

Pakatan Harapan.

Setiap gelombang generasi perjuangan itu memiliki sebab mengapa mereka menyertai pakatan pembangkang untuk menentang parti pemerintah. Pada peringkat ini, penentangan Pakatan Harapan adalah kerana kleptokrasi yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional melalui skandal 1MDB. Maka perjuangan Pakatan Harapan adalah untuk membersihkan negara daripada kecurian wang, ketidakjujuran dan penyelewengan yang dilakukan oleh mereka yang memiliki kuasa. Itu merupakan perkara utama yang diperjuangkan menjelang pilihanraya umum ke-14 ini.

Tetapi bukan perkara itu saja. Ia bukan semata-mata untuk mendapatkan perdana menteri baharu. Perjuangan AMANAH adalah lebih daripada itu. Ia mahu mengubah negara ini kepada keadaan yang lebih baik. Ia mewakili suara tiga gelombang generasi idealis, 1970-andan 2000-an. Di dalamnya, selain daripada pembaharuan

peradaban, yang juga disebut sebagai tajdid hadhari dalam perjuangan kebangkitan Islam, gerakan Pakatan Harapan ini adalah untuk gerakan reformasi. Iaitu untuk mewujudkan negara yang bersih daripada korupsi, kolusi dan nepotisme. Dalam kleptokrasi, ketiga-tiga gejala ini, korupsi, kolusi dan nepotisme telah berlaku.

Perjuangan melalui sistem demokrasi berparlimen menuntut prinsip yang tinggi, walaupun mungkin ada yang berpindah wadah, atau melahirkan wadah baharu, tetapi seseorang pejuang tetap teguh dengan idealisme, walaupun slogannya tajdid hadhari, reformasi atau menentang kleptokrasi. Tetapi matlamatnya adalah untuk mewujudkan sebuah negara yang diredhai dan diberi keampunan Ilahi.

Sesungguhnya manusia hanya berusaha dalam perjuangan untuk kebaikan. Dalam proses itu tentu berlaku kesimpulan yang menuntut keampunan daripada Ilahi. ■

Apa wadah hari esok?

SAYA percaya hanya beberapa tahun sahaja lagi dari sekarang, naratif politik kita akan berubah. Setiap babak yang kita saksi dan lalui hari ini tidak boleh tidak, akan bertemu titik pengakhirannya. Mustahil kita akan terus-menerus melihat politik kita dari perspektif yang sama seperti semalam. Perspektif semalam itu adalah perspektif orang-orang sebelum kita, bukan perspektif kita sendiri. Naratif baharu pasti akan muncul, cuma sayangnya, ia barangkali tidak pun akan datang dari kita, sebaliknya dari lawan kita.

Selama berdekad-dekad, politik kita adalah berkaitan dengan apa yang diatur oleh pemain-pemain lama; ini termasuklah pemimpin seperti Dr Mahathir, Anwar, Kit Siang, hatta Abang Mat sekali pun. Gerak atur politik kita adalah berdasarkan sudut pandang mereka. Apa yang kita lakukan, arah tuju dan kebanyakan strategi yang kita susun kebanyakannya datang dari mereka yang kita anggap sebagai jurupandu dan nakhoda kita.

Kadang-kadang kita terlalu selesa untuk terus menurut sahaja, tanpa kita sedari kalau orang-orang ini akhirnya akan mulai meninggalkan kita semua. Saya rasai perkara ini pertama kalinya selepas pemergian mendiang Karpal Singh, yang kemudiannya diikuti dengan Almarhum Tok

Nik Aziz. Pemergian mereka menyedarkan saya yang esok tidak semestinya akan kekal sama seperti semalam.

Sekian lama kita hanya berdiri dan ber-jalan di atas apa yang telah ditetapkan mereka, sampai suatu masa kita sendiri yang terpaksa menetapkan duduk letak kita.

Mereka boleh meninggalkan kita dengan seribu kata-kata hikmah buat pedoman dalam menghadapi hari-hari esok, namun ingat - esok cabaran dan konteksnya tentu tidak akan sama lagi. Ambil sahaja rangkap-rangkap yang ditinggalkan oleh pejuang-pejuang terdahulu, dari Tok Janggut hingga ke Burhanuddin Al-Helmy; banyak mana yang telah benar-benar membantu kita hari ini? Robohan Kota Melaka yang mana sudah didirikan jiwa merdeka? Romantika politik hanya menaikkan semangat, mungkin memberi inspirasi, tapi tidak akan memecahkan kebuntuan apabila realiti menghimpit kita.

Yang menunggu kita esok bukan lagi



apa yang cuba dibuktikan pada 1998 dahulu, malah bukan lagi apa yang pernah disajikan pada 2008. Esok adalah hari di mana orang akan bertanya; ke mana mahu di bawa negeri ini? Apakah mahu diputar balik ke sebelum 1998, saat kononnya zaman emas dan kemahsyuran negara ini? Apakah hanya mahu dihidangkan apa yang telah dihidangkan pada 2008? Atau apakah mahu diputar kembali lebih jauh, saat kita belum lagi merdeka? Kita mungkin terinspirasi daripada semua ini, namun tidak seharusnya ia dijadikan arah tuju kita, dan tidak seharusnya juga kita dipandu ke arah itu.

Kesedaran ini seharusnya menjadi peringatan untuk kita melakukan persediaan, terutama dalam kalangan pemimpin pelapis kita. Dalam saat kita menghormati perjuangan panjang dan lama yang sedang dijunjung hari ini, tidak salah untuk kita mulai menyusun wadah masa hadapan.

Pakatan Harapan tidak ketandusan pemimpin pelapis. Pakatan Harapan hanya ketandusan naratif baharu untuk disajikan kepada masyarakat terutama yang masih berminat untuk mengundi. Tidak sewajarnya pemimpin pelapis hari ini, yang semuanya muda belia dibiarkan terus bersuara hanya untuk mengukuh-

kan naratif dan perspektif lama. Mereka punya potensi sendiri, mereka punya kemahuan sendiri. Mereka ini tidak perlu pun memikul beban politik semalam untuk dibawa ke masa hadapan. Pemimpin pelapis muda ini seharusnya dibiarakan tumbuh mengikut seperti mahunya mereka.

Di sebelah sana, di sebalik tembok kubu lawan kita, mereka sudah menyedari hal ini. Umno mungkin masih terus ditunjangi oleh pemimpin tua yang terus-menerus mengangkat naratif lama sebagai modal politik mereka, namun sedarkah kita pemimpin pelapis muda mereka sudah lama meninggalkan naratif-naratif tersebut?

Jika tidak percaya, tanya sahajalah kepada menteri muda belia kita, apa sedang dilakukan beliau hari ini? Bila kali terakhir beliau mencium keris seperti yang pernah dilakukan pendahulunya? Berapa ramai lagi antara mereka yang masih menyanyikan siulan langka anak kecil main api?

Tidak, mereka tidak lagi bersiul dengan irama-irama lama tersebut, mereka sedang menggubah lagu-lagu baru mengikut selera hari esok. Dan takut-takut esok kita pun hanya mampu mendengar sahaja tanpa dapat membalas semula. ■

Harapan politik baru pada AMANAH

SAMBUNGAN DARI MUKA 20

DALAM hal kegagalan politik yang berlebih-lebih ini saya pernah menulis satu artikel mengenai peristiwa Mohamad Sabu mencampak mikrofon di pentas 'Himpunan 365' yang dibuat di hadapan Penjara Sungai Buloh bagi mengingati setahun Anwar Ibrahim dipenjara, pada 9 Februari 2016.

Dalam peristiwa tersebut Mohamad Sabu Presiden parti AMANAH memperlihatkan rasa kecewanya secara terbuka kepada umum, sambil berkata: "Sampai bila kita nak berkeadaan begini? Usiaku telah menjelang 60 tahun. Belum lagi berubah rakyat Malaysia. Ayuh, Melayu Cina India Kadazan Murut, semua kaum. Tanya diri kita: Apakah kita pejuang atau hanya bermain slogan, untuk menyedapkan hati saudara kita di penjara sana? Cih!!! Mari kita lawan!"

Saya melihat peristiwa tersebut sebagai bukti pengakuan seorang tokoh politik penting Malaysia mengenai kegagalan pendekatan berpolitik yang

diamalkan sekian lama, iaitu politik yang saya anggap sebagai 'berlebih-lebih' dan tiada keseimbangan.

Dengan 'berlebih-lebih' itu saya maksudkan kita keterlaluan berpolitik; kita percaya bahawa politik itulah segala-galanya dan kita berfikir dan percaya bahawa politiklah yang dapat menyelesaikan segala masalah dalam masyarakat dan negara, dan kita mempolitikkan segala perkara dalam kehidupan bermasyarakat.

Pandangan atau teori yang sama ini juga saya gunakan dalam menganalisa sebab-sebab mengapa Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad gagal mengangkat orang Melayu menjadi bangsa yang maju dan sekaligus gagal formula Mahathir memajukan masyarakat Malaysia. (Rujuk buku saya 'Gawat: Gagalnya Formula Mahathir, 1998').

Dan pandangan atau teori yang sama ini juga telah saya gunakan bagi menganalisa sebab-sebab mengapa Anwar Ibrahim gagal memimpin gerakan Reformasi untuk mengambilalih pim-



Barisan kepimpinan AMANAH menggalas tanggungjawab berat dan penting.

pinan politik dan pentadbiran kerajaan Malaysia, dalam perjuangan selama 19 tahun sejak 1998.

Apakah faktornya? Faktornya ialah berpolitik yang berlebih-lebih, dan tidak

mengambil kira pentingnya peranan seni-budaya. Dalam kata lain, tiada keseimbangan antara Tekad Politik dengan Tekad Budaya. ■

Perdana Menteri Najib dan kisah Maharaja tanpa baju

BAJU Baru Maharaja (The Emperor's New Clothes) adalah kisah dongeng yang ditulis penulis Denmark berkenaan seorang maharaja yang membayar upah yang mahal untuk mendapatkan sebuah baju baru ajaib yang kononnya hanya boleh dilihat oleh orang yang bijak.

Pakaian itu sebenarnya tidak wujud, namun maharaja itu tidak mahu mengaku tidak dapat melihat baju itu kerana tidak mahu kelihatan bodoh.

Sekiranya Datuk Seri Najib Razak kekal sebagai calon tunggal BN sebagai Perdana Menteri dalam pilihan raya umum akan datang, tidak susah untuk bayangkan berakhirnya era BN.

Sudah tentu, sesetengah orang mungkin fikir saya berpendapat begitu kerana saya pembangkang. Saya tidak nafikan kerana saya ingin melihat BN dan Umno kalah dalam pilihan raya kali ini.

Bagaimanapun, apa yang lebih penting, saya sebenarnya menggambarkan dinamik politik yang bukan dari perspektif kepartian yang saya sudah perhatikan untuk beberapa ketika.

Umno mempunyai tiga kelemahan utama. Kecuali ada sesuatu yang drastik terjadi dalam beberapa bulan akan datang, Umno akan melangkah dalam pilihan raya dengan faktor-faktor ini: Faktor Najib, tidak digemari golongan bukan Melayu, dan ketidakpuasan hati rakyat terhadap ekonomi.

FAKTOR NAJIB

Dalam pilihan raya umum 2013, Najib merupakan aset kepada Umno-BN. Beliau popular di kalangan pengundi Melayu. Populariti Najib ketika itu berada di atas 60 peratus sehingga 2015, tahun yang menyaksikan perubahan penting.

Setelah skandal 1MDB didedahkan, populariti perdana menteri merosot kepada 30 peratus dan tidak pernah pulih sejak itu.

Seorang wartawan berpengalaman pernah menulis sebelum Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini bahawa "undian dalam parti menunjukkan kadar populariti beliau (Najib) meningkat kepada 30 peratus. Najib kini paling berpengaruh memandangkan tiada alternatif lain dalam parti".

Sangat lucu apabila penulis artikel berkenaan dan sumbernya fikir kadar populariti sekitar 30 peratus adalah sesuatu yang boleh diraikan.

Ada pula pihak yang berhujah bahawa



PENDAPAT
LIEW CHIN TONG

skandal 1MDB tidak akan memberi kesan kepada pilihan raya umum. Saya tidak setuju. Benar, skandal 1MDB semata-mata tidak akan menyebabkan pertukaran undi, namun hakikat bahawa pengundi akan mengundi dengan mengetahui bahawa perdana menteri mengambil duit

dan memasukkannya ke dalam akaun sendiri adalah faktor penting yang akan mempengaruhi pilihan raya.

Jika tidak, sudah tentu populariti Najib akan kembali kepada 60 peratus seperti sebelum 2015 dan bukannya pada kadar 30 peratus, yang bakal menjadi malapetaka buat Umno-BN.

Sama ada mereka suka atau tidak, Najib dan isterinya Datin Seri Rosmah Mansor bukanlah watak yang digemari di kalangan pengundi. Di media sosial dan di kalangan rakyat yang mengikuti perkembangan politik, Najib dan Rosmah diperlekehkan tanpa henti, bukan oleh pembangkang tapi oleh orang awam.

Kecuali Umno menyingkirkan Najib dan meletakkan barisan pimpinan yang baru, Najib adalah liabiliti untuk partinya dan kerajaan. Malah pada satu tahap sehingga menyebabkan sesiapa saja yang dilihat menyokong Najib akan turut terjejas popularitinya.

FAKTOR PENGUNDI BUKAN MELAYU

Selepas pendirian Umno pada 2005 yang disimbolkan oleh Datuk Seri Hishammuddin Hussein menjulang keris, pengundi bukan Melayu tidak lagi mengundi Umno.

Seorang wartawan yang bekerja dengan media antarabangsa memberitahu saya satu kisah baru-baru ini. Dia sedang menyiasat sumber kenyataan seorang pemimpin MCA yang mendakwa dalam akhbar bahawa BN mempunyai 35 peratus pengundi Cina. Selepas ditanya beberapa kali, pemimpin MCA itu akhirnya mengaku bahawa iLiew Chin Tong yang beritahu!

Sumber dakwaan tidak berasas ini diambil daripada wawancara saya dengan akhbar The Edge pada Jun tahun ini di mana saya berkata pembangkang mempunyai 65 peratus penyokong dari kalangan bukan Melayu, seperti yang ditunjukkan di pilihan raya kecil (PRK) Kuala Kangsar dan Sungai Besar.

Dalam kedua-dua PRK itu, parti baru Parti Amanah Negara (AMANAH) diletakkan di kawasan separa bandar dan



berjaya menerima 65 peratus sokongan bukan Melayu. (Sokongan bukan Melayu kepada pembangkang lebih tinggi di kawasan bandar sementara majoriti pengundi bukan Melayu separa bandar mengundi BN sehingga pertukaran undi yang terjadi pada pilihan raya 2013.)

Antara 65 peratus sokongan dalam PRK dan 85 peratus sokongan bukan Melayu dalam pilihan raya umum 2013, terdapat sejumlah baki sokongan. Ia tidak berti BN secara automatik mendapat baki sokongan 35 peratus bukan Melayu itu. Namun kita semua tahu dalam keadaan terdesak, orang akan kata apa saja.

Justeru, terdapat kempen bagi memujuk pengundi Cina merosakkan undi dalam pilihan raya akan datang kerana pemimpin BN tahu mustahil meyakinkan pengundi Cina untuk undi mereka.

Bagaimanapun, saya mengakui bahawa pertukaran undi di kalangan pengundi bukan Melayu tidak dapat menjamin BN dapat dikalahkan dan perubahan akan terjadi. Ini adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian oleh Pakatan Harapan.

FAKTOR TIDAK PUAS HATI

Rakyat biasa Malaysia terpaksa melalui kepayahan meneruskan kehidupan kerana situasi ekonomi yang tidak membantu mereka. Lebih teruk, kerajaan Najib enggan mengakui bahawa masalah ini wujud.

Twit selebriti terkenal Datuk Sheila Majid dalam kata lain secara asasnya mengatakan Umno adalah ibarat maharaja tanpa persalinan seperti yang diceritakan dalam kisah lipur lara rakyat Denmark. Ratu Jazz Negara itu menyentuh berkenaan kepayahan warga biasa Malaysia sejurus sebelum Perhimpunan Agung Umno.

Ketika perhimpunan yang dipenuhi cakap-cakap besar itu, Najib tidak menyentuh berkenaan kepayahan warga

biasa Malaysia. Sebaliknya, beliau hanya bercakap tentang statistik terpilih tertentu untuk menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia dalam keadaan yang baik. Bagi Najib, Malaysia mempunyai ekonomi yang terbaik di dunia.

Beliau malah mendakwa Umno akan terus memerintah untuk seribu tahun lagi.

Twit Sheila Majid itu tepat menggambarkan cabaran dan kepayahan ekonomi warga biasa Malaysia. Sheila tidak kata apa-apa yang berkaitan di akaun Twit-ternya selepas itu namun satu demi satu menteri Umno memberikan reaksi. Salah seorang berkata artis tidak seharusnya memberi pendapat tentang politik sementara yang lain cuba mengatakan bahawa kenaikan kos hidup adalah kehendak Tuhan. Salah seorang yang lain malah menuntut agar penyanyi terkenal itu memberikan bukti berkenaan keadaan ekonomi negara.

Reaksi balas menteri-menteri ini yang dilihat orang ramai sebagai percubaan membodek Najib, dan ia bukanlah sesuatu yang digemari pengundi biasa Melayu. Reaksi seumpamanya dijangka akan menyebabkan sentimen anti-BN yang lebih kuat dalam pilihan raya.

Barangkali pemimpin Umno tidak pernah sedar bahawa ramai warga biasa Melayu turut berkongsi kepayahan ekonomi yang diluahkan selebriti tempatan melalui laman sosial mereka.

Secara mudahnya, dengan Najib yang semakin tidak popular sejak 2015 dan berterus-terusan diperlekeh, selain pengundi bukan Melayu yang tidak menggemari BN sejak 2005, serta ketidakpuasan hati pengundi Melayu yang bersedia menentang golongan elit politik, pengakhiran untuk Umno-BN semakin dekat.

Liew Chin Tong ialah Pengarah Pendidikan Politik DAP Kebangsaan dan Ahli Parlimen Kluang.

Pulau Pinang catat pelaburan kedua tertinggi

Oleh ZAINULFAQAR YAAKUB

G EORGETOWN: Pulau Pinang mencatat RM9.91 bilion pelaburan terkumpul bagi tempoh Januari hingga September tahun ini meletakkannya di kedudukan kedua di belakang Sarawak yang mencatat jumlah pelaburan RM10.52 bilion.

Memetik laporan statistik terbaru Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Ketua Menteri Lim Guan Eng berkata, angka RM9.91 bilion itu adalah lebih sekali ganda berbanding RM4.3 bilion pelaburan terkumpul yang direkodkan sepanjang tempoh 12 bulan tahun lalu.

"Terima kasih kepada MIDA atas usaha yang mereka lakukan dan juga kepada rakyat Pulau Pinang yang turut sama-sama menyumbang ke arah perkembangan pelaburan tahun ini.

"Selain modal insan yang berkemahiran tinggi, penyediaan infrastruktur yang efisien dan tadbir urus yang baik turut menjadi penyumbang terhadap percambahan pelaburan di negeri ini," jelasnya yang juga Setiausaha Agung DAP di Komtar, baru-baru ini.

Bagaimanapun Guan Eng menjelaskan bahawa RM8.03 bilion pelaburan asing langsung (FDI) diperolehi Pulau Pinang adalah tertinggi di Malaysia.

Laporan statistik MIDA mendedahkan, pelaburan terkumpul ke Sarawak berjumlah RM10,518,444,919; diikuti Pulau Pinang (RM9,913,766,407), Johor (RM3,718,610,173), Melaka (RM3,211,212,620), Selangor (RM3,049,396,790) dan Kedah (RM1,289,945,993).

Ia diikuti Negeri Sembilan (RM896,908,928), Perak (RM871,733,763), Sabah (RM641,063,401), Perlis (RM525,000,000), Pahang (RM191,395,184), Terengganu (RM73,123,716), Kuala

Lumpur (RM57,540,408) dan terakhir Kelantan (RM4,200,000).

Tiada rekod untuk Wilayah Persekutuan Labuan dicatatkan.

Guan Eng memberitahu, 90 projek daripada keseluruhan 464 projek yang telahpun diluluskan adalah di Pulau Pinang, dengan RM1,882,310,557 jumlah terkumpul pelaburan domestik ke negeri ini selain FDI berjumlah RM8,031,455,850.

"Pulau Pinang mendahului dengan jumlah pelaburan asing berjumlah RM8.03 bilion berbanding Sarawak (RM351,489,945).

"Manakala pelaburan domestik Sarawak mencatatkan jumlah RM10.2 bilion dan Pulau Pinang (RM1.9 bilion)," jelas Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Air Putih.

Krisis Pasar Pasir Puteh ke Mahkamah Rayuan

PASIR PUTEH: Rayuan para peniaga pasar lama Pasir Puteh ditetapkan untuk didengar di Mahkamah Rayuan Putrajaya, 13 Mac tahun hadapan.

Setiausaha Persatuan Peniaga-peniaga Pasar Pasir Puteh, Ghazali Mamat berkata pihaknya menerima makluman berhubung perkara itu dari peguam, baru-baru ini.

"Notis pendengaran itu ditetapkan dalam Mahkamah Rayuan di Putrajaya yang difailkan di bawah rayuan sivil.

"Persatuan kami, Persatuan Peniaga Kecil Pasar Pasir Puteh Kelantan akan bertindak sebagai perayu manakala Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) dinamakan sebagai responden," katanya.

Sebahagian besar peniaga Pasar Pasir Puteh enggan berpindah ke pasar baru atas alasan ruang niaga yang diperuntukkan adalah kecil dan kadar sewa yang ditetapkan adalah tinggi.

Sehubungan itu para peniaga mengambil keputusan meneruskan perniagaan di pasar lama walaupun arahan pemindahan telah dibuat MDPP.

Masalah sosial di Johor membimbangkan



Cikgu Adnan menjelaskan masalah sosial di Johor pada program Awan di Tebrau.

Oleh AMNI JAGAT

TEBRAU: Statistik terbaharu menunjukkan masalah sosial di negeri Johor berada

pada tahap membimbangkan, bahkan kaunselor Adnan Omar menyifatkannya sebagai kritikal.

Berucap pada program 'Bicara Awan - Dunia

Siber atau Gajet dan Kesan Kepada Kita' anjuran Angkatan Wanita Amanah (Awan) Tebrau baru-baru ini, Adnan berkata, sejumlah 1,000 kes kehamilan dalam masa sebulan dikesan di negeri ini dengan 12 remaja terkena kes jangkitan kuman HIV setiap hari dan kes rogol bawah umur tertinggi di Malaysia.

"Tanpa kita sedari, kurangnya pemantauan terhadap anak-anak telah membawa gejala sosial di kalangan remaja yang semakin meningkat.

"Ini yang dinamakan 'Dajal Alaf Baru' kerana ia membabitkan penggunaan gajet sebagai permulaan pembabitan remaja dalam masalah sosial yang berlaku hari ini," katanya.

Adnan berkata, tontonan filem lucah menjadi langkah awal kerosakan mental remaja sekali gus merosakkan minda remaja dan mendorong mereka ke arah perlakuan negatif.

Dalam majlis yang sama, Naib Pengerusi AMANAH Johor Suhaizan Kaiat turut men-

yatakan rasa bimbang dengan perkembangan yang berlaku dan berikrar untuk menyelesaikan masalah itu sekiranya Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pentadbiran negeri.

"Saya akan membincangkan perkara ini dan akan mempelawa pakar-pakar untuk bersama.

"Selain itu statistik yang diperolehi ini akan dibawa ke pengetahuan pucuk pimpinan PH negeri bagi mencari langkah penyelesaian konkrit dan diterjemahkan hasilnya dalam tawaran pilihan raya PH Johor nanti," kata Suhaizan.

Jangan biarkan 'musang jaga reban ayam'

Oleh MOHD ALI HASHIM

GURUN: Bekas Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ir Mohammad Nizar Jamaluddin mengingatkan rakyat khususnya penduduk negeri Kedah supaya tidak membiarkan 'musang menjadi pengawal atau penjaga reban ayam'.

Katanya lagi, sekiranya dibiarkan musang menjadi penjaga reban-reban ayam, lambat laun semua ayam akan

hilang.

Beliau menzahirkan perumpamaan tersebut semasa berucap pada program ceramah isu semasa yang diadakan di Pekan Gurun, baru-baru ini.

Menurut beliau lagi, rakyat tidak harus membiarkan negara ini berterusan ditadbir oleh pencuri yang sentiasa mencuri apa saja peluang yang ada.

Malah katanya, lebih lama dibiarkan pencuri

menyeliasa urusan negara, maka rakyat akan bertambah miskin dan melarat sehingga mampu menjadi papa kedana.

"Kenapa Perak boleh menjadi negeri yang dikategorikan sebagai salah sebuah negeri yang miskin dalam negara ini?

"Sebabnya tidak lain kerana ia ditadbir umpama musang menjaga reban ayam.

Ayam yang ada dalam kawalannya akan lenyap satu persatu," jelasnya lagi.

Oleh kerana itu, Nizar mahu rakyat menjadikan perumpamaan ini sebagai satu peringatan agar negeri dan negara tidak ditadbir oleh ahli politik yang seperti musang ataupun pencuri.

Timbalan Pengerusi AMANAH Perak itu turut mengingatkan rakyat tentang khurafat Umno yang mendakwa sekiranya Umno-BN kalah, Cina akan memerintah negara ini.

Usah bebbankan rakyat dengan cukai baru



Dr Mujahid dan Hasnul beramah mesra dengan penduduk.

PARIT BUNTAR: Kerajaan digesa melihat realiti sebenar kehidupan rakyat dan tidak terus mengenakan pelbagai cukai baru yang membebbankan rakyat sekali gus menambah kesengsaraan hidup mereka.

Ketua Pemuda AMANAH Perak, Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim berkata, rakyat terhimpit dengan kos sara hidup yang melambung tinggi dalam keadaan ekonomi yang lemah.

"Kerajaan sepatutnya menyelesaikan mas-

alah kos sara hidup melonjak, pendapatan kecil, nilai ringgit jatuh, harga komoditi jatuh dan pengangguran yang meningkat.

"Namun kerajaan dalam keadaan kewangan yang terdesak cuba mendapat wang secara mudah dan cepat dengan mengenakan pelbagai cukai baru yang membebbankan rakyat," katanya ketika diminta mengulas pembatalan pelaksanaan Sistem Pemantauan Pengendalian Pakej Umrah Malaysia (IMAMS).

Beliau ditemui semasa program ziarah



Hasnul dan Dr Mujahid menyampaikan bantuan kepada seorang penduduk.

peduli rakyat bersama Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa di Sungai Kota, dekat sini, baru-baru ini. Hasnul Zulkarnain berkata, seramai 10 orang penduduk telah menerima sumbangan barangan keperluan dapur melalui program ziarah peduli rakyat di Sungai Kota dan Kedai Empat.

"Kebanyakan penduduk yang ditemui mengadu tentang kos sara hidup yang tinggi sedangkan pendapatan tidak mencukupi.

"Justeru itu, kami menganjurkan program ini bagi membantu meringankan sedikit beban penduduk berpendapatan rendah," katanya.

Menurutnya, kerajaan tidak sepatutnya menyelesaikan situasi kekurangan sumber pendapatan dengan mengenakan berbagai cukai baru.

"Kewangan negara boleh bertambah sekiranya kerajaan mengurangkan ketirisan dan pembaziran yang boleh membawa penjimatan dan hasil," tegasnya.

150 pelajar terima bantuan persekolahan



Asmuni menyampaikan sumbangan kepada seorang waris pelajar.

IPOH: Pusat Khidmat Peduli Rakyat (PKPR) Dewan Undangan Negeri (Dun) Manjoi mengambil inisiatif menghulurkan sumbangan kepada para pelajar dari keluarga yang memerlukan sempena sesi perseko-

lahan 2018 yang bakal tiba.

PKPR Dun Manjoi berada di bawah kelolaan AMANAH Kawasan Tambun. Seramai 150 orang pelajar dari pelbagai latar belakang dan bangsa menerima



Asmuni berucap di majlis penyampaian sumbangan.

sepasang kasut, beg dan pakaian seragam. Pengerusi AMANAH Perak Asmuni Awi hadir menyampaikan sumbangan.

Beliau berharap program seumpama ini dapat dijadikan program tahunan bagi

meringankan bebanan ibu bapa dalam membuat persiapan persekolahan anak-anak mereka.

Masalah bekalan air bersih di Kedah makin meruncing

KUALA KEDAH: Penduduk Taman Seri Kota mendapatkan bekalan air bersih di bahu jalan selepas bekalan air di kediaman mereka terputus.

Masalah bekalan air terawat di Kedah meruncing dan memerlukan tindakan segera kerajaan negeri kerana ia telah berlarutan sejak sekian lama dan memabitkan banyak kawasan.

Pengerusi AMANAH Kedah, Datuk Dr Ismail Salleh yang melawat kawasan yang terjejas mahu kerajaan negeri lebih serius mengatasi masalah keperluan asas rakyat itu.

Malah sebaik saja menerima aduan penduduk Taman Seri Kota, dekat sini, beliau bersama beberapa pemimpin AMANAH [dan Pakatan Harapan (PH) segera turun padang meninjau lebih dekat masalah yang dihadapi penduduk.

"Adun Pengkalan Kundor, Datuk Ir Phahrolrazi Zawawi yang juga Timbalan Pengerusi AMANAH Kedah bersama dengan pegawai Syarikat Air Darul Aman (SADA) bersama saya turun padang meninjau untuk mengetahui keadaan sebenar bekalan air yang sering terputus.

"Selain dari pam air di loji Pelubang yang telah dibaiki akibat kerosakan, SADA juga

memaklumkan satu paip tambahan akan dipasang khusus untuk disalurkan ke Taman Seri Kota yang sering mengalami bekalan air terganggu.

"Mereka juga memaklumkan bahawa masalah ini dijangka akan berlarutan antara satu hingga dua hari lagi sebelum ia dapat diatasi sepenuhnya," ujar beliau ketika ditemui.

Menurut Dr Ismail, SADA juga akan berusaha membekalkan bekalan air bersih terus ke rumah-rumah dengan menggunakan lori.

"Sebaik sahaja menerima aduan dan permintaan dari orang ramai, lori-lori

SADA akan segera membekalkan air bersih ke kawasan terlibat.

"Kekerapan terputusnya bekalan air bersih sepatutnya diatasi dengan segera oleh kerajaan negeri kerana masalah ini telah berlarutan begitu lama.

"Lebih parah lagi ketika cuti umum dan hari perayaan apabila penggunaan air meningkat sehingga menyebabkan urusan harian penduduk terganggu," jelas beliau.

Sehubungan itu beliau mahu kerajaan negeri memberi tumpuan khusus untuk menyelesaikan masalah bekalan air bersih di negeri ini.

Bandar Baru Dabong berciri Islam hanya khayalan

DABONG: Timbalan Menteri Besar Kelantan Datuk Mohd Amar Abdullah perlu menjelaskan status terkini pembangunan Bandar Baru Dabong yang dilaksanakan Kompleks Perkayuan Kelantan (KPK) dengan kerjasama DPS Group of Companies.

Ini kerana pembinaan bandar baru yang berkonsepkan Islam itu tidak menunjukkan sebarang kemajuan walaupun telah bertahun dilancarkan.

Pemuda AMANAH Kelantan diketuai Hazmi Hasan baru-baru ini singgah di Dabong untuk melihat perkembangan projek bandar baru itu yang telah dilancar sejak 5 tahun lalu.

"Saya mencari di mana 48 unit rumah teres kos sederhana rendah, 196 unit rumah teres kos seder-

hana, 56 unit rumah berkembar, 106 unit banglo dan 20 unit rumah kedai.

"Namun saya gagal menemui kesan pembinaan baru di situ dan tidak ada satu pun pembinaan yang sedang dijalankan.

"Saya juga sempat bertanya penduduk di situ dan mereka menyatakan tidak ada langsung perkembangan projek tersebut," ujar Hazmi.

Menurut beliau, papan tanda projek itu juga tidak lagi kelihatan sekaligus menimbulkan persoalan tentang status projek tersebut.

Kegagalan projek itu dilaksanakan, jelas beliau melambangkan kredibiliti pentadbiran kerajaan negeri yang lemah dan tidak bertanggungjawab.

"Sejak tahun 2013 tidak ada satu pun projek janji PRU telah ditunai-



Hazmi Hasan

kan. Dan yang lebih parah apabila projek ini seolah-olah dihentikan," katanya.

Beliau turut melahirkan rasa sedih melihat KPK yang dikatakan

dalam keadaan daif, tidak terurus dan kemungkinan syarikat milik kerajaan itu berdepan risiko gulung tikar.

Kerajaan perlu campur tangan bela 1,600 pekerja SFI

KOTA KINABALU: Pemuda AMANAH Sabah menggesa kerajaan negeri campur tangan dan menyelesaikan isu gaji membabitkan pekerja Sabah Forest Industry (SFI) Sdn Bhd yang sudah berlarutan sejak 2009.

Ketuanya, Khairuddin Daud berkata, isu dihadapi pekerja syarikat pengeluar pulpa dan kertas itu sudah dibawa ke mahkamah.

Menurutnya, nasib 1,600 pekerja SFI dalam keadaan tidak menentu sejak Januari tahun ini ekoran operasi syarikat terbabit telah dihentikan.

Walaupun demikian, jelasnya pekerja terbabit tetap disuruh datang ke kilang mengikut waktu bekerja tetapi gaji mereka gagal dijelaskan sehingga Mac lalu.

"Kami menggesa agar Kerajaan Negeri Sabah mengambil serius nasib 1,600 pekerja SFI yang terumbang-ambing ini daripada terus hilang pergantungan dan tempat mencari rezeki.

"Janganlah biarkan anak negeri Sabah mendapat susah dan berperut kosong kerana ketidakcekapan pengurusan sedangkan negeri ini kaya dengan hasil bumi," ujarinya dalam satu kenyataan.

Khairuddin berkata, ketidakcekapan SFI berterusan menjadi isu apabila syarikat tersebut baru-baru ini memaksa 1,390 pekerja mengambil sebahagian daripada gaji yang sepatutnya bermula Januari tahun depan.

"Untuk pengetahuan ketua menteri, mereka ini mempunyai mulut untuk disuap dan perut yang perlu diisi demi melangsungkan kehidupan sebagai seorang manusia biasa.

"Tidaklah kerajaan negeri boleh duduk berbincang dengan syarikat ini demi menyelamatkan nasib pekerja-pekerja tempatan Sabah?" soal beliau.

Laporan media menyebut pekerja SFI dibenarkan untuk mengambil cuti atau bekerja di tempat lain sehinggalah syarikat tersebut dibeli oleh pembida tertinggi.

Hanya 200 pekerja yang akan dikekalkan namun nasib mereka juga tidak menentu sama ada akan diambil bekerja semula ataupun tidak selepas ini.

Sekurang-kurangnya 20 orang penerima yang layak akan mendapat bantuan," katanya.

Beliau juga memberitahu program berkhatan peringkat Dun, secara tradisi di adakan di masjid berdekatan rumahnya turut diadakan.

"Kita juga bercadang mengadakan program gunting rambut percuma sempena kembali ke sekolah hujung bulan nanti," katanya.

Bantu rakyat hadapi beban hidup



Ismail menenangkan seorang peserta khatan perdana.

BACHOK: Badan bukan kerajaan (NGO) dan golongan berkemampuan disaran mengambil bahagian aktif membantu golongan berpendapatan rendah khususnya di musim kembali ke sekolah sekarang.

Bekas Ketua Jajahan Bachok Datuk Ismail Ghani berkata, mereka yang mempunyai anak-anak yang

masih bersekolah terpaksa berbelanja lebih untuk persiapan ke sekolah dan keperluan lain seperti berkhatan.

"Dengan barangan peralatan untuk kembali ke sekolah kini memerlukan RM200 hingga RM300 untuk setiap pelajar, tentulah amat berat bagi mereka yang tiada pen-

dapatan tetap.

"Keperluan ini berganda apabila ada anak-anak lelaki yang perlu berkhatan kerana perbelanjaan untuk tujuan itu sekarang melebihi RM100 bagi setiap kanak-kanak," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian program khatan perdana di Masjid Muttaqin, dekat sini, baru-baru ini.

Majlis itu katanya dijayakan dengan bantuan Pertubuhan Ikram Kelantan dan orang ramai di sekitar masjid berkenaan.

"Semangat tinggi yang ditunjukkan oleh penyelenggara majlis ini perlu diberi penghargaan tinggi.

"Walaupun jumlah yang dapat kita bantu hari ini tidak begitu besar, namun ia cukup bermakna kerana ibu bapa yang menyertai program-program ini benar-benar golongan yang memerlukan," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi AMANAH Kawasan Bachok melahirkan rasa syukur kerana kerja-kerja membantu golongan asnaf dapat dijayakan dengan baik.

"Walaupun parti kita baru dan tidak ada peruntukan besar, banyak pihak sudi menyumbang dalam kerja-kerja kebajikan yang dirancang.

"Pada musim banjir baru-baru ini, saya bersama jawatankuasa AMANAH Bachok turun ke kawasan-kawasan yang dilanda banjir.

"Rakan-rakan dalam Pakatan Harapan (PH) juga turut serta menyampaikan sumbangan bagi meringankan beban yang dialami mangsa banjir," katanya.

Tukar Pasti jadi tadika AMANAH berjalan harmoni

TUMPAT: Sebuah Pasti yang selama ini dikendalikan Pas cawangan Kampung Laut di Tumpat akan bertukar menjadi tadika di bawah kelolaan AMANAH.

Ketua cawangan AMANAH Kampung Laut Nordin Adam berkata, keputusan itu telah dibincang dengan pihak Pas cawangan sebelum tamat sesi persekolahan lalu.

"Kita telah maklumkan kepada ibu bapa dan orang ramai berkaitan perkara ini semasa program ihtifal Pasti itu yang dirasmikan oleh Adun Kelaboran Mohd Zaki

Ibrahim baru-baru ini," katanya.

Menurutnya, perundingan antara Pas dan AMANAH Kampung Laut telah berjalan dengan baik.

"Pihak Pas akan memindahkan kelas Pasti kelolaannya di premis baru berhampiran pasar Kampung Laut.

"Tempat asal kelas ini adalah bangunan milik saya dan berada dalam halaman rumah saya sendiri, akan terus menjadi kelas tadika yang akan dikelolakan sepenuhnya oleh AMANAH," katanya.

Sepanjang operasi Pasti selama

27 tahun di sini katanya, beliau dan keluarga membiayai sepenuhnya kelas berkenaan.

"Saya tidak pernah mengutip derma orang ramai atau menerima apa-apa bantuan kerajaan dalam menguruskan kelas Pasti itu.

"Semua peralatan dan kemudahan yang ada di premis ini saya akan gunakan untuk kegunaan tadika yang baru," katanya.

Beliau yang ditemui selepas majlis penyampaian bantuan pakaian sekolah kepada pelajar-pelajar miskin di daerah men-

gundi Kampung Laut yakin orang ramai akan memberi sambutan baik kepada tadika baru yang akan beroperasi nanti.

Nordin yang juga Pengerusi Jawatankuasa AMANAH (JDUN) Pasir Pekan berkata, program penyampaian bantuan awal persekolahan akan diadakan di semua daerah-daerah mengundi di Dun berkenaan.

"Insya Allah majlis penyampaian ini akan diadakan di lokasi tempat setiap daerah mengundi.

NGO Wanita Felda bakal ditubuh



Bergambar ramai se usai program tanah yang ditubuh belukar.

Foto WAN ZAHARI SALLEH

PETALING JAYA: Himpunan Wanita Generasi Felda Kebangsaan yang diadakan di Dewan Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya, dekat sini, baru-baru ini bakal merintis jalan ke arah penubuhan badan bukan kerajaan (NGO) Wanita Felda bagi memperjuangkan hak dan kepentingan warga Felda.

Pada sidang media se usai program tersebut, Pengerusi Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman berkata, kehadiran wanita Felda dari Selangor, Pahang, Kelantan, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan menunjukkan komitmen tinggi wanita Felda untuk melakukan perubahan.

"Jika 4 Nov 2007 tertubuhnya Anak di Bandar Pusat Jengka, Pahang; himpunan hari ini bakal merintis jalan ke arah penubuhan NGO Wanita Felda,

"kata beliau.

Himpunan itu dirasmikan Ketua Wanita Pakatan Harapan yang juga Ahli Parlimen Ampang Zuraidah Kamarudin manakala Pengarah Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor, Haniza Talha merasmikan majlis penutup.

Mengulas perjalanan program, Mazlan berkata, slot khas bersama bekas Pegawai Seranta JPM dan bekas Ketua GPW Felda Gugusan Chini Puan Aishah @ Kak Chah dan Ketua GPW Felda Serting Hilir 3 Nora Abd Rahman memberi input berguna kepada peserta.

"Pembentangan kertas kerja oleh penyarah di Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (Kanita) USM Dr Zaireeni Azmi yang memberikan input berdasarkan kajian beliau mengenai wanita Felda, sangat relevan dalam konteks pemberdayaan wanita Felda," kata beliau lagi.

Mazlan mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama diberikan IWB Selangor, ARIF dan Perpustakaan Komuniti



Mazlan menyampaikan cenderahati kepada Zuraidah.



Perbincangan pada sidang pleno.

Petaling Jaya dalam menjayakan program itu.

Beliau juga mengucapkan syabas kepada Pengarah Program Anis Afida Mohd Azli, Timbalannya, Norliza Ngadiran serta pasukan penganjur atas kerja

yang diberikan.

"InsyaAllah, suara wanita Felda yang berani memperjuangkan hak dan kepentingan masa depan warganya akan lebih menyerlah selepas ini," sambungnya.

Wanita PH Tumpat yakin kukuh gerakan akar umbi



Nik Faezah (duduk tiga dari kiri) bersama jawatankuasa Wanita PH Tumpat.

Oleh ZIKRI ABDULLAH

TUMPAT: Sambutan terhadap gabungan parti-parti dalam Pakatan Harapan (PH) di peringkat akar umbi kini memberang-

sangkan.

Ketua Wanita PH KAWASAN Tumpat Nik Faezah Othman berkata, program-program yang disusun kini sentiasa mendapat sambutan ramai.

"Terima kasih kerana pemimpin wanita dari AMANAH, Keadilan dan PPBM di kawasan kita begitu aktif menggerakkan ahli masing-masing," katanya ketika berucap selepas dilantik mengetuai Wanita PH Tumpat, baru-baru ini.

Nik Faezah yang juga Naib Pengerusi AMANAH Tumpat tidak mengangap peralihan itu sebagai satu kelebihan memandangkan tanggung jawab yang perlu dipikul.

"Sebagai pengerusi jawatankuasa Dun (JDUN) Kelaboran, begitu banyak tugas yang terpaksa saya laksanakan kerana rata-rata penduduk di kawasan ini berpendapatan rendah.

"Ini ditambah lagi dengan musibah banjir yang kerap berlaku setiap tahun," katanya.

Beliau bagaimanapun berikrar untuk memberi komitmen terbaik supaya PH berkembang selaras dengan sambutan masyarakat.

"Orang ramai kini sedar bahawa perubahan mesti dilakukan untuk membina masa depan lebih baik.

"Namun mereka mahu melihat pasukan kita benar-benar mampu untuk menjadi pengganti kepada kerajaan yang ada sekarang," katanya.

Sementara itu Ketua Wanita PH negeri, Norashidah Jaafar yang turut bersama di majlis itu berharap semua parti anggota PH terus memberi kerjasama.

"Yang penting kita mengutamakan usaha mengukuhkan silaturahim dan bukannya mencari-cari helah persengketaan.

"Semua kita tidak sempurna dan harus mengutamakan sikap bermaaf-maafan atas perkara-perkara yang tidak serasi," katanya.

Menurutnya sehingga ini lima kawasan parlimen telah berjaya melantik ketua wanita PH masing-masing.

"Kawasan-kawasan lain, Insya Allah sedang menyusul dan semuanya akan diselesaikan sebelum akhir tahun ini.

"Pelancaran wanita PH peringkat negeri akan diadakan selepas berlangsungnya pelancaran peringkat pusat yang dijadualkan 6 Januari tahun depan," katanya.

Tragedi kebencian

SAYA baru memiliki sebuah buku tulisan Pankaj Mishra berjudul 'Age Of Anger: A History Of The Present'. Menurut Pankaj, beliau mula berfikir untuk menulis buku tersebut pada tahun 2014 apabila para pengundi di negara India memilih Hindu supremacists mengambil alih pemerintahan negara, ISIS pula menjadi magnet menarik golongan pria dan wanita muda dari negara-negara demokrasi Barat menyertai kumpulan pelampau penganas itu.

Britons mengundi keluar dari European Union (Brexit), Donald Trump yang menganjurkan kebencian kepada para imigran dan Islam di Amerika memenangi Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat, negara adikuasa dunia itu.

Demikianlah Pankaj Mishra kolumnis Bloomberg View, The New York Times Book Review, Guardian, The London Review of Books, New Yorker; seorang felo di Royal Society Of Literature yang menetap di London menulis tentang era kemarahan zaman ini.

Dunia sekali lagi bergolak atas isu kezaliman para warga Palestin yang tanahnya dirampas oleh kaum Zionis Israel pada tahun 1945. Donald Trump pemimpin Amerika Syarikat yang aneh itu mengisytiharkan akan memindahkan kedutaan besar Amerika Syarikat dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis. Suatu pengiktirafan ke atas negara yang dirampas menjadi Israel yang tentunya menjadi kemarahan para pencinta damai dan penyokong hak asasi manusia.

Politik dunia semakin dikuasai oleh rasa marah, rasa benci dan dendam kesumat sesama insan. Kemuliaan anak Adam tidak lagi menjadi pegangan hidup manusia yang gila perang, gila kuasa, gila harta dan gila segala. Kebencian membawa kepada dendam sesama anak manusia yang sering kali digilap oleh para politikus yang menjadikan faham perkauman atau keagamaan sebagai asas mengangkat ketuanan masing-masing. Negara Malaysia yang pernah mengalami pertumpahan darah sampai hari ini masih belum boleh membebaskan diri dari penyakit rasisme dan perseteruan agama.

Sikap berpuak

Bagaimana pula selaku anggota wadah politik baru boleh menjadi teladan ikutan? Saya mendengar peristiwa-peristiwa terpencil yang menunjukkan masih ada golongan gila kedudukan beraksi di tempat masing-masing.

Di era facebook dan whatsapp ini ada di antara mereka yang menggunakan kata-kata kesat, nista dan membenci sesama sendiri bahkan pemimpin-pemimpin utama wadah politik baru ini tidak lepas dari caci maki para anggota parti yang tidak senang dengan seseorang.

Sikap berpuak-puak sudah mula ditunjukkan oleh mereka yang berkepentingan, sikap 'aku lebih mulia dari kamu'

juga sudah mula diadaptasi walaupun sekadar kejadian-kejadian di pinggir. Memang wadah parti baru tetapi para anggota terdiri daripada berbagai rupa, budaya dan sikap bermacam-macam.

Kita perlu sensitif dengan keadaan sekeliling dan jangan sama sekali membiarkan unsur-unsur tidak sihat tumbuh di mana-mana dalam persekitaran. Kita bertindak dan bersiap-siaga menolak benih kebencian yang boleh membawa kepada gejala fitnah-memfitnah sesama sendiri yang sering berlaku dalam parti-parti politik yang wajib dihindari demi kelangsungan wadah yang mendokong pendekatan berhikmah, sederhana dan terbuka ini.

Tanpa rasa kemanusiaan, rasa kasih sayang tidak akan dapat diapresiasi oleh golongan yang sarat dengan rasa dendam dan kebencian. Di negara ini orang boleh pulau-memulau, boikot-memoikot bahkan sampai saling mencederai, memutuskan hubungan persaudaraan tidak makan daging sembelihan sesama muslim, bahkan ada yang sampai bercerai-berai kerana kebencian yang diapikan oleh perbezaan parti politik.

Orang-orang seperti ini menurut saya tidak akan dapat menghening cipta dan merasai deria cinta dari puisi 'Kekasih', Usman Awang:

*Kekasih
Akan kupintal buih-buih
Menjadi tali
Mengikatmu*

*Akan kuanyam gelombang-gelombang
Menjadi hamparan
Ranjang tidurmu*

*Akan kutenun awan-gemawan
Menjadi selendang
Menudungi rambutmu*

*Akan kujahit bayu gunung
Menjadi baju
Pakaian malammu*

*Akan kupetik bintang timur
Menjadi kerongsang
Menyinari dadamu*

*Akan kujolok bulan gerhana
Menjadi lampu
Menyulahi rindu*

*Akan kurebahkan matari
Menjadi laut malammu
Menghirup sakar madumu*

*Kekasih,
Hitunglah mimpi
Yang membunuh realiti
Dengan syurga ilusi*

Saya bukan mahu berromantisme tetapi sekadar untuk menunjukkan bahawa cinta dan kasih sayang tidak

akan menjadi sebuah citra bagi penghuni sebuah negara kalau tidak dirangkai oleh rasa cinta damai yang setulusnya.

Bukan mudah untuk membina sebuah bangsa atau negara kesatuan. Tidak juga mudah untuk mengikat persaudaraan insan. Di saat kita menjadikan wadah politik 'amanah, progresif, peduli' ini; kita tentunya dibenci oleh serangkaian manusia yang mengangap kita bukan sahaja para pemimpi tetapi lebih dahsyat lagi bila kita dipanggil seteru-pengkhianat oleh orang-orang yang merasa dirinya terlalu murni.

Masyarakat madani

Tentunya tidak mudah mendirikan sebuah negara dan masyarakat madani dengan Islam sebagai rahmat untuk semua. Melaksanakan pemerintahan yang berteraskan tadbir urus yang baik (good governance) selari dengan tuntutan prinsip amanah, keadilan, kesaksamaan, kecekapan dan ketelusan.

Orang-orang politik dari berbagai golongan yang merasa tercabar pasti benci dengan golongan muslim demokrat yang insya Allah tidak punya bagasi khianat politik di masa lalu. Menjadi tanggung jawab kita untuk memperbaiki akhlak dan pekerti. Niat dan tujuan suci mengangkat martabat dan daulat rakyat, menuntut kesungguhan mengabdikan diri memuliakan demokrasi.

Kita perlu melahirkan seramai mungkin Burhanuddin al-Helmi, Ishak Haji Mohamad, Zulkefli Mohamad, Azizi Ishak, Bung Hatta, Pak Natsir, Sutan Shahrir dan manusia-manusia berjiwa besar dan mengutamakan rakyat yang menjadi jantung negara. Kita perlu sedia bekerja keras untuk membawa perubahan, suatu yang tidak mudah. Justeru ia menggambarkan kesungguhan, kesabaran dan keghairahan berjuang.

Tentunya amat sukar melakukan sesuatu yang baru mengambil sikap terbuka seluas-luasnya tanpa menggadai akidah agama kerana sebahagian dari kita telah diindoktrinasi sekian lama oleh golongan agamawan yang sempit minda dan pengalaman untuk hidup bersama secara damai dengan berbagai golongan yang menganut keragaman faham dan kepercayaan.

Perubahan dan keberanian menempa suatu yang baru memerlukan suatu kekuatan besar, jangan berjuang alang-kepalang. Oleh itu rasanya masih relevan untuk saya memetik tokoh demokrat muslim yang saya amat kagumi, Mohammad Hatta yang mengingatkan:

"Sudah berulang-ulang diterangkan dalam Daulat Rakyat, bahawa tidak ada waktu sekarang bagi kita untuk berhati-jengkel dan berkeluh kesah. Rintangan-rintangan yang kita derita di waktu seka-



PENDAPAT
MOHD ANUAR TAHIR

rang menyuruh kita bekerja dengan teliti. Siapa yang mengerti akan makna 'berjuang', tidak akan habis usaha dan pengharapannya. Kita berjuang untuk mencapai kemenangan. Dan kita pun tahu, bahawa kemenangan itu tidak mudah didapat. Dalam perjuangan kita menuju cita-cita, kita akan kalah berkali-kali dan tewas berulang-ulang. Tiap-tiap kekalahan mengajar kita memperbaiki organisasi kita. Tiap-tiap rintangan mengajar kita memikirkan keadaan kita, memaksa kita menimbang dalam hati: 'Hingga manakah pergerakan kita?'"

Marilah kita merubah keadaan atau situasi 'Age Of Anger' kepada 'Age Of Love' dengan sama-sama membina citra baru dalam politik negara kita tentang golongan penzalim dan sekutu-sekutunya demi kelangsungan masa depan. Berjuang dengan prinsip keyakinan bukan kebencian dan perseteruan.

Saya akhiri tulisan ini dengan sajak Tanahair yang ditulis pada tahun 1956 oleh Pujangga Usman Awang;

*Tanahair (Menjelang Kemerdekaan)
Engkau, tanahair, pemilik perut yang berbudi,
penampung hujan, penyedut sinar matahari,
lahirlah anak-anakmu dari semaian-semaian petani.*

*Engkau, ibu murni, dengan segala jasa abadi,
berdetik di denyut nafas kami,
kerana kita adalah satu dan sama dipunyai.*

*Telah kau rasa segala seperti kami,
dalam kengerian perang dadamu dibongkar besi,
di mana-mana wajahmu tidak pernah mati.*

*Tapi begitu sejarah hidup zaman-berzaman,
yang pernah merangkul pahlawan kemerdekaan;
mereka sujud dalam kaku memohon perlindungan.*

*Bukankah dengan kasih dan harapan,
kau tenggelamkan mereka dalam dakapan?
di mana bunga ganti nisan bertaburan?*

*Negara baru di atas rongga jantungmu,
akan tertegak bertapak dalam kebebasan,
cinta antara kita wahyu dari Tuhan.*

■ Mohd Anuar Tahir ialah Setiausaha Agung AMANAH.

Sikap tipikal Umno-BN rendahkan artis

KUALA LUMPUR: Amaran pembantu khas isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor kepada para artis khususnya Juara Gegar Vaganza Musim ke-4 (GV4), Wan Aishah Wan Ariffin agar tidak "dipergunakan oleh pembangkang" menyerlahkan sikap tipikal pemimpin Umno yang merendahkan golongan artis.

Menolak amaran Datuk Rizal Mansor itu, Ketua Penerangan Wanita Pakatan Harapan (PH) Aiman Athirah Al Jundi berkata, Aishah bukan ahli biasa atau pimpinan peringkat rendah dalam parti yang selayaknya dituduh dan dilabel sedemikian rupa.

Menurut beliau, sebagai ahli Jawatankuasa Pimpinan Nasional AMANAH, Aishah dilantik ke kedudukan itu kerana keupayaan serta kekuatan idea dan karisme kepimpinannya.

"Aishah secara peribadi bukan saja memiliki bakat seni yang hebat, bahkan bakat kepimpinan, idea serta ideologi perjuangan yang baik untuk Malaysia.

"Malah, beliau mempunyai pandangan yang baik dari hal bagaimana membangunkan industri hiburan dengan menjadikannya sebagai satu bidang serta kerjaya yang seharusnya diurus dengan profesionalisme yang tinggi.

"Sekaligus kebajikan para artis dan kumpulan sokongan (produksi) diberikan perhatian tersusun secara kolektif dan efektif," ujar Athirah.

Justeru, beliau menyifatkan amaran Rizal itu sebagai 'sangat lucu' dan menyerlahkan sikap tipikal serta stereotaip Umno-BN dalam memandang serta meletakkan kredibiliti dan intelektualisme para artis pada tahap rendah.

Menurut Athirah, artis adalah sebahagian daripada entiti rasmi dalam negara dan hak mereka dijamin perlembagaan.

"Artis bukan mesin dan robot seni yang hanya diambil kira pandangan serta kewujudan mereka sebagai penghibur dan

terhad kepada industri hiburan semata-mata.

"Mereka adalah rakyat yang juga punya kemuliaan dan kebebasan bersuara. Sekaligus setiap mereka berhak menyatakan sikap serta pendirian yang bukan sahaja dalam bidang seni, tetapi bidang kehidupan yang lebih besar yang mana artis sendiri adalah sebahagian daripada kelompok sosial itu," ujar beliau.

Sehubungan itu, katanya golongan artis berhak memilih mana-mana parti sama ada BN atau PH yang diyakini berupaya membela kehidupan dan masa depan mereka, rakyat dan negara.

"Berikan hak itu kepada mereka. Kemudian biarkan mereka mengendalikannya secara profesional dan matang.

"Politikus pemerintah tidak perlu khuatir dan risau dengan perkembangan ini," ujar Athirah yang juga Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional.



Athirah mengucapkan tahniah kepada Aishah setelah menjuarai GV4.

Lepasan SPM dipelawa sertai program 'Muzik Itu Mudah...'

SHAH ALAM: Pusat Khidmat Ahli Parlimen Shah Alam menawarkan kelas latihan muzik untuk anak muda lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Kata Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Samad, tawaran tersebut hasil idea komposer Muhamad Osman bagi tujuan memberi peluang serta mencari bakat baru yang mempunyai potensi dalam bidang nyanyian.

"Kami akan buka kelas muzik yang dipimpin komposer terkenal saudara Muhamad Osman dan akan menawarkan sijil yang diiktiraf di luar negara.

"Tempoh belajar empat bulan, tujuan kita ini kerana kita sedih melihat budak-

budak yang ada bakat menyanyi tapi hanya dapat nyanyi di tepi-tepi jalan akhirnya terjebak dengan dadah. Jadi baik kita asah dan bantu supaya mereka boleh maju," katanya.

Menurut Khalid, mereka yang berminat boleh membuat permohonan sebelum program itu bermula pada 23 Disember ini.

Selain pelajar lepasan SPM, program ini juga terbuka kepada anggota kumpulan nasyid atau mereka yang mempunyai minat dalam menulis lagu-lagu berbentuk ketuhanan.

Program "Muzik Itu Mudah... Islam Itu Indah" ini menerapkan asas muzik yang

unik berteraskan konsep teori dan praktikal selain mengupas perjalanan penulisan sesebuah karya muzik nasyid dan lagu-lagu berbentuk ketuhanan dari peringkat asas.

Ini dikuatkan lagi dengan pengsijilan Associated Board of the Royal School of Music (ABRSM) dengan semua peserta berpeluang menduduki peperiksaan muzik bertaraf antarabangsa ini.

Program komprehensif ini akan melatih peserta sehingga mempunyai kemahiran dalam bermain pelbagai alat muzik nasyid seperti bonggo, kompang, gendang dan lain-lain lagi agar karya yang anda bakal hasilkan mempunyai nilai-nilai estetika

yang tinggi.

Peserta yang terpilih dan menunjukkan prestasi yang cemerlang akan dibantu pihak penganjur mewujudkan kolaborasi dengan pelbagai pihak untuk mengentengahkan karya dan bakat.

Mereka yang berminat dan memerlukan keterangan lanjut boleh datang ke Pusat Khidmat Ahli Parlimen Shah Alam di No 1B, Tingkat 2, Blok 1, Pusat Perniagaan Worldwide, Jalan Tinju 13/50, Seksyen 13, Shah Alam atau hubungi talian +603-5523 8787.

SAJAK

ANTARA HUJAN DAN AIR MATA (Camar Yang Pulang)

Sememangnya
Bukan satu jalan yang mudah
Dalam mencari diri dan erti
Menyantuni rasa - penuh lelah
Menongkahi denai, berbunga duri

Tidak semua mereka memahami
Bukan semua bisa akur dan mengerti

Berulang kali engkau tersadung jatuh
Kemudiannya bangkit lagi...

Meski barangkali singkat
Cabaran 2 bulan itu
Namun lelah dan rencamnya
Adakalanya menggugah minda & kalbu
Gema gundah saban waktu bertalu
Memukul-mukul

Tiap inci kesabaran yang terus dibina
Dan kini masih bersisa

Pun begitu..
Kami seusahanya mahu
Untuk terus berdiri di samping mu
Tidak kira lah apa pun yang menjengah
Membadai rasa, membingit resah
Menyimbah duka di dalam lara
Menggumpal nestapa, mendebunga pasrah
Meniti nista, mendepani fitnah

Sungguh...
Persis lakaran ceritera
Antara Hujan dan Air Mata
Gemerciknya melantun bahasa sendu
Namun iramanya - simbiotis merdu
Terbang bersama
Hembusan angin membelai rindu
Nah, Kami masih di sini
Dan akan terus bersamamu

Sahabatku Aishah
Truly - The Living Legend
Bahtera merdekamu kini
Ibarat Camar Yang Pulang
Menjawab Panggilan Rindu
Daripada para peminatmu
Bersama bingkisan Janji Manis
Yang sekian lama terukir
Dalam Doa dan Wajah
Terakam menjadi Fatwa Pujangga
Seusai kisah
Cinta mu Beralih Arah

Aishah...
Teruslah mara
Mengejar cita (siasah) dan cinta (seni)
Selagi kami masih berdiri di pentas ini
Kami akan selalu ada
Menghulurkan tangan keikhlasan
Pada saat engkau
Mendambakan kejujuran

Membangikiskan helaian senyuman

Pada saat engkau
Berendam dalam tangisan

Menghulurkan rasa penuh pengertian
Pada saat engkau
Harus menepis setiap sketsa
Drama dan lakonan kehidupan
Yang adakalanya seolah
Tidak pernah mahu berkesudahan
Menghantui perjalanan mu

Aishah...
Cita dan cintamu itu indah
Seindah perjuangan
Setiap warga
#UntukMalaysia
Lalu genggam kedua-duanya
Kerana kami tahu
Aishah Kami Itu Sayang Semua
Juga Kesayangan Oleh Semua!

AIMAN ATHIRAH AL JUNDI
19 Disember 2017

Malaysia perlu jawab komen Peguam Negara Amerika tentang 1MDB

KERAJAAN Persekutuan dan pihak berkuasa berkaitan mesti memberi respon kepada kenyataan berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dilaporkan dibuat oleh Peguam Negara Amerika Syarikat Jeff Sessions di Global Forum on Asset Recovery di Washington, DC pada 4 Disember 2017.

Bahagian ucapan yang relevan adalah seperti berikut:

"Pada beberapa minit berikut, saya ingin membincangkan beberapa cara Amerika Syarikat bekerjasama dengan rakan-rakan kongsi penguatkuasa di seluruh dunia dan mencapai kejayaan untuk manfaat semua.

"Pertama sekali, kami telah merampas atau menahan 3.5 bilion dolar AS (RM14.2 bilion) hasil rasuah melibatkan kesalahan pengubahan wang haram.

"Sejak 2004, Amerika Syarikat telah memulangkan jutaan hasil rasuah untuk gantirugi mangsa...

"Anda mungkin biasa dengan beberapa kes ini. Misalnya hampir separuh daripada hasil rasuah 3.5 bilion dolar yang ditahan itu berkaitan hanya satu tindakan penguatkuasaan.

"Tindakan itu berkaitan




PENDAPAT
NIK NAZMI NIK AHMAD

'sovereign wealth fund' Malaysia yang dikenali sebagai 1MDB. 1MDB diasaskan oleh Kerajaan Malaysia untuk promosi pembangunan ekonomi jangka masa panjang bagi manfaat rakyat Malaysia.

"Namun pegawai-pegawai dan sekutu-sekutu mereka yang dikatakan korup telah menggunakan wang tersebut untuk berbelanja besar-besaran secara mewah: US\$200 juta untuk hartanah di Selatan California dan New York. US\$130 juta untuk barangan seni. US\$100 juta dalam label muzik Amerika. Tidak lupa kapal layar bernilai US\$265 juta.

"Pegawai-pegawai 1MDB dikatakan mengubah wang haram sebanyak US\$4.5 bilion (RM18.3 bilion) menerusi transaksi samar-samar yang kompleks dan syarikat-syarikat yang terlibat



“ Pegawai-pegawai 1MDB dikatakan mengubah wang haram sebanyak US\$4.5 bilion (RM18.3 bilion) menerusi transaksi samar-samar yang kompleks dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam penipuan dengan akaun-akaun bank di negara-negara merangkumi Switzerland dan Singapura kepada Luxembourg dan Amerika Syarikat. Ini kleptokrasi pada tahap paling teruk.

dalam penipuan dengan akaun-akaun bank di negara-negara merangkumi Switzerland dan Singapura kepada Luxembourg dan Amerika Syarikat. Ini kleptokrasi pada tahap paling teruk.

"Hari ini, Jabatan Keadilan Amerika berusaha memberikan keadilan kepada mangsa apa yang dikatakan skim ini."

Yang sangat menarik perhatian adalah sementara

rampasan daripada rasuah di Itali, Kazakhstan, Nicaragua, Korea Selatan dan Taiwan disebut, satu-satunya contoh yang dipilih oleh Peguam Negara Amerika untuk dihurai secara mendalam dalam ucapannya adalah kes 1MDB.

Berdasarkan perkara di atas, pihak berkuasa Malaysia mesti menjelaskan mengapa tiada siapa yang didakwa, malah mengapa tiada tindakan perundangan nampak diambil terhadap sesiapa, untuk sebarang kesalahan berkaitan 1MDB.

Juga, sekiranya Malaysia betul-betul bekerjasama dengan kerajaan Amerika dalam hal ini, maka apa yang hanya perlu dilakukan adalah butir-butir maklumat yang disampaikan kepada pihak Amerika juga dimaklumkan kepada orang ramai.

Skandal 1MDB telah menular sekian lama dan telah merosakkan reputasi antarabangsa negara kita. Rakyat berhak sesuatu yang lebih baik dari ini dan mereka berhak mendapat kebenaran.

Nik Nazmi Nik Ahmad ialah Ketua Pemuda Pakatan Harapan dan Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK).

Royal Commission atau Royal Circus?

BERDASARKAN terma-terma Rujukan (TOR) Suruhan DiRaja (RCI) bagi menyasiat kerugian urusan Forex Bank Negara Malaysia (BNM), antara TOR itu adalah, "bagi menentukan sama ada penglibatan Bank Negara dalam aktiviti Forex yang mengakibatkan kerugian adalah melanggar Ordinan Bank Negara 1958 dan undang-undang lain yang berkaitan".

Dalam bahasa mudahnya, kerja RCI adalah (bila selesai siasatan), untuk tentukan di bawah seksyen manakah di bawah Ordinan tersebut dan Akta-Akta lain seperti Kanun Keseksan dilanggar oleh sesiapa yang bertanggung jawab.

Menurut P.Gunasegaran dalam artikelnya yang diterbitkan di Malaysiakini, beliau tidak melihat sebarang rujukan di dalam laporan media mana-



mana seksyen di dalam Ordinan tersebut dikatakan telah dilanggar.

Beliau juga menulis antara lain, "Semasa keseluruhan prosiding RCI, hanya ada sedikit atau tiada disebut tentang CBT (Criminal Breach of Trust), jadi adalah suatu yang menghairankan bila RCI mencadangkan CBT berlaku..."

Aneh, RCI yang mengguna pakai wang rakyat bagi menyasiat kerugian Forex tidak dapat menyatakan sama ada wujud pelanggaran undang-undang khususnya di bawah Ordinan Bank Negara, tiba-tiba kini polis pula diminta siasat? Jika polis



“ Aneh, RCI yang mengguna pakai wang rakyat bagi menyasiat kerugian Forex tidak dapat menyatakan sama ada wujud pelanggaran undang-undang khususnya di bawah Ordinan Bank Negara, tiba-tiba kini polis pula diminta siasat? Jika polis yang kena siasat, apa guna kerajaan tubuh RCI dan apa guna pula belanja atau bazir duit rakyat? ”

yang kena siasat, apa guna kerajaan tubuh RCI dan apa

guna pula belanja atau bazir duit rakyat?

Jika RCI tak ditugaskan untuk siasat wujudnya CBT, isunya kenapakah kini polis pula hendak menyasiat bagi cari kesalahan CBT? Jika ini bukan pelik, apakah dia?

Bagi saya inilah bahana atau kesan politik balas dendam. Jika kerajaan serius nak siasat kerugian wang negara/rakyat, yang wajar dihadapkan ke Suruhanjaya Siasatan Diraja atau disiasat dan didakwa adalah mereka yang terlibat dalam skandal 1MDB!

Tak tahulah RCI tentang forex ini layak dipanggil 'Royal Commission' atau ia sudah menjadi 'Royal Circus'?

Mohamed Hanipa Maidin ialah Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH dan Ahli Parlimen Sepang.



Adly dan para pemimpin AMANAH meraikan pemenang acara memancing ikan betuk.

Karnival AMANAH Sungai Rambai platform dampingi masyarakat

Oleh AKMAL HAZIQ

MERLIMAU: Karnival Peduli Rakyat anjuran AMANAH Sungai Rambai pada 17 Dis lalu mendapat sambutan menggalakan masyarakat setempat.

Sejak awal pagi orang ramai berpusu-pusu mengunjungi Pasar Peduli Rakyat dekat tapak karnival bagi mendapatkan barang-barang keperluan harian seperti tepung, gula, kicap, lada dan lain-lain dengan harga yang murah dari harga pasaran.

Mereka juga mendapatkan barangan percuma di 'free market' yang turut dibuka di tapak karnival.

Orang ramai juga mengambil peluang menjalani pemeriksaan kesihatan percuma yang dikendalikan pegawai perubatan, juga gerai bekam dan urut refleksologi.

Program karnival itu dilaksanakan dengan kerjasama Awan

Negeri Melaka.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Melaka yang juga Pengerusi Parti AMANAH negeri Adly Zahari dalam ucapan perasmian-nya menyeru rakyat melakukan perubahan pada pilihan raya akan datang.

"Rakyat kini begitu terhimpit dengan kenaikan kos hidup akibat dikenakan GST, kenaikan harga minyak, kenaikan harga barang dan kejatuhan nilai ringgit. "Semua ini menjadikan kehidupan rakyat begitu tertekan dan tidak ada cara lain lagi untuk mengubah keadaan ini selain menukar kerajaan sedia ada," katanya.

Sehubungan itu, kata Adly, PH berjanji untuk menghapuskan GST dalam tempoh 100 hari jika diberi mandat mengambil alih kerajaan pusat.

Sementara itu, Pengarah Karnival Zulkipli Harun berkata, program Pasar Rakyat dan 'free

market' yang diadakan sempena karnival itu adalah sumbangan kecil AMANAH untuk membantu rakyat yang kini terhimpit dengan kenaikan kos sara hidup.

Karnival berkenaan turut dimeriahkan dengan Pertandingan Memancing Betuk (Puyu Challenge) yang dianjurkan bersama dengan AMAN JDT.

Pertandingan memancing ini menggamit penyertaan hampir 100 'kaki pancing' di kalangan penduduk tempatan.

Seorang penduduk tempatan dari Parit Sidang Seman, Alias Yusof, 52, yang baru sahaja mendaftar sebagai ahli AMANAH muncul sebagai Juara Memancing Betuk dengan membawa pulang hadiah RM300.

Turut hadir memeriahkan program karnival ialah para pemimpin PH Melaka daripada PPBM, Keadilan dan DAP.



Kanak-kanak menyertai peraduan melukis.



Alias menerima hadiah daripada Adly.



Acara memancing ikan betuk paling mendapat perhatian pengunjung.



Pengunjung tidak melepaskan peluang untuk melakukan pemeriksaan kesihatan.

Kelas masakan dan meroti D'Awan pikat kaum ibu

KUANTAN: Bagi mendekati golongan suri rumah dan kaum ibu, AMANAH Kawasan Indera Mahkota menganjurkan kelas masakan dan meroti.

Kelas yang dianjurkan secara percuma ini memperkenalkan cara masakan kuih nona manis dan beberapa jenis roti.

Kelas meroti pula dikendalikan sendiri Pengarah Komunikasi AMANAH Negeri Pahang yang juga

Ketua AMANAH Kawasan Indera Mahkota Zulkifli Mohamed.

Hadir sama meraikan majlis ialah Pengerusi Keadilan Pahang yang juga Ahli Parlimen Indera Mahkota Datuk Fauzi Abdul Rahman dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Semambu Lee Chean Chung.

Para peserta amat teruja dengan teknik dan kaedah pembuatan roti yang ditunjukkan sepanjang kelas berlangsung.



Kelas meroti dikendalikan sendiri oleh Zulkifli.



Zulkifli menyampaikan ucapan. Turut kelihatan Fauzi dan Lee.



PETROL PERCUMA... Walaupun nilainya tidak seberapa, pengisian petrol percuma anjuran AMANAH Kawasan Indera Mahkota tetap mendapat sambutan para penunggang motorsikal di sekitar Cherating, Kuantan. Sejumlah 50 pemilik motorsikal mengambil peluang mengisi minyak secara percuma sepanjang program berlangsung di sebuah stesen minyak di Cherating. Hadir beramah mesra dengan penunggang motorsikal ialah Ketua AMANAH Kawasan Indera Mahkota Zulkifli Mohamed dan para pemimpin AMANAH kawasan.

PROMOSI TERBARU!!

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA)

RM 500

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.



UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:
 01132334322 (EN HAKIM)

6 'Penyelesaian dua negara' untungkan Israel



10 Tiada pilihan ketiga pada PRU nanti

14 Ekstradisi Jho Low ke Malaysia



ms13

Aishah aset, bukan liabiliti untuk AMANAH

PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 82 | 24 - 30 DISEMBER 2017

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.



SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24.12.2017	5:44	5:54	7:14	13:16	16:38	19:12	20:27
25.12.2017	5:44	5:54	7:14	13:16	16:39	19:12	20:27
26.12.2017	5:45	5:55	7:15	13:17	16:39	19:13	20:28
27.12.2017	5:45	5:55	7:15	13:17	16:40	19:13	20:28
28.12.2017	5:46	5:56	7:16	13:18	16:40	19:14	20:28
29.12.2017	5:46	5:56	7:16	13:18	16:41	19:14	20:29
30.12.2017	5:47	5:57	7:17	13:19	16:41	19:15	20:29

BATALKAN IMAMS, BUKAN TANGGUH

“IMAMS mungkin dilaksanakan semula selepas pilihan raya umum akan datang jika BN kekal berkuasa”

KERAJAAN diminta membatalkan terus Sistem Pemantauan Manasik Bersepadu (IMAMS) yang mengawal dan mengenakan caj tambahan terhadap ibadah umrah umat Islam bukannya sekadar menangguhkannya.

pilihan raya umum akan datang jika BN kekal berkuasa tetapi jika PH menang, IMAMS akan terus berkubur, kata ahli parlimen Shah Alam, Khalid Samad

← Laporan penuh muka 8

IMAMS mungkin dilaksanakan semula selepas

Kemana RM25 bilion lebih ECRL?

KEMANA perginya lebih RM25 bilion dari projek Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL) selepas kosnya hanya RM30 bilion sedangkan pinjaman yang dibuat

dari China adalah RM55 bilion.

Persoalan juga timbul, siapa yang mendapat manfaat dari projek ini dan apakah ia telah digunakan untuk membayar

hutang 1MDB yang sedang menggoncang pertandbiran Najib Razak.

← Laporan penuh muka 2



ECRL yang dianggarkan menelan kos RM30 bilion telah membuat pinjaman RM55 bilion dari China.

ryankenji
Posted: Nov 7, 2016 3:07 PM (UTC)
Ealing, United Kingdom



10 2 Normal



Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Nazri Aziz bertemu dengan Ketua Pegawai Operasi Imams Intergrated Sdn Bhd, Ryan Kenji selepas pembatalan IMAMS.

Natural Safe Effective

SABUN MANJAKANI KAPSUL MANJAKANI

- HANDMADE
- NO HARMFUL CHEMICALS
- PARABEN FREE
- HALAL

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

OTHER PRODUCTS:

- SOAPS
- BODYSKRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA SUPPLEMENTS